

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil. 9</b>	<b>Selasa</b>	<b>28 Mac 2006</b>
---------------	---------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Program Pendidikan Pelajar Pintar Adi Putera bin Abdul Ghani</b> - <i>Y.B. Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]</i></li></ul>	(Halaman 18)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 20)
<b>USUL-USUL:</b>	
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Y.B. Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah)</i>	(Halaman 20)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 49)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 28 Mac 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**[Soalan No. 1 - Y.B. Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) tidak hadir]**

2. **Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Kementerian mengiktiraf had laju selain daripada 60, 90 dan 110 km/j dan berapa banyakkah had laju tertentu di jalan raya yang masih tertunggak, menunggu untuk diwartakan dan apakah kesannya jika pewartannya lewat dari segi undang-undang.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat tiga agensi yang terlibat dengan had laju di negara ini. Had laju di lebuh raya terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya sementara had laju nasional iaitu 90 kilometer sejam terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan had laju di jalan-jalan bandar adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengiktiraf semua had laju yang diwartakan oleh agensi-agensi sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987, Perintah Had Laju Tempatan Jalan Persekutuan Malaysia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga semua had laju yang telah diluluskan bagi tujuan pewartaan oleh Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara akan dikuatkuasakan mengikut tarikh kuat kuasa yang ditetapkan. Setakat ini tiada had laju tertentu yang masih tertunggak atau lewat bagi semua lebuh raya dan jalan raya yang sedang beroperasi. Sehubungan dengan itu tiada sebarang kesan kelewatan dari segi undang-undang berlaku.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya pihak berkuasa seperti polis tidak boleh mengambil tindakan undang-undang menyaman pemandu yang memandu laju sekiranya pewartaan had laju lewat atau tidak dibuat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang sangat komprehensif. Tahniah kerana menjadi pemimpin yang masih unggul sampai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, umum ataupun rakyat jelata keliru sama ada had laju yang selain daripada 60, 90 dan 110 kilometer sejam terutamanya di kawasan Pantai Timur ada had laju 70 dan sebagainya yang mungkin perlukan penyelarasan. Jadi, jika soal bahasa DBPIah yang

menjadi pakar rujuk utama, bolehkan sekiranya JKR menjadi rujukan utama yang mengawal segala kelulusan had laju yang tertentu bagi seluruh negara? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, apabila sahaja kita dapatewartakan semua had laju jalan, kita akan mengeluarkan Warta Kerajaan di mana kita maktubkan jalan yang mana, berapakah kelajuannya dan semuanya akan ditetapkan dalam Warta Kerajaan itu. Selain daripada itu saya tidak tahu bagaimana kita boleh memberitahu kepada pengguna-pengguna jalan iaitu papan tanda yang menunjukkan 70 kilometer, 90 kilometer dan juga 110 kilometer. Papan tanda tersebut boleh diadakan tetapi minda pengguna-pengguna jalan kita tidak boleh tukar. Dia apabila membawa kenderaan itu mindanya lain daripada apa yang ditetapkan oleh undang-undang. Itulah sebabnya ada kemalangan-kemalangan berlaku di negara kita.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dengan menetapkan had laju 110 kilometer sejam di jalan raya *highway* yang sedia ada, memandangkan kita akan menaikkan lagi ruangan yang baru *North-South Highway* yang baru, adakah had laju ini akan ditingkatkan seperti yang dibuat di Germany sekarang di mana di beberapa jalannya tiada had laju langsung dan di negara kita, *study* telah menunjukkan bahawa 110 kilometer sejam itu nampaknya terlampau kurang di beberapa tempat memandangkan jalan-jalan itu mampu melebihi 110 kilometer sejam dan tidak membahayakan pemandu ataupun rakyat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua jalan yang telah diwartakan sebagai jalan kerajaan mesti ada had laju. Tetapi kadangkala kita tidak melihat papan tanda oleh sebab papan tandanya sudah hilang.

Sekarang kita ada satu zaman baru di mana kita ada *highway robbers*. *Highway robbers* ini di mana-mana pun mereka akan mengambil papan tanda dan juga mengambil besi-besi yang sedia ada. Pada waktu malam dia memberhentikan kereta di tepi jalan masih ada papan tanda yang menunjukkan bahaya, tetapi dia buka ini, buka itu semua dan apabila pagi kita sudah tidak nampak lagi.

Jadi ini menjadi satu kerugian besar kepada kita. Banyak di antara jalan-jalan di luar daripada bandar-bandar besar tidak mengadakan papan-papan tanda yang menunjukkan had laju. Kami boleh juga memberi nasihat kepada kerajaan negeri dan Jabatan Kerja Raya negeri untuk mengadakan papan-papan tanda.

3. **Brig. Gen (B) Datuk Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah bantahan umat Islam terhadap penerbitan karikatur Nabi Muhammad S.A.W. dapat memberi mesej yang jelas kepada pihak tertentu agar tindakan tidak sensitif terhadap Islam tidak berulang lagi. apakah pula langkah konkrit yang diambil oleh Menteri Luar Negeri OIC.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya ingin turut menjawab dua soalan lain yang telah dikemukakan bersangkutan dengan isu yang sama iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar yang akan dijawab pada 28 Mac 2006 dan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Gombak yang akan dijawab pada 18 April 2006.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Boleh.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu karikatur lakaran Nabi Muhammad S.A.W. sebenarnya kepada kita, kita menganggap bukan satu isu berkenaan kebebasan. Ia adalah satu isu yang melibatkan soal penghinaan terhadap agama. Oleh sebab kebebasan tidak mempunyai sesuatu yang mutlak, maka ia perlu mengambil kira sensitiviti dan pandangan agama-agama lain terhadap apa yang mereka siarkan.

Sebagaimana yang kita ketahui, ia pertama kali disiarkan oleh akhbar Denmark, *Morgenavisen Jyllands-Posten* pada 30 September 2005 dan kemudiannya diterbitkan semula oleh beberapa akhbar Barat serta juga akhbar-akhbar tempatan. Ini adalah satu tindakan yang kita menganggap berunsur provokasi dan satu penghinaan terhadap agama dan umat Islam. Oleh itu ia menjurus kepada serangan terhadap kepercayaan agama.

Untuk makluman Dewan yang mulia, beberapa langkah telah diambil oleh OIC termasuklah membincangkan isu tersebut serta mengeluarkan kenyataan mengecam tindakan tidak bertanggungjawab akhbar tersebut. Duta-duta besar negara Islam di Denmark telah memohon mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Denmark seawal Oktober 2005 bagi membantah penerbitan karikatur tersebut. Malangnya permintaan ini tidak diendahkan dan tidak dipandang serius.

Isu ini juga telah dibincangkan oleh negara-negara anggota OIC semasa sidang kemuncak khas kali ketiga Pertubuhan Persidangan Negara Islam pada 7 dan 8 Disember 2005. Kenyataan akhir sidang kemuncak khas tersebut telah dengan sebulat suara mengutuk penyebaran karikatur yang menghina Nabi Muhammad S.A.W. Kenyataan akhir itu juga menyelar tindakan mencemarkan agama oleh media-media terbabit dengan berselindung di sebalik prinsip kebebasan bersuara. Sesalinan kenyataan akhir akhbar tersebut telah dihantar kepada Menteri Luar Denmark oleh Setiausaha Agung OIC pada 6 Januari 2006 bagi menyatakan bantahan negara-negara Islam di atas kegagalan Kerajaan Denmark menangani isu berkenaan dengan sewajarnya.

Melalui Setiausaha Agung OIC kita juga telah berusaha mendapatkan kerjasama pihak Barat dalam pertubuhan antarabangsa lain seperti Kesatuan Eropah dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam menangani masalah tersebut seperti meminta agar soal penghinaan agama dijadikan satu kesalahan antarabangsa sebagaimana soal *anti-Semitism* dan *Holocaust*.

Dalam hal ini mesyuarat kumpulan negara-negara OIC di New York telah berjaya menarik perhatian Bangsa-bangsa Bersatu dalam perbincangan berkenaan usul Majlis Hak

Kemanusiaan dan akan diteruskan rundingan ke arah mendapatkan perkara serangan ke atas perihal agama dititikberatkan dan dimasukkan ke dalam resolusi yang dibincangkan.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri melalui Kedutaan serta pejabat Perutusan Malaysia di seluruh dunia terutama yang berpusat di Riyadh, Geneva dan New York telah terlibat secara langsung dan aktif dengan Sekretariat OIC di lokasi-lokasi tersebut dalam merangka tindakan terbaik berhubung isu karikatur itu. Ini bagi memastikan kepentingan dan imej dunia Islam keseluruhannya dibela dan dipertahankan.

Sebagai langkah seterusnya sekretariat OIC telah menganjurkan mesyuarat khas negara ahli ..... peringkat Menteri Luar pada 15 Mac 2006 yang mana antara lain telah membincangkan isu karikatur tersebut dengan tujuan mencari kaedah selanjutnya bagi memastikan isu agama dan umat Islam tidak berulang lagi di masa hadapan. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di awal peristiwa akhbar Denmark menghina umat Islam ini, semua negara Islam bangkit memberontak dan melahirkan rasa marah. Antaranya ada yang menyeru dan menyarankan supaya dipulaukan barang-barang daripada Denmark sebagai satu pengajaran macam juga mereka hendak ajar Iran dengan membawa perkara itu ke Majlis Keselamatan untuk menyekat ekonomi. Itu sebagai satu cara mereka. Apakah saranan itu hanya seperti dalam peribahasa Melayu “hangat-hangat tahi ayam”. OIC pun nampaknya tidak ada memberi rangsangan untuk mengajar Denmark ini sebagai contoh pihak-pihak lain jangan membuat penghinaan seperti ini menggalakkan pulau betul-betul barang-barang Denmark. Ini “hangat-hangat tahi ayam” jadi lain kali tidak ada apa-apa penalti yang dikenakan kepada negara yang melakukan perkara-perkara seperti ini. Kita memang marah sangat.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Inilah pemuluan barang kepada Denmark oleh negara-negara Islam.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Apakah dipelopori ataupun pihak OIC dengan diplomatik yang lemah lembut akhirnya orang pijak kepala orang Islam dan tidak ada pembelaan. OIC, Oh! I C.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat tidak suka berlembut. Ada masa kita perlu berlembut. Kasih sayang tidak pernah terjalin dengan kekasaran.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya katakan mungkin kita tidak nampak perkara-perkara ini. Yang sebenarnya Denmark pada awalnya telah mendiamkan dan tidak mengambil peduli terhadap pandangan dan perhatian negara-negara Islam tetapi selepas perkara ini menjadi satu perkara yang menjejaskan ekonomi mereka, baru mereka mengambil tindakan dan Kesatuan

Eropah sendiri telah membuat ke negara-negara Islam. Menteri Luar Denmark sendiri telah menelefon saya dan meminta tolong daripada Malaysia untuk kita menentukan dapat disejukkan perasaan negara-negara Islam terhadap Denmark. Saya fikir suara lantang yang kita berikan yang kita sampaikan telah mempunyai kesan dan telah menjejaskan ekonominya sedikit sebanyak. Tetapi untuk kita mengambil tindakan secara terbuka supaya memulaukan atau mengambil tindakan kekerasan ia boleh mendatangkan akibat yang lebih negatif daripada yang lebih baik. Sekarang ini mencukupi daripada tindakan walaupun nampak lembut tetapi cukup tegas. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri. Kadang-kadang betul apa yang Dato' Seri kata perlu lembut kadang-kadang perlu keras. Ada waktu lembut ada waktu keras. Keras selalu tak boleh dan lembut selalu pun tak bagus. Keras sangat pun sakit, ini Yang Berhormat Arau kata.

Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, kita sebagai sebuah negara Islam dan kita mengengerusikan OIC, rata-rata dunia Barat sekarang ini terutama sekali Amerika Syarikat, Australia dan sebagainya mencipta penghinaan kepada umat Islam. Mencipta penghinaan, mencaci dan mengangap umat Islam ini adalah umat yang tidak bertamadun. Apakah tindakan negara-negara Islam kita OIC untuk mempertahankan dan menjelaskan kepada dunia bahawa Islam ini adalah orang baik, orang yang sederhana, orang yang tidak keras, orang yang lembut, orang yang berbudi bahasa. Jadi apakah tindakan OIC? Inilah soalnya.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Sudah bagi soalan cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Apakah tindakan OIC dan negara-negara lain untuk menjelaskan ....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah, cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...yang ini penting Dato' Seri. Hari ini kita lihat macam-macam negara besar membuli kita. *So, it is not fare big brother to bully us. You must be very ferm sir,* dengan izin. *No way if they try to bully us* dengan izin.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang Jerai telah bercakap dalam bahasa Inggeris. Saya khuatir ke arah mana dia akan bawa saya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya hendak bagi Barat faham. Kalau cakap Melayu mereka tidak faham.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap bahawa banyak perkara yang ingin kita perbetulkan di dalam negara-negara Islam. Ia memerlukan kepada muhasabah, kita kena melihat ke dalam diri kita. Kalau di kalangan di negara-negara Islam kita mempamerkan ataupun kita memancarkan satu unsur yang negatif dan kita membuat perkara-perkara jahat di atas nama Islam maka di mana kita hendak meletakkan maruah dan kedudukan agama kita. Kita melakukan keganasan kita jerit Allah Akbar dan

perkara-perkara yang sedemikian dan ini memberikan pandangan, persepsi yang negatif terhadap kita.

Walau bagaimanapun, usaha OIC ialah untuk merapatkan jurang perbezaan dan kalau kita kukuh dalam bidang ekonomi dan mempunyai kedudukan ekonomi yang kuat maka kita dapat merapatkan jurang perbezaan di antara negara-negara OIC, orang akan hormat lebih daripada kita. Masa ini pun sudah ada tanda-tanda kerana bila hendak mengambil tindakan ke atas Iran pun misalnya kita berbincang termasuk dengan Amerika Syarikat, termasuk dengan Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Jadi kita kena betulkan rumah kita dahulu dan perkukuhkan kedudukan kita, *Insyah-Allah* orang akan menghormati kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gombak.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, yang saya lihat apa yang dilakukan oleh OIC ialah sama ada menyelar, mengutuk dan juga mengadakan persidangan demi persidangan. Yang saya lihat perkara ini berlaku atas dua manifestasi. Sama ada disebabkan *ignorance* oleh pihak Barat ataupun disebabkan prejudis oleh pihak Barat terhadap Islam. Yang kita ingin tahu ialah apa langkah-langkah *preventive* sama ada jangka pendek atau jangka panjang oleh OIC untuk memastikan bahawa perkara-perkara ini tidak berulang. Mungkin kalau kita lihat banyak di pihak Barat yang tidak mengetahui seperti mana yang saya katakan tadi. Jadi untuk mengurangkan pertembungan yang negatif di antara Islam dan Barat apakah langkah-langkah yang akan dilakukan oleh OIC?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi langkah positif kita mengadakan banyak perbincangan. Macam Malaysia kita ambil pendekatan Islam Hadhari untuk menunjukkan kesederhanaan, sikap toleransi, keadilan dan kesaksamaan kita dan kita tidak menentang kemodenan. Tetapi di masa yang sama di kalangan kita, sedang kita berusaha ke arah untuk memberikan imej yang baik ada kumpulan-kumpulan yang *hijack* agama kita dengan menggunakan label Islam untuk perbuatan-perbuatan jenayah kemanusiaan. Jadi ini semua kita perlu atasi secara bersama tetapi kita sudah mula mengadakan berbagai-bagai dialog *inter face*, *inter civilizational* dengan izin, dialog dengan negara-negara Barat dengan agama-agama lain supaya ia melahirkan persefahaman dan kerjasama yang lebih bermakna, berkesan dan erat. Terima kasih.

**4. Dato' Seri Diraja Syed Razlan Ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sejauh manakah kemajuan perusahaan perabot berasaskan cebisan kayu (woodchip) di Malaysia dan adakah ia mencapai tahap ketahanan yang tinggi termasuk kalis air.

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui [Miri]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Arau selain daripada kayu getah

dan beberapa jenis kayu yang lain papan serpai yang diperbuat daripada *woodchip* dan MDF atau *Medium Density Fiber Board* juga merupakan bahan-bahan yang digunakan dalam pembuatan perabot di Malaysia.

Papan serpai atau *particle board* dengan izin biasanya digunakan untuk pembuatan almari, rak kabinet, meja dan juga pelbagai sekat atau *partition*. Ini kerana berbanding dengan bahan mentah kayu atau *solid wood* dengan izin, kos harga papan serpai adalah lebih rendah. Dalam hubungan ini kekuatan papan serpai khususnya dalam pembuatan perabot telah berjaya ditingkatkan melalui pembangunan dan penyelidikan. Penggunaan teknologi baru terutamanya melalui kaedah pelapisan atau dengan izin *lamination* dengan bahan-bahan lain seperti *venier*, *melamine*, plastik dan kertas.

Penggunaan kaedah baru ini secara langsung telah memperluaskan potensi kegunaan papan serpai bukan sahaja di dalam pembuatan perabot malah juga turut digunakan dalam sektor pembinaan. Ini kerana melalui proses pelapisan tersebut papan serpai telah berjaya ditingkatkan kualitinya termasuk di dalam penghasilan produk yang kalis air di samping menyumbang kepada ketahanan dan kekuatan *mechanical* bahan tersebut melalui penggunaan bahan kimia seperti '*iso sonite resin*' dengan izin yang membolehkan ia digunakan untuk pembuatan perabot. Bahan kimia '*iso sonite resin*' ini adalah sejenis bahan berikat yang meningkatkan kualiti dalam penghasilan papan serpai yang kalis air, tahan api dan juga tahan terhadap serangan kulat dan serangga. Tambahan pula dengan penggunaan kaedah ini papan serpai yang mencapai tahap pelepasan *formaldehyde* yang rendah selaras dengan piawaian antarabangsa terutamanya di Jepun dan Eropah. Sekian.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Arau.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Terima kasih. Datuk Menteri, yang saya hendak tanya ialah kalis atas papan-papan itu. Saya hendak tanya ini, oleh kerana baru-baru ini pada bulan Disember 2005, Perlis dilanda banjir. Jadi, bila banjir sudah sampai ke rumah mereka lalu mereka ini duduk di atas katil. Katil itu dibuat daripada *woodchip*. Tidak lama lepas itu katil ranap sampai ke bawah kerana reput. Jadi adakah kualiti yang dijual di Malaysia dengan kualiti yang dijual di luar negara sama ataupun kita diberi kualiti yang lebih rendah? Saya nampak macam tidak ada kualiti ataupun kita menggunakan *resin* gam yang *low quality*. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya 30% daripada perabot di negara ini adalah diperbuat daripada papan serpai ini. Dan saya bersetuju, biasanya sebab harganya rendah sebab itu perabot-perabot yang dibuat dari papan serpai ini biasanya di jual dalam negara. *Furniture* untuk eksport adalah diperbuat daripada kayu (*solid wood*) sebab ia dapat *value added*. Bukan *value added* tetapi yang lebih tinggi sebab itu ia dieksportkan. Dan sama ada kualitinya sama dengan eksport saya akan meneliti sebab saya tidak ada maklumat tentang perkara ini bahawa papan serpai yang digunakan dalam Malaysia ini



adalah lebih rendah kualiti dibandingkan dengan yang dieksport. Saya akan meneliti dan menyiasat perkara ini dan akan membawa jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pembuatan papan serpai ini memang memerlukan *synthetic glue* untuk menjalin perhubungan di antara serpai-serpai yang ada. Selain daripada MDF. MDF ini sebab dia gentian. Dia boleh melekat dengan sendirinya. Untuk pertanyaan tentang kalis air tadi, saya juga ingin menyentuh tentang kalis air. Kenapa tidak digunakan *synthetic glue* yang *waterproof* kerana banyak *synthetic glue* yang *waterproof* ini seperti melamin. Ini akan membolehkan air tidak dapat menyerap ke dalam papan serpai tersebut, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Jawapan memang kita gunakan pelbagai proses *lamination* yang perlu seperti untuk *veneer*, untuk melamin dan.... termasuk juga kertas. Kalis air ini memang satu perkara yang kita perlu siasatlah dan saya akui kalau perkara ini menunjukkan bahawa kualiti di dalam negara ini tidak cukup tinggi, kita akan mengadakan kempen atau cara-cara untuk meningkatkan termasuk juga kempen untuk menaikkan kualiti di kilang-kilang yang membuat *particle board* ini. Sebenarnya dia hanya 13 kilang Yang Berhormat, bukan banyak. 13 sahaja yang kita boleh siasat dengan rapi.

5. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan akan diuntukkan bagi menaik taraf laluan 3215 Jalan Persekutuan dan membaik pulih jalan utama Serdang Raya, Seri Kembangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan; dan
- (b) jika ada, adakah juru perunding dilantik untuk projek berkenaan dan bilakah projek ini akan dimulakan. Jika tidak, mengapakah.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf jalan besar Seri Kembangan di daerah Petaling dan menaik taraf dengan membina persimpangan bertingkat di Jalan Serdang Raya ada dipohon di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Peruntukan yang dipohon bagi melaksanakan projek ini adalah sebanyak RM22 juta. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan untuk projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri kelak.

Jawapan (b) Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, juru perunding hanya akan dilantik setelah kelulusan untuk melaksanakan projek tersebut diperolehi serta peruntukan untuk projek tersebut mencukupi.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Laluan 3215 Jalan Persekutuan dalam keadaan teruk, tidak mengikuti piawaian JKR, sesak,

sepatutnya dinaikkan taraf. Walau bagaimanapun, permohonan untuk peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan masih belum diperuntukkan. Ertinya masih ada tanda tanya. Jadi apa sebabnya tidak dapat kelulusan daripada EPU, walaupun begitu lama telah diminta. Jadi apa sebabnya masih belum dapat satu ketetapan untuk menaikkan taraf Jalan Persekutuan ini, di mana saya minta Yang Berhormat sama ada di *dedicated highway* yang sedang dibina pada ketika ini melintas laluan 3215 Jalan Persekutuan, ini akan membuka satu jalan keluar masuk daripada laluan ini, jadi ia dapat mengatasi kesesakan atau tidak?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, .....seorang Ahli Parlimen yang paling bernasib baik oleh kerana dapat banyak jalan di kawasan Serdang itu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Patutlah Jerai tidak ada jalan. *[Menyampuk] [Ketawa]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Dekat 5% daripada perbelanjaan negara adalah untuk jalan yang berada di kawasan Serdang. *[Dewan gamat seketika]*

**Beberapa Ahli:** Whoaa! *[Dewan gamat seketika]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, permintaan Yang Berhormat sudah diterima oleh kementerian saya dan kami mengesyorkan cadangan ini kepada Unit Perancang Ekonomi. Apabila kita dapat kelulusan, kita boleh juga mula kerja. Tetapi kita kena tunggu, adakah Unit Perancang Ekonomi akan memberi kelulusan atau tidak? Saya akan menulis surat kepada Kementerian Kewangan untuk menimbang perkara iaitu membina sebuah persimpangan bertingkat. Persimpangan bertingkat itu ia selalunya dapat masalah. Kita cubalah 'insya-Allah', kalau dapat peruntukan kita boleh juga membina dengan segera.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tiap kali kita dengar ucapan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan juga Timbalan Menteri Kerja Raya sama ada mengenai permasalahan ataupun mengenai kelulusan sesuatu perkara, itu kita dengar EPU. Setiap kali EPU, setiap kali EPU. Jadi saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, apakah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ada kuasa dalam hal-hal kerja raya ataupun semua kuasanya tertakluk kepada EPU, EPU, EPU? *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kerja Raya ada kuasa untuk membina dan melaksana projek, tetapi agensi yang akan meluluskan peruntukan itu diletakkan dalam EPU. Ini ada dua bahagian. EPU merancang untuk memberi projek kepada mana-mana negerinya. Walaupun kita memohon untuk projek-projek baru, tetapi projek itu mesti diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Tanpa kelulusan daripada mereka, kami tidak boleh menjalankan apa-apa projek. Ada juga kuasa untuk melaksana, kuasa untuk menender dan kuasa untuk mendapat tahu apakah keadaan jalan. Laporan balik kepada EPU, memberitahu kepada EPU, inilah keadaan jalan. Kami mahu duit untuk menjalankan projek ini, memperbaiki atau menaik taraf. Pada akhirnya, kelulusan daripada Tuhan EPU.

**6. Datuk Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan pertumbuhan eksport negara ke Amerika Syarikat, China, India, Singapura dan Eropah sepanjang tahun lalu serta prospek aliran pertumbuhan tahun ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya eksport negara meningkat pada kadar 11% pada tahun 2005 dan jumlah RM533.8 bilion berbanding dengan RM480.7 bilion pada tahun 2004. Eksport ke Amerika Syarikat meningkat pada kadar 16.5% iaitu meningkat daripada RM90.2 bilion pada tahun 2004 kepada RM105 bilion pada tahun 2005. China meningkat 96% daripada RM32 bilion kepada RM35 bilion. Singapura meningkat 5.5% daripada RM72.2 bilion kepada RM83 bilion dan Kesatuan Eropah meningkat 3.7% daripada RM60.4 bilion kepada RM62.9 bilion.

Eksport utama Malaysia ke Amerika Syarikat pada tahun 2005 adalah produk *electrical electronic* - 78%, produk kayu - 3.1%, tekstil dan pakaian - 2.8%, peralatan *optical* dan saintifik - 2.6% dan jentera peralatan komponen - 1.5%.

Eksport utama Malaysia ke China pada tahun 2005 adalah produk *electrical* dan elektronik - 43.4%, minyak sawit - 12.6%, kimia dan produk kimia - 11.1%, getah - 5.7% dan jentera peralatan komponen - 3.6%.

Eksport utama Malaysia ke Singapura pada tahun 2005 adalah produk *electrical* dan elektronik - 52.7%, produk petroleum disaring - 13.1%, jentera peralatan komponen - 5.1%, petroleum mentah - 3.3% dan kimia dan produk kimia - 2.9%.

Eksport utama Malaysia ke Kesatuan Eropah pada tahun 2005 adalah produk *electrical* dan elektronik - 59.6%, minyak sawit - 6.4%, jentera peralatan dan komponen - 3.5%, produk *optical* dan saintifik - 3.1% dan tekstil dan pakaian - 2.9%.

Berdasarkan kepada arah aliran eksport yang positif ke negara-negara berkenaan sejak beberapa tahun yang lalu di samping prospek ekonomi negara-negara berkenaan yang dijangka akan terus kukuh pada tahun ini, prospek aliran pertumbuhan eksport ke negara tersebut dijangka akan terus positif. Terima kasih.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. China dan India bakal akan menjadi negara ekonomi yang penting di rantau ini. Dari segi faktor kos, tentulah China dan India mempunyai daya saing yang lebih baik dibandingkan negara kita. Kita nampak trend yang ada sekarang bahawa kedua-dua negara tersebut berjaya menarik FDI ke negara berkenaan. Apakah pergantungan kita terhadap sektor pembuatan elektrik dan elektronik akan menjamin masa depan eksport kita berbanding dengan kedua-dua negara yang akan menjadi negara ekonomi yang besar di Asia ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Beluran bahawa China dan India merupakan kuasa

ekonomi besar dan pada masa hadapan akan terus menjadi pesaing kepada kita. Di sini ada beberapa isu yang membangkitkan pertama dari segi daya saing kita dengan negara-negara tersebut. Dari segi daya saing seperti mana kita tahu, konsep *competitive advantage*, ada bidang-bidang yang kita mempunyai *advantage* berbanding dengan negara-negara tersebut dan ada bidang yang mereka mempunyai *advantage* daripada negara kita.

Selepas itu Yang Berhormat bertanya mengenai dengan bidang elektronik. Bidang elektronik akan terus menjadi sektor yang akan menjadi jumlah eksport kita akan banyak bergantung kepada sektor elektronik. Di samping itu, di bawah PIP 3. Kita sedang merangka satu dasar perindustrian selama 15 tahun, di mana kita akan lihat pada sektor-sektor lain terutama dalam sektor-sektor yang kita ada kekuatan, yang memerlukan kepada produk-produk berbentuk hiliran. Perkara ini sedang dan akan dilakukan.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, menyatakan bahawa sektor E&E ataupun elektronik dan *electrical* ini memang merupakan satu barangan eksport yang utama negara kita, terutama kepada negara seperti Amerika Syarikat, China dan negara-negara yang lain. Tetapi pada masa yang sama, negara kita menghadapi beberapa cabaran.

Pertamanya, mengenai penurunan FDI kepada negara kita. Walaupun maklumat yang kita terima tahun lalu melebihi RM17.9 bilion, tetapi saya difahamkan kebanyakan mereka adalah pelaburan semula ataupun *reinvestment*. Ini satu FDI.

Cabaran yang kedua ialah ada ura-ura menyatakan bahawa dolar Amerika ini akan turun kerana masalah-masalah yang mereka hadapi. Sebagai contoh masalah hutang mereka yang mencecah lebih daripada RM8 trilion pada hari ini dan juga peperangan di Iraq dan kenaikan harga minyak dunia dan sebagainya.

Saya hendak tahu apakah langkah-langkah kerajaan ini, kalau kedua-dua cabaran ini berlaku? Apakah langkah-langkah yang efektif kerajaan untuk melindungi ataupun memberikan *protection* dengan izin, kepada SMI di sektor pembuatan dan perkilangan ini, di mana lebih daripada 90% adalah daripada SMI tempatan. Saya hendak dapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali dari segi FDI, saya ingin menyatakan dari segi pembahagian FDI ke negara kita, bukannya semua untuk *expansinary*, banyak yang baru. Kalau saya ambil keseluruhan dari segi domestik dan juga FDI, dari segi keseluruhan FDI dan domestik peratusan, ada untuk projek-projek baru. Ada lebih kurang dalam 60% berbanding dengan *expansinary* dan *diversification* punya projek dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dalam erti kata, FDI akan terus datang ke negara kita. Malah dalam tempoh setahun lalu, kita dapati bahawa ada kilang-kilang yang telah berpindah ke China, akhirnya datang ke negara kita.

Mengenai dengan dollar Amerika, kita tahu bahawa mata wang ini dia akan berubah mengikut kepada nilai-nilai permintaan pasaran. Ada masa dia akan naik, ada masa dia akan turun. Pada peringkat ini kita dapati bahawa eksport kita terus meningkat, saya ambil contoh pada bulan Januari tahun ini eksport kita telah meningkat sebanyak 11.7 peratus berbanding dengan Januari tahun lalu dan ini telah pun mencatatkan satu rekod pada negara kita iaitu selama 99 bulan berturut-turut kita mendapat lebih dagangan daripada segi keseluruhannya. Di mana saya nyatakan tadi, dari segi jangka panjang beberapa strategi dilakukan oleh kerajaan iaitu pertama kita mengadakan KIP3 ini untuk satu tempoh waktu selama 15 tahun dan pendekatan-pendekatan lain umpamanya kita tidak melihat kepada pasaran tradisi semata-mata, kita pergi kepada pasaran-pasaran baru di samping kita mempunyai kerjasama di peringkat ASEAN bagaimanakah untuk mengukuhkan rantau ini untuk bersaing dengan rantau-rantau lain di samping kita akhirnya akan mewujudkan East Asia, Pasaran Bebas East Asia pada satu masa akan datang. Dari segi negara kita usaha untuk meningkatkan daya saing produk terus berlaku. Daya saing produk boleh dilihat dari beberapa sudut, satu daripada segi produk *differentiation*, produk yang boleh dilahirkan, yang lebih berkualiti dan mempunyai daya saing dengan produk yang lain di samping melihat dari segi kos produk tersebut yang lebih murah untuk dijual di negara-negara lain. Dari segi SME berbagai-bagai pakej kita ada, antara yang kita buat adalah *industrial linkage* program di mana apa yang kita lakukan dan kita telah menyenaraikan syarikat-syarikat multinasional dan kita *link* kan SME kita sebagai *supplier* kepada syarikat multinasional dan ini telah berjaya. Apabila kita bercakap tentang eksport ENE yang besar dalam *balance sheet* kita. Sebenarnya sebahagian daripada *outsourcing* tersebut dilakukan oleh SME bukannya 100 peratus nilai tambah tersebut dikuasai oleh multinasional ini dan sebahagian besar adalah kerja-kerja yang dilakukan oleh melalui proses *outsourcing* SME kita makna dalam nilai tambah tersebut syarikat kita mendapat keuntungan yang besar.

**7. Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian sedar terdapat banyak pili bomba telah dipecah, dicuri dan dijual oleh pencuri-pencuri. Apa langkah-langkah segera yang diambil untuk membaik pulih fungsi pili bomba dan langkah-langkah mencegah kecurian tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang sedar terhadap banyak pili bomba telah dipecah, dicuri dan dijual oleh pencuri-pencuri. Untuk mengatasi masalah ini, langkah-langkah telah diambil untuk membaik pulih fungsi pili bomba tersebut dengan cara membaiki atau mematikan dengan secara komponen atau bahagian pili bomba yang rosak atau hilang supaya pili bomba tersebut dapat berfungsi semula. Sepanjang tahun 2002 sehingga tahun 2005 sejumlah 32, 996 komponen pili bomba iaitu penutup tanpa dan *outlet cap* telah didapati curi.

Di antara langkah-langkah pencegahan yang telah diambil bagi mengelakkan kecurian ini daripada berlaku ialah:

- (i) unit pili bomba Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengadakan rondaan secara berkala bagi memantau keadaan pili-pili bomba.
- (ii) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah memperkenalkan skim teman pili bomba kepada masyarakat. Teman atau individu yang diberi tanggungjawab untuk menjaga sesuatu pili bomba akan memaklumkan dengan segera kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ataupun pihak polis jika berlaku kecurian komponen atau kerosakan pili bomba. Selain itu orang ramai juga disarankan bertindak demikian demi menjaga harta benda awam.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Menteri Kerja Raya beliau lebih tahu bahawa bukan sahaja papan tanda dicuri bahkan transformer TNB sekarang pun dicuri, landasan kereta api pun dicuri dan sekarang pili bomba dan meter air pun dicuri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, perbelanjaan untuk membaik pulih pili bomba-pili bomba yang dicuri itu adalah tanggungjawab kementerian Yang Berhormat atau PBA (Pihak Berkuasa Air Tempatan) kerana apabila kami meminta Pihak Berkuasa Air untuk membaik pulih dia kata, ini bukan bidang kuasa mereka, mereka tidak ada peruntukan untuk belanja dan sekiranya ini adalah tanggungjawab kementerian Yang Berhormat, ini bukan berlaku sekarang, ia telah berlaku enam bulan yang lepas. Jadi bilakah kerja-kerja ini dan peruntukan-peruntukan ini akan disalurkan kepada pihak-pihak tertentu untuk membaik pulih dengan serta-merta dan adakah Yang Berhormat ada kenal pasti atau mereka bahan-bahan lain supaya dia bukan dibuat daripada tembaga, bukan dibuat daripada 'task iron' tetapi dibuat daripada barang-barang atau bahan-bahan yang lain, sekian.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini untuk maklumat Yang Berhormat dari Bagan, tanggungjawab untuk menyelenggarakan pili bomba ialah di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat negara kita. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan kewangan untuk menyelenggarakan pili bomba contohnya tahun 2005 sebanyak 7 juta ringgit. Itu jawapan pada pertama.

Bahagian kedua ialah tentang reka bentuk atau *design* dengan izin pili bomba. Kami di Jabatan Bomba dan Penyelamat kita kira mungkin ini reka bentuk kita perlu menyiasat kemungkinan akan meningkatkan taraf supaya lebih sulit untuk pencuri buka pili bomba. Ini kita akan beri perhatian tetapi untuk maklumat Yang Berhormat ini, saya rasa ini masalah bukan tentang pili bomba seperti dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, saya harap ini semua pihak termasuk wakil rakyat Barisan Nasional dan wakil rakyat pembangkang kita bekerjasama supaya jadi satu jalan ke arah meningkatkan kesedaran sivik rakyat kita, sekian.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri saya bangun kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut wakil rakyat kena jaga pili bomba. Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, saya dapat melihat di samping tindakan rondaan teman dan juga keprihatinan orang ramai telah diambil tindakan oleh pihak bomba dan penyelamat kita mengetahui bahawa tajuk utama dalam *fire protection and prevention* ini, yang pertama sekali ialah bagaimana kita mempunyai dan merakamkan data-data yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak bomba dan penyelamat telah bersedia untuk mengambil satu langkah yang besar iaitu untuk mencegah dari berlakunya sebarang kerosakan dan kecurian iaitu dengan mempunyai satu sistem pemantauan yang dipanggil 'SKADA'. 'SKADA' ini lebih untuk mengawal pili-pili bomba ini secara *remote*, adakah pihak bomba telah bersedia untuk mengambil langkah yang besar ini, terima kasih.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang ini cadangan baik bergantung kecukupan kewangan. Untuk maklumat Yang Berhormat belian awal sehingga Disember 2005. Pili bomba jenis gentian 2000, 513 unit pili bomba di bawah tanah jumlahnya 35, 514 unit. Jumlahnya sampai Disember 2005 ialah 236, 027 unit, ini kalau pakai semua pasang komputer *remote control* semua itu sangat mungkin ....ini saya akan bawa cadangan balik ya. *[Dewan menjadi riuh sendah]* Untuk mereka tetapi saya tidak janji, tidak janji kerana ia terlalu banyak. Saya bukan, tadi saya bukan mencadangkan wakil rakyat pergi menjaga pili bomba, bukan. Saya minta kerjasama daripada wakil rakyat untuk meningkatkan kesedaran sivik rakyat kita, okey. Terima kasih.

**8. Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan dirancang untuk menyeragamkan institusi prasekolah di negara kita memandangkan institusi tersebut paling tidak teratur dan kurang berkesan dari segi kurikulum, tenaga pengajar serta prasarana 'P&P'. Kenapakah terlalu banyak agensi lain terlibat dalam pendidikan prasekolah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, pembukaan kelas prasekolah adalah bertujuan untuk menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk menerima pendedahan mengenai pendidikan awal sebelum memasuki tahun satu. Dari segi kawalan semua pihak yang mengendalikan kelas prasekolah mestilah berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memenuhi syarat penubuhan tadika tersebut dan tindakan boleh diambil sekiranya mereka mengingkari syarat-syarat yang ditetapkan. Dari segi kurikulum Akta Pendidikan 1996 telah menetapkan semua agensi pelaksana program prasekolah wajib menggunakan kurikulum prasekolah kebangsaan dan dia telah pun terlaksana mulai tahun 2003. Selain daripada itu mana-mana tadika yang melaksanakan kurikulum tambahan perlu memaklumkan kepada Kementerian Pelajaran tentang kurikulum tersebut. Kementerian juga telah menetapkan kelayakan akademik minimum iaitu memiliki sijil SPM bagi guru tadika dan

mereka perlu mengikuti kursus tentang kurikulum prasekolah kebangsaan. Tadika juga dimestikan untuk mengadakan pembantu guru berdasarkan jumlah murid yang berada di tadika tersebut. Walau bagaimana pun Kementerian Pelajaran maklum bahawa terdapat perbezaan dari segi pengurusan dan infrastruktur terutamanya di antara bandar dan luar bandar. Sebagai langkah jangka panjang Kementerian Pelajaran Malaysia sedang mengkaji semula peraturan-peraturan yang berkaitan dengan tadika bagi memastikan semua tadika memenuhi satu standard kualiti minimum yang bakal ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. Oleh yang demikian, tanggapan bahawa institusi prasekolah di negara kita paling tidak teratur dan kurang berkesan dari segi kurikulum, tenaga pengajar serta prasarana pengajaran dan pelajaran adalah tidak benar. Dalam memberikan kemudahan pendidikan pihak-pihak lain juga seharusnya dilibatkan dan memberi sumbangan. Selain daripada prasekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah mewujudkan tadika perpaduan. Tadika KEMAS dikelolakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atau KKLW dan terdapat juga tadika-tadika yang ditubuhkan oleh pihak swasta. Dalam keadaan ini kelas-kelas tadika yang diwujudkan oleh pihak yang disebutkan diharap dapat memenuhi keperluan penduduk setempat sama ada di bandar mahupun di luar bandar.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih. Saya ingin bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita tahu walaupun tahun 2006 ini kita sudah begitu maju sekali tetapi pendidikan prasekolah telah ketinggalan. Dan tidak ada fokus dan tidak ada pemantauan yang serius. Ini telah menyebabkan kekangan antara bandar dan luar bandar di mana pelajar-pelajar masuk darjah satu jauh ketinggalan berbanding dengan bandar yang ada prasarana prasekolah, dan tidak ada sebarang penyelarasan.

Soalan saya, apakah alasan kementerian tidak mahu menerapkan pendidikan prasekolah dalam sistem sekolah rendah di Malaysia secara wajib? Dan, kenapa harus banyak lagi kementerian yang terpaksa melakukannya? Kenapakah tidak satu kurikulum yang sama dan seragam di bawah naungan dan penyeliaan Kementerian Pendidikan dirangkakan untuk diguna pakai oleh semua agensi kerajaan yang mengendalikan pendidikan prasekolah?

**Puan Komala Devi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih atas soalan tadi. Memang tidak benar bahawa kementerian tidak memberi fokus kepada kepentingan prasekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2005 kita dapati sebanyak 3,665 kelas prasekolah di Sekolah Kebangsaan; 112 prasekolah di SJKC dan 60 kelas persekolahan di SJKT. Sebagai program peluasan kelas-kelas prasekolah di Sekolah Kebangsaan SJKC, SJKT, Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Prasekolah Integrasi dan di Maktab Perguruan. Unjuran kita adalah untuk pada 2002 sebanyak 100 kali kelas ditambahkan; 2003 - 1,500; 2004 - 500; 2005 - 700.



Disebabkan peruntukan kewangan tidak mencukupi, peluasan prasekolah seperti yang dirancang untuk 2004 dan 2005 tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Tetapi kami masih lagi teruskan dengan peluasan program. Pada masa yang sama, seperti saya telah katakan sebelum ini, kajian telah dan sedang dijalankan untuk menyeragamkan semua kelas-kelas tabika. Dan, pada masa ini kelas-kelas dijalankan oleh ABIM, oleh Jabatan Agama Islam Negeri, oleh KEMAS, dan di bawah KEMAS kita dapati sebanyak 8,307 kelas; di bawah Jabatan Perpaduan Negara sebanyak 1,500 kelas dan yang dijalankan oleh swasta adalah sebanyak 3,924 kelas. Terima kasih.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebenarnya mengikut perangkaan yang ada masih ada lagi kira-kira 36% kanak-kanak yang berusia lima tahun yang jumlahnya dianggarkan 511,700 orang yang tidak dapat akses kepada prasekolah. Kajian oleh Kementerian Pelajaran sendiri pada tahun 1996 menunjukkan kanak-kanak yang menghadiri prasekolah kebanyakannya akan dapat menguasai kemahiran 3M di peringkat sekolah rendah dengan baik.

Dan, begitu juga kajian telah dijalankan pada tahun 1989, kebanyakan pelajar-pelajar yang mendapat gred satu adalah mereka yang pernah menghadiri prasekolah. Persoalannya ialah adakah kementerian bercadang untuk meningkatkan lagi akses memasuki prasekolah ini memandangkan ia memberi kesan yang baik kepada pembelajaran anak kita, seperti yang dibuat negara maju. Yang keduanya adakah kementerian akan menubuhkan sebuah jabatan yang kursus iaitu Jabatan Pendidikan Prasekolah untuk menyelaraskan semua prasekolah, baik di bawah KEMAS, baik di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan juga jabatan-jabatan yang lain.

Seterusnya, soalan saya ialah adakah kerajaan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat! Da sahaja, Yang Berhormat.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Ini penting! Adakah kementerian akan memohon kepada kerajaan supaya sekurang-kurangnya 10% daripada penjimatan minyak RM4.4 juta diperuntukkan untuk prasekolah. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Komala Devi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dari segi sama ada kita akan menubuhkan satu jabatan khusus untuk menjaga hal-hal menyeragamkan kelas-kelas prasekolah ini, saya tidak dapat memberi satu jawapan pada masa ini tetapi kalaulah itu satu cadangan dari Ahli Yang Berhormat, memang saya rasa kita boleh mempertimbangkan.

Nombor dua, dari segi meningkatkan lagi akses kepada prasekolah, saya rasa ini adalah satu bidang di mana kami memberi sangat banyak kepentingan dan juga fokus di kementerian pelajaran dan hasrat kita adalah untuk melebihi lagi, lebih ramai anak-anak kita yang dapat peluang untuk pergi ke prasekolah sebelum mereka memasuki sekolah rendah. Peruntukan telah pun dibuat untuk kita menambahkan kelas-kelas prasekolah ini tahun demi tahun. Hasrat

kami adalah pada akhirnya semua anak-anak di negara kita ini dapat peluang untuk pergi ke prasekolah sebelum memasuki sekolah rendah.

Dari segi bolehkah sebahagian daripada penglibatan subsidi minyak digunakan untuk hal ini, saya rasa itu bukan tempat saya untuk buat keputusan. Tetapi kalau cadangan boleh ditujukan kepada kerajaan saya rasa kita boleh mempertimbangkan. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, cukuplah.

9. **Datuk Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah pembekalan elektrik dan air ke Kalabakan dan Pulau Sebatik, Tawau akan dilaksanakan sedangkan ia terdapat dalam Rancangan Malaysia Kelapan. (RMK-8).

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Laje]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya menjawab soalan daripada rakan saya dari Kalabakan. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, sebuah mini loji bekalan air telah di bina di Pulau Sebatik dengan kos RM12 juta untuk membekalkan air rawat ke Kampung Wallace Bay dan juga kampung-kampung berdekatan.

Manakala bekalan air di kampung-kampung lain termasuk di kawasan Kalabakan akan dilaksanakan secara berperingkat sesuai dengan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dan senarai keutamaan yang ditentukan oleh pihak berkuasa negeri Sabah. Kementerian juga telah menerima permohonan projek bekalan elektrik luar bandar ke Pulau Sebatik daripada pihak kerajaan negeri untuk pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada siling peruntukan program BALB yang diluluskan oleh kerajaan. Bagi bekalan elektrik di Parlimen Kalabakan pula Kerajaan Negeri Sabah tidak mengemukakannya sebagai senarai keutamaan. Sekian.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Persoalannya sekarang ialah bekalan air ke Kampung Kalabakan dan juga sekitar Pulau Sebatik. Apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi ialah bekalan air yang sudah pun selesai di Kampung Tamang dan Sebatik. Bukannya keseluruhannya pulau. Jadi, kita minta kalau boleh supaya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kampung-kampung lain yang belum ada air diberi keutamaan. Bagi bekalan elektrik kita dapati bahawa Kampung Kalabakan bukan kawasan Parlimen Kalabakan, Kampung Kalabakan.

Hinggakan TV3.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Soalannya, Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Hinggakan TV3 meng*highlight*kan bahawa di Kalabakan hingga sekarang belum ada lampu dan air. Ini bererti bahawa Kerajaan

Barisan Nasional terutama sekali UMNO pada ketika ini tidak prihatin terhadap bekalan air di kawasan-kawasan luar bandar. Saya meminta, persoalannya ialah sampai bila lampu dan air dapat disampaikan di kawasan-kawasan kampung di seluruh Kalabakan?

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, kenyataan yang mengatakan Kerajaan Barisan Nasional tidak prihatin dan sebagainya itu tidak betul. Memang kerajaan melalui kementerian sentiasa membuat perancangan bagi memastikan semua kawasan sama ada di luar bandar atau di pinggir bandar iaitu kawasan-kawasan di bawah kawalselia kementerian akan dibekalkan dengan air dan juga elektrik.

Jadi, seperti mana saya sebutkan tadi, walaupun ada permohonan dan perancangan untuk dibekalkan air dan juga elektrik pada seluruh Kalabakan, khasnya Kampung Kalabakan yang telah dihighlightkan oleh TV3, namun dalam senarai yang kita terima dari kerajaan negeri tidak memberi keutamaan. Jadi, kita berharap perkara ini, Ahli Yang Berhormat akan membawa kepada kerajaan negeri supaya kita cari jalan bagaimana kawasan ini diberi keutamaan dalam rancangan yang akan datang. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat. Masa pertanyaan bagi jawab lisan telah habis.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18 (1)**

**PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR PINTAR  
ADI PUTERA BIN ABDUL GHANI**

**11.10 pg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, usul menangguhkan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat Perkara 18(1). Saya, Salahuddin bin Haji Ayub, Kubang Kerian memohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia merundingkan isu pelajar pintar luar biasa, Adi Putera bin Abdul Ghani yang menghadapi masalah kebosanan belajar di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, murid yang memiliki kepintaran luar biasa, Adi Putera bin Abdul Ghani dalam bidang matematik adalah satu aset yang sangat besar nilainya bagi masa depan negara. Isu ini adalah melampaui sepadan peribadi bangsa dan keluarga beliau sendiri. Kepintaran yang dimiliki oleh adik Adi Putera walaupun bersifat peribadi dan milik keluarga beliau

tetapi menjadi kepentingan ramai yang mengiktiraf kepintaran adalah milik masyarakat Malaysia keseluruhannya.

Masalahnya sekarang ialah Adi Putera menghadapi berkemungkinan dibuang sekolah selepas menerima surat amaran dan tunjuk sebab kerana terlalu kerap tidak hadir ke sekolah daripada guru besar Sekolah Menengah Batang Buloh, Bagan Serai, Perak. Persoalannya, adakah ini merupakan penyelesaian pintar yang kemungkinan dihadapi oleh adik Adi Putera. Negara seharusnya berbangga dengan apa yang dimiliki oleh Adi Putera dan seterusnya Kementerian Pelajaran mestilah bertindak lebih proaktif dalam menggarap dan mencari tempat terbaik bagi beliau mendapatkan pendidikan bersesuaian dengan tahap kepintaran yang beliau miliki.

Kegagalan pihak berwajib pada hari ini untuk memberikan penyelesaian terbaik terhadap isu adik Adi Putera ini akan melambangkan betapa rendahnya sikap kepedulian dan keprihatinan kita terhadap harga dan modal insan yang telah dianugerahkan oleh Allah S.W.T. kepada pelajar pintar luar biasa ini. Berdasarkan hujah-hujah di atas, saya merayu demi masa depan Adi Putera, masa depan pendidikan negara dan masa depan negara ini sendiri agar isu ini dapat diperbahaskan dengan penuh tanggungjawab di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah peraturan 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian pada hari Isnin 27 Mac 2006. Teks ucapan itu adalah seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh majlis mesyuarat hari ini saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat.

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini saya dapati bahawa:

- (i) perkara ini adalah perkara tertentu;
- (ii) kepentingan ramai - ia adalah bagi kepentingan orang ramai;
- (iii) berkehendak disegerakan -

Pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Saya difahamkan bahawa Kementerian Pelajaran telah pun mengambil tindakan-tindakan untuk membantu pendidikan pelajar tersebut, termasuklah menawarkan pakej program pendidikan khusus yang sedang dirundingkan dengan ibu bapa murid tersebut.

Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah peraturan 18(2).

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG  
LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA 2006  
Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [YB Dato' Lee Kah Choon]; dibaca kali yang pertama, akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat yang sama.

**USUL****USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Kesebelas.” *[27 Mac 2006]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri Kewangan, sila mulakan jawapan.

**1117 pagi**

**Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini dan yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang telah dibentangkan di dalam Titah tersebut.

Beberapa isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan telah dibangkitkan dan ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan yang baik dan cadangan yang membina untuk kepentingan rakyat dan negara. Bagi pihak Kementerian Kewangan, saya akan menjawab soalan-soalan dan menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, suka saya maklumkan Kementerian Kewangan akan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat]**

Ahli Yang Berhormat bagi Rasah telah membangkitkan penggabungan bank-bank yang telah menyebabkan pekerja-pekerja hilang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha penggabungan telah dilaksanakan dengan tujuan untuk memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan di institusi kewangan negara dan meningkatkan tahap kecekapan mereka agar setanding dengan institusi perbankan asing serta bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, dalam menjana ekonomi pada masa kini dan masa hadapan, kita harus menggunakan kaedah dengan izin *productivity centered growth*. Oleh yang demikian kita harus memastikan bahawa bank-bank yang dimiliki oleh rakyat Malaysia mempunyai kekuatan dan mempunyai kepakaran dan mempunyai *innovation* yang dapat bersaing dengan bank-bank asing yang juga mengurus niaga di Malaysia. Kita tahu Tuan Yang di-Pertua, ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Senator, saya hendak tanya sedikit dengan Menteri Kewangan ini, tidak mengapalah gabungan itu bagus, jadi *big strong*. Tetapi tidak *friendly*.

Tidak *friendly* kerana kita suruh pekerja berhenti. Walau pun dengan alasan bahawa kita bagi dia pampasan, bagi dia *golden handshake* dan sebagainya. Kalau mereka tidak terima, mereka ini akan disusah-susahkan, akan ditukarkan ke sana dan ke sini. Dari satu sudut kita mengejar kejayaan tetapi dari satu sudut kita juga tidak berjaya untuk menjaga masalah sosial.

Kalau kita tanya pekerja-pekerja bank, semua pekerja-pekerja bank rasa tidak setuju, umur muda sudah kena berhenti hendak pergi cari makan hendak berniaga dan sebagainya *to start a new life* susah bagi mereka. Apakah Yang Berhormat Tan Sri boleh cuba melihat, tidak mengapa gabungan buatlah. Tetapi janganlah kadang-kadang sebelum gabungan itu, mereka

kata tidak ada, pekerja tidak akan dibuang. Tetapi apabila sudah digabungkan, pekerja dibuang iaitu secara terhormat mereka ini dibuang.

Saya berharap kalau boleh Yang Berhormat Tan Sri tolong tengok benda ini. Ini adalah *welfare* anak bini hendak makan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan kerajaan, hasrat kerajaan ialah untuk memastikan bahawa tidak ada golongan pekerja yang dianiaya dan ini adalah suatu isu yang begitu kompleks. Mungkin kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin cuba memberi dua isu yang berbangkit.

Satu ialah isu produktiviti. Kita harus memastikan bahawa bank-bank kita, kita mempunyai 10 bank sekarang. Bank-bank kita dapat bersaing dengan bank-bank asing. Untuk bersaing dengan bank-bank asing, kita harus mempunyai produktiviti, kita harus dapat bersaing dengan bank-bank yang lain.

Kalau Citibank katakan ataupun The Hong Kong Bank dapat bergiat dengan begitu *innovating*, dapat memperoleh keuntungan yang begitu banyak hanya dengan beberapa bank sahaja. Bank-bank kita juga harus berbuat demikian. Kalau kita tidak memberi tumpuan kepada isu produktiviti, *efficiency*, *effectiveness*, satu hari nanti mungkin bank-bank asing yang berurus niaga di Malaysia mempunyai lebih pelanggan berbanding dengan bank kita sendiri dan kita tidak mahu di suatu hari ini, cucu cicit kita lebih berurus niaga dengan bank asing dari bank kita sendiri, malu kita. Kita harus memastikan bahawa kita sebagai suatu kerajaan yang bertanggungjawab mengambil langkah untuk memastikan bahawa sungguh pun dalam bidang globalisasi dan liberalisasi, kita patut memberi perhatian kepada isu-isu strategi supaya di masa hadapan anak cucu kita, cicit kita lebih berurus niaga dengan bank-bank tempatan.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Satu minit lagi. Satu minit lagi. Saya hendak habiskan. Untuk berbuat demikian di antara lain harus mempunyai satu pasukan pekerja yang dapat memberi tumpuan khas yang mempunyai kelayakan dan mempunyai pengetahuan dalam bidang ini.

Pada masa yang sama, bila kita menggabungkan dua atau tiga bank, memang terdapat staf-staf yang berlebihan dan dari segi *welfare*, kita setakat yang boleh telah memberitahu bank untuk tidak memberhentikan kakitangan dan sungguh pun kakitangan harus dikurangkan, buatlah secara VSS. Semua bank yang terlibat dalam bidang penggabungan telah mengambil langkah untuk mengurangkan staf secara VSS di mana mereka diberi pampasan, diberi *compensation*.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong bangun.

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Sekejap sahaja lagi. *I just* habiskan cerita ini... diberikan pampasan yang cukup dan banyak staf atau pekerja yang telah keluar dengan

mendapat pampasan atau dapat *compensation* secara VSS telah pergi ke bidang-bidang lain dan kita juga telah menubuhkan PUNB dan telah mewujudkan satu unit yang diberi nama *PROSPER* untuk antara lain memberi latihan kepada pekerja seperti ini untuk memasuki bidang-bidang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya melihat apa yang diperjelaskan oleh Yang Berhormat memang betul. Saya menyokong, kalau kita betul-betul ingin meningkatkan lagi produktiviti ataupun keberkesanan sesebuah bank, suatu idea atau tindakan mesti dilakukan.

Tetapi pada masa yang sama pada pendapat saya, bank-bank tempatan ini mereka ini tidak bersungguh-sungguh. Sebagai contoh, mesin untuk memasuki cek ataupun mesin untuk mengeluarkan wang tunai di cawangan-cawangan tertentu, kalau Yang Berhormat Menteri, bila-bila di akhir ataupun di penghujung minggu ataupun selepas ataupun sebelum sesuatu hari raya ataupun sesuatu hari raya besar memang mempunyai masalah. Duit tidak cukup ataupun pelanggan terpaksa berbaris panjang sehingga mengambil masa lama untuk memasukkan cek ataupun mengeluarkan wang.

Kalau dibandingkan dengan bank-bank asing umpamanya Citibank, SCBC Bank ataupun yang standard seperti Chartered Bank kita jangan menghadapi masalah seperti ini. Ini telah menunjukkan bahawa kesanggupan bank-bank tempatan ini untuk meningkatkan lagi produktiviti ini adalah sangat-sangat lambat dan juga *slow*. Apakah langkah-langkah pihak kementerian untuk memberi ataupun menggalakkan mereka ini mempercepatkan lagi proses peningkatan produktiviti untuk bank-bank tempatan. Selain daripada apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, saya ingat ini pun suatu isu yang sangat-sangat penting untuk sektor perbankan negara kita. Apakah pendapat dan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya setuju ini adalah suatu kenyataan bahawa bank-bank asing yang beroperasi di Malaysia nampaknya lebih efisien jika dibandingkan dengan bank-bank kita. Mungkin antara lain bank-bank asing begitu mempunyai data dan pengetahuan yang begitu banyak sebab *Head Office* atau ibu pejabat mereka memberi bantuan dan mereka juga mempunyai pengalaman dari segi institusi yang beratus-ratus tahun dan kita mempunyai pengalaman tidak sampai lima puluh tahun.

Tetapi itu bukanlah suatu alasan. Saya setuju bank-bank kita harus lebih bersungguh-sungguh, harus lebih efisien dan harus mempunyai KPI dan oleh kerana itu, kita telah menggalakkan setiap pegawai, tiap-tiap CO mempunyai KPI supaya kita dapat menilai tentang prestasi staf-staf tersebut dan juga kita sebagai ...

**Datuk Bung Moktar bin RadIn [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.



**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** .... habiskan, habiskan ayat ini dan juga kita sebagai *consumer*, kita harus juga mengambil tindakan untuk menegur bank-bank dan juga menukarkan akaun kita daripada yang lemah kepada bank yang kuat atau yang lebih efisien untuk menunjukkan bank tersebut bahawa kita akan terima layanan yang buruk dan kita ada pilihan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat hendak beri keutamaan kepada Kinabatangan kerana beliau bangun sudah lama.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya kurang setuju sedikit bahawa bank tempatan ini semuanya lemah dan Yang Berhormat menyebut bahawa kerana dikehendaki *effectiveness* dan macam-macam lagi yang dikehendaki untuk menimbang penggabungan itu.

Saya hendak bawa satu contoh, saya rasa Bank Negara Malaysia membuat satu penilaian yang tidak betul terhadap Bank Kerjasama. Sekarang ini ahli-ahli anggota ini hendak melabur dalam Bank Kerjasama, *queue* tetapi ditolak sebab Bank Negara Malaysia tidak membenarkan modal pelaburan itu setakat yang ada. Saya minta kenapa tidak ditambah sedangkan bank ini cukup *effectiveness*. Pelanggannya cukup hebat lebih daripada bank-bank asing. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bank Kerjasama bukan merupakan suatu bank konvensional ataupun Bank Islam. Di bawah jagaan Bank Negara Malaysia, ada dua kategori bank, satu ialah bank konvensional. Bank konvensional mempunyai bank-bank tempatan, setakat ini 10 mungkin selepas *commerce* dengan Southern Bank digabungkan – 9 dan juga kita mempunyai bank-bank asing sebanyak 13. Itu bank konvensional.

Kini kita mempunyai bank-bank Islam semenjak tahun 1983 dan bank-bank Islam beroperasi di bawah Akta Perbankan Islam.

Kedua-dua bank ini, kedua-dua kategori bank ini boleh menawarkan produk-produk perbankan termasuk *cheque book*, akaun simpanan, akaun deposit tetap dan akaun mudarabah, akaun musyarakah, *bai' bithaman ajil* dan lain-lain. Selain dari dua kategori ini bank konvensional dan bank Islam juga ada di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia, institusi yang terlibat secara tidak langsung dengan bank-bank dan juga menawarkan perkhidmatan bank secara terhad. Bank Kerjasama termasuk Bank Rakyat dan lain-lain adalah di bawah kategori ini, mereka dibenarkan untuk memberi perkhidmatan terhad tidak dibenarkan untuk memberi perkhidmatan penuh sebagai bank.

Jadi, ada syarat-syarat tertentu yang dikenakan oleh Bank Negara untuk mengawal syarikat-syarikat ataupun kerjasama ini. Tetapi kalau sekiranya syarikat-syarikat ini, badan-badan kerjasama ini menunjukkan kapasiti untuk meningkatkan dan meluaskan lagi bidang mereka kita akan menimbang. Saya akan berbincang dengan Bank Negara Malaysia untuk mengkaji kaedah-kaedah tertentu untuk memberi skop yang lebih luas kepada badan-badan ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai penggabungan bank-bank. Adakah sedar bahawa baru-baru ini mengenai penggabungan Southern Bank atau Bumiputra Commerce ..... Southern Bank - 6.7 bilion deal ada timbul syak wasangka dan kekeliruan bahawa tidak ada *level playing field*, bahawa sebenarnya di mana *regulator* pun ada campur dalam penggabungan ini, oleh kerana kerajaan melalui khazanah pun ada penglibatan dan bahawa tidak kurang *transparency* dan tidak *contribute* kepada kepercayaan pasaran.

Bagaimana ini boleh dielakkan supaya usaha-usaha sama ada penggabungan bank-bank dan lain-lain tidak menimbulkan kurang keyakinan bahawa kerajaan memainkan satu peranan yang adil dan bukan *involve* satu *regulator*, khasnya ada personaliti-personaliti lain yang nampaknya ada terlibat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang penggabungan yang dicadangkan di antara Commerce dan Southern Bank, pihak kerajaan tidak campur, tidak mempunyai sebarang aktiviti tidak campur tangan langsung. Dalam keadaan-keadaan seperti ini di mana dua badan, dua pertubuhan ingin menggabungkan kuasa untuk menentukan sama ada mereka setuju untuk digabungkan atau tidak terletak satu pada *Board of Director* dengan izin, dan satu lagi kepada mereka yang memiliki saham di syarikat tersebut. Kerajaan tidak mempengaruhi *Board*, Lembaga Pengarah Bank masing-masing dan juga kerajaan tidak mempengaruhi mereka yang memegang saham dalam bidang ini.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Santubong.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Tan Sri Menteri Kewangan. Persoalan saya ini *simple* sahaja *actually* tidak ada *conceptual* dan tak ada teori. Saya melihat penggabungan ini adalah untuk kepentingan negara dan kepentingan bank itu sendiri. Tapi, dalam masa kita melihat kepentingan negara dan kepentingan *organisasi* bank dan *financial institution* bank, kita terlupa bahawa kepentingan masyarakat dan rakyat itu banyak ketinggalan. Pentadbiran bank yang dicantumkan sekarang, yang mana dipusatkan di Kuala Lumpur dan kuasa-kuasa yang diberi kepada *manager-manager* peringkat negeri adalah terbatas dan terhad, dan bahkan kepakaran peringkat negeri dan peringkat daerah juga dihakiskan sekali, walaupun kepakaran itu masih banyak dipunyai oleh pengurus-pengurus di peringkat negeri dan daerah.

Umpamanya dokumen-dokumen masih dihantar ke Kuala Lumpur. Jadi, permohonan dan sebagainya memakan masa yang begitu lama dan akhirnya menjejaskan kedudukan orang yang berurusan dengan bank dan *client* bank itu sendiri. Ini adalah soalan kita punya *merger* dan penggabungan ini. Tapi, kalau kita lihat di negara-negara lain macamnya United States of America, *even* daerah yang kecil, yang mempunyai bank-bank yang kecil untuk memberi

kemudahan yang kecil-kecil supaya orang ini tidak pergi berjumpa dengan *money lenders*, mamak, ceti dan along.

Jadi, oleh kerana kemudahan di dalam bank ini susah, keputusan daripada bank ini susah diambil, jadi alonglah menjadi tempatnya, cetilah tempatnya, peminjam wanglah tempatnya, orang itulah yang akan proses loan. Kalau umpamanya di Amerika *you can get your loan in your pocket within 24 hours*.

Oleh kerana institusi itu memang *localize and district level*, dia tak ada beroperasi di tempat lain. Mungkin saya tak faham bahawa kalau bank itu telah digabung dan menjadi besar dan dijadikan *international* dan *global player* dan *international businesses* boleh *disupport* oleh bank ini daripada yang *district* bank, yang mungkin tidak diketahui oleh institusi bank di luar negara. Kalau orang berurusan macam LC dan apa sahaja *instruments* yang diguna pakai untuk bank yang kecil ini tidak boleh dipakai di negara-negara lain, tetapi kemudahan untuk orang tempatan ini yang *small-small guy* ini nak pinjam rumah, nak pinjam nak buat aktiviti *entrepreneur* kecil-kecilan. Ini *is not being look into seriously* dan ini telah *affected the wider base of economic activity* di Malaysia. Macam mana?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum dia jawab boleh Yang Berhormat Menteri habiskan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcob:** Boleh, boleh ya, ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** .....penjelasan mengenai Southern Bank dan oleh kerana ini .....

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcob:** Okey, okey.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ..... paling mustahak. Habiskan itu.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcob:** Okey, saya akan habiskan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Special confidence*.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcob:** Ya. Jadi, dalam keadaan Southern Bank ini dengan Bank of Commerce keputusan terletak di tangan Lembaga Pengarah dan pemilik saham. Jadi, sekiranya Pengarah Southern Bank, Lembaga Pengarah Southern Bank dan pemilik saham tidak bersetuju untuk digabungkan tidak ada kuasa di negara ini yang boleh terpaksa mereka digabungkan. Apa yang berlaku..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Bukankah ini tidak betul, ada kuasa, tak ada kuasa banyak bentuk cara kuasa digunakan....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ..di mana nampaknya ada kebebasan *freedom of choice*, tetapi sebenarnya tidak, oleh kerana keputusan pelbagai agensi-agensi, *Security Commission*, Bank Negara, Khazanah, *Treasury* sebab itu timbulkan masalah kurang keyakinan mengenai *level playing field*.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, itu memang tak benar, tak benar langsung. Sekiranya Bank Negara, Kementerian Kewangan, Khazanah, *Security Commission*, sekiranya menggunakan pengaruh tapi dalam keadaan ini tidak menggunakan pengaruh, seandainya agensi-agensi ini mempunyai pengaruh boleh menggunakan pengaruh, sekiranya pemilik saham Southern Bank tidak bersetuju, tidak akan digabungkan.

Yang menjadi perkara isu dalam hal ini ada pemilik saham Southern Bank yang bersetuju untuk digabungkan, ada juga pemilik saham Southern Bank yang tidak setuju digabungkan. Tetapi, majoriti pemilik saham setuju untuk digabungkan dan dari segi undang-undang, oleh kerana majoriti setuju untuk digabungkan, maka digabungkanlah Southern Bank dengan Commerce itu saja. Maka kerajaan tidak bercampur tangan langsung.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tan Sri. Saya bukan macam Ketua Pembangkang bimbang orang bergabung. Kebimbangan saya ini memang masalah yang sudah berlarutan dan saya percaya cuma Menteri Kewangan saja yang boleh menyelesaikan, iaitu saya setuju dengan Santubong bahawa jika dibandingkan dengan negara-negara maju kita lebih ketinggalan, lebih-lebih lagi apabila bank-bank ini bergabung iaitu mereka telah melupakan tentang memberi *services* kepada daerah-daerah kecil.

Sudah tujuh tahun Tan Sri saya meminta supaya kalau boleh walaupun bank yang kecil untuk beroperasi di daerah Kinabatangan, tetapi sehingga hari ini belum juga ada apa-apa respons dan saya dengan Pegawai Daerah telah dipanggil oleh Bank Negara untuk berbincang segala dokumen pelengkap diberi, masih juga belum ada dan tahun akan datang *national service* akan dibuka di daerah Kinabatangan. Salah satu keperluan dia iaitu bank. Kalau tidak pun sekurang-kurangnya *machine teller* mesti ada di kawasan tersebut. Jadi apakah Yang Berhormat Tan Sri boleh membantu menyelesaikan masalah ini mengenal pasti mana-mana satu bank yang berniat hasrat membantu daerah-daerah kecil supaya juga membangun sebab saya percaya kalau tidak ada bank, tidak ada *economy circulation* di kawasan-kawasan daerah ini, ianya tidak akan membangun. Jadi di sinilah perbincangan dia permohonan wilayah itu.

Jadi saya berharap Tan Sri menggunakan sebaik mungkin kuasa yang ada ini untuk membantu melihat rakyat di Kinabatangan boleh berurusan. Tidak perlu lagi ke Lahad Datu, tidak perlu ke Tawau, tidak perlu ke Sandakan. Memakan masa berjam-jam untuk menyimpan duit dan sebagainya sebab risiko dia pun banyak, kena rompak dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, baik cukup. Menteri menjawab

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Ketawa] Ya, jadi Menteri Tan Sri kalau boleh bantulah dalam soal ini.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat bagi kepong duduk dahulu, jawab dahulu.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Saya akan jawab soalan tadi.

**Beberapa Ahli:** Duduk Yang Berhormat bagi Kepong.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Saya hendak jawab soalan dahulu. Tuan Yang di-Pertua, tentang isu kawasan-kawasan tertentu tidak diberi layanan yang setimpal, kita menganggap perkara ini harus diselesaikan dan saya janji kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan terpencil, kawasan-kawasan dalaman semua daerah diberi, satu diberi kemudahan perbankan melalui cawangan dan satu lagi memastikan bahawa pegawai-pegawai yang diletak yang menjalankan tugas di kawasan-kawasan tertentu mempunyai kuasa untuk membuat keputusan. Ini penting dan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apa yang dikatakan adalah termasuk kawasan Kinabatangan?

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kerana beliau telah banyak kali bangkitkan perkara ini.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Itu satu. Saya sedar di kawasan Kinabatangan ada sedikit masalah dan juga sedar bahawa beberapa institusi perbankan termasuk Malayan Banking Berhad, Public Bank, Bumiputera Commerce, Alliance Berhad, EON Bank, Hong Leong Bank dengan RHB Bank telah diminta untuk membuka cawangan di situ dan mereka masih belum berbuat demikian dan juga pada masa ini di Kinabatangan terdapat kemudahan BSN dan Amanah Saham Bumiputera, Pejabat Pos Bandar Kota Kinabatangan tetapi ini tidak mencukupi dan kita ada maklumat tentang Kinabatangan dan kita janji akan berbincang dengan bank-bank untuk memberi kemudahan.

Satu lagi isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, tentang isu penggabungan bank-bank berhubung dengan layanan untuk di daerah-daerah kecil. Tidak semestinya kalau dua tiga bank ini bergabung dan menjadi lebih besar dan lebih berpengaruh kepentingan pengguna di luar bandar diabaikan. Sebab kita ada nampak di negeri-negeri lain sungguhpun negara-negara lain ada Citibank dan Citibank pergi ke tempat-tempat luar bandar.

Kecekapan mereka, *efficiency* mereka tidak berubah masih berefisyen masih, jadi kita akan memastikan, kita akan mempunyai satu kaedah dan kita akan berbincang dengan bank-bank tempatan untuk menyarankan supaya teguran Yang Berhormat dititik beratkan dan diambil serius dan kita akan pastikan bahawa bank-bank yang mempunyai cawangan-cawangan di daerah-daerah mempunyai satu pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan ada kuasa dan yang kedua mereka memberi layanan yang saksama untuk semua termasuk di luar bandar.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** [Bangun]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada tiga orang ahli Yang Berhormat yang bangun. Yang mana satu?

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya bersimpati dengan Yang Berhormat bagi Santubong dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kita mesti bantu mereka. Sekarang ini kita hendak bincang mengenai dasar bagi penggabungan bank. Ini kita mesti ada disiplin sedikit di dalam Parlimen, ini penggabungan kita bincang. Saya ada bangkitkan hal ini mengenai kepercayaan pasaran mengenai penggabungan ini dan adakah dasar kerajaan membenarkan pasaran yang menentukan bilangan akhirnya beberapa tahun akan datang mungkin kita ada dua bank sahaja. Saya tidak mempertikaikan berapa bank. Cuma saya hendakkan *efficiency* sahaja kerana dapat bersaing dengan orang. Adakah dasar kerajaan menentukan pasaran yang pilih berapa bank yang kita akan ada dan pihak kerajaan tidak akan campur tangan kecuali ada masalah keselamatan dan sebagainya.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Tuan Yang di-Pertua, pada hujung tahun 90an, kerajaan telah membuat satu dasar bahawa terdapat banyak sangat bilangan bank-bank di negara lebih dari 44 kalau tidak salah. Kerajaan telah membuat satu dasar untuk menggabungkan institusi-institusi perbankan dan kewangan ini untuk dijadikan sepuluh kumpulan. Itu telah pun dicapai pada awal tahun 2000. Pada masa ini kerajaan tidak ada cadangan untuk menggabungkan bank-bank kepada bilangan yang lebih kecil. Itu kerajaan tidak akan buat. Kerajaan puas hati dengan bilangan ini. Tetapi, kalau kuasa pasaran dan kalau bank-bank sendiri ingin bergabung, mereka diberi pilihan untuk bergabung sebab ini adalah kehendak pasaran. Tetapi, kerajaan tidak akan campur tangan, kerajaan tidak akan memberi sebarang insentif.

Dahulu kita bagi insentif sebab hendak kurangkan kepada 10, tetapi sekarang tidak bagi insentif, *tax* insentif atau lain-lain insentif kita tidak bagi dan sekiranya bank-bank akan gabung itu terpulang kepada pemilik saham sendiri. Tetapi, soalan timbul kalau bank-bank bergabung sampai tinggal hanya satu bank macam mana? Kita tidak setuju sebab isu Yang Berhormat telah timbulkan di sini, telah suarakan di sini bahawa mungkin kita harus memastikan, kita mesti memastikan bahawa layanan untuk pengguna terutama pengguna di luar bandar, pengguna di tempat-tempat kawasan-kawasan luar bandar, di kampung-kampung di *new village* mereka menerima layanan yang saksama dan kalau kita risau, kalau kita tidak pasti bahawa layanan ini akan diberi oleh bilangan yang begitu kecil, bank-bank kita tidak akan membenarkan. Tetapi setakat ini isu ini tidak timbul sebab banyak bank yang ada.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sungai Petani bangun.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Tetapi sebagai satu andaian, sebagai satu *high* potensi, kalau berlaku begitu banyak penggabungan sampai kualiti perkhidmatan terlibat isu kualiti perkhidmatan, kita sebagai kerajaan yang bertanggungjawab akan mengambil langkah untuk mengelakkan keadaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai dengan soal penggabungan juga. Saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai dengan Bank Bumiputera yang mana saya telah menjadi pelanggannya sejak tahun 70-an lagi, dan saya dapati servisnya dan sebagainya adalah seperti mana yang kita kehendaki. Apabila berlakunya penggabungan tadi kebimbangan saya ialah ular akan jadi ular lidi telan naga. Bumiputera itu sebuah bank yang besar di mana kerajaan berurusan dengan pihaknya.

Dan, baru-baru ini saya dengar ura-uranya akan juga diambil alih oleh mana-mana, saya tidak tahulah, yang mana saya fikir apakah kita dapat pertahankan identiti Bank Bumiputera itu. Buat satu masa kita heboh ia telah ditubuh, diwujudkan masa zaman Tun Razak lagi, yang mana betapa susahnyanya hendak diwujudkan bank yang dikatakan betul-betul bank yang mempunyai identiti Malaysia iaitu Bank Bumiputera seperti juga Malayan Banking umpamanya. Dua-dua bank ini yang begitu .....

Jadi, saya ingin bertanya dengan Menteri Kewangan di sini apakah penggabungan kemudiannya akan berlaku pembelian bank dengan bank dan sebagainya sehingga akan kehilangan identiti? Keduanya, dari segi pengurusan tadi, saya rasa boleh diselesaikan di kawasan-kawasan pedalaman dengan mengadakan banyak cawangan-cawangan bank tadi di kawasan-kawasan luar bandar. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Tuan Yang di-Pertua, isu tentang Bank Bumiputera. Pada masa Bank Bumiputera ditubuhkan dalam tahun 60-an memang tidak terdapat di kalangan bumiputera yang berkecimpung dalam perbankan. Dan, memang itu satu tindakan yang kena pada tempatnya dan Bank Bumiputera telah banyak berjaya dari segi melatih kaum bumiputera dalam perbankan dan pada masa ini pegawai-pegawai yang dilatih, yang diberi bimbingan oleh Bank Bumiputera, dan ada juga yang dihantar ke luar negara untuk jadi pengurus di London, di Bahrain, di Singapore, di Labuan telah kembali dan mereka ada dalam industri perbankan tidak semestinya di Bank Bumiputera tetapi hasrat tujuan asal untuk melantik satu kumpulan bumiputera dalam bidang perbankan yang tidak terdapat dalam tahun 60-an, alhamdulillah, telah dicapai. Dan hasrat tujuan menubuhkan Bank Bumiputera telah dicapai sungguhpun Bank Bumiputera tidak wujud lagi dan wujud sebagai sebahagian dari Bumiputera Commerce tetapi tujuan asalnya telah wujud.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tentang perkara ini, kerajaan telah mengambil perhatian tentang isu-isu pengusaha kecil yang tidak dapat, mungkin tidak dapat layanan yang baik dari

bank-bank. Kerajaan telah menubuhkan SME Bank dan perkara ini juga telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Tebrau tentang SME Bank dan SME Bank telah ditubuhkan pada 3 Oktober 2005. Sehingga kini sebanyak 155 permohonan yang bernilai RM250 juta telah diluluskan meliputi sektor pembuatan, perkhidmatan, ICT, pelancongan, logistik dan pembinaan.

Sebagai tindakan lebih proaktif, bank juga sedang giat berusaha untuk memperkenalkan produk-produk baru dalam tempoh yang terdekat. Inisiatif ini akan mengandungi komponen kewangan dan bukan kewangan seperti khidmat nasihat, francais yang akan ditawarkan bertujuan membantu pembangunan perniagaan PKS. Dan, kita juga akan pastikan bahawa SME Bank memainkan peranan yang penting untuk melengkapkan perkhidmatan yang diberi oleh bank-bank.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Tan Sri Menteri. Berkaitan dengan bank juga hari ini sudah diumumkan bahawa Temasek Holding Singapura telah memberi sekitar 12% saham the Chartered Bank iaitu bank dunia yang agak besar yang mempunyai cawangan-cawangan ataupun perkhidmatan di Malaysia yang agak menyeluruh. Kementerian Kewangan telah mengumumkan beberapa ketika yang lalu akan membenarkan bank-bank asing termasuk Chartered Bank ini untuk membuka cawangan-cawangan lagi di Malaysia kita ini.

Penglibatan Singapura melalui syarikat-syarikatnya, syarikat-syarikat kepunyaan kerajaannya adalah besar di Malaysia ini dan meningkat dan sudah menjadi suatu isu yang dibangkitkan oleh berbagai-bagai pihak, jadi saya ingin tahu daripada pandangan Yang Berhormat Menteri dan kerajaan apakah pendirian kita bahawa satu lagi bank rangkaian bank sudah pun sekarang ini mempunyai pemegang sahamnya iaitu negara dan Kerajaan Singapura iaitu the Chartered Bank.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi ialah tentang pemilikan saham Standard Chartered Bank. Standard Chartered Bank adalah salah satu di antara tiga belas bank yang sahamnya dipegang 100% oleh rakyat bukan warga negara dan mereka mempunyai 30 cawangan di Malaysia. Jumlah cawangan yang dipunyai, yang dimiliki oleh bank-bank asing di Malaysia adalah 189 dan 30 dimiliki oleh Standard Chartered Bank. Standard Chartered Bank merupakan sebuah bank yang cagar hak sahamnya dimiliki oleh bukan warga negara, dimiliki oleh *nonresident*. Kerajaan tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengelak sebarang pemindahan saham dari satu pihak kepada satu pihak yang lain. Kalau Singapura membeli saham dari si penjual dan si penjual pula bukan merupakan rakyat kita, kita tidak dapat berbuat apa-apa.

Dari segi *security raise*, dari segi pandangan kita, kita memang tidak memberi kebebasan untuk syarikat bank-bank asing ini untuk membuka bank sesuka hati. Kelulusan untuk membuka



bank adalah terhad hanya di kawasan-kawasan tertentu dan kita juga dalam memberi kelulusan untuk membuka empat cawangan kepada bank-bank baru-baru ini telah memastikan bahawa sebahagian dari bank-bank ini, cawangan-cawangan ini dibuka di kawasan-kawasan terpencil, di kawasan-kawasan kampung.

Dan, kita sedar bahawa kita harus memberi tumpuan kepada bank-bank kita, bank-bank kepunyaan rakyat kita, bank-bank Malaysia untuk berusaha dengan lebih giat untuk memberi persaingan kepada bank-bank ini. Di sinilah letaknya *philosophy* dan tujuan kerajaan untuk menguatkan lagi bank-bank tempatan dari segi penggabungan. Dan, Insya-Allah, kita sedar tentang perkara ini dan kita akan pastikan bahawa bank-bank Malaysia dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik dan juga dapat *market share* yang lebih.....

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bera.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat saya hendak tanya dari segi penggabungan tadi, kesannya. Dari segi *retrenchment* yang diberhentikan kerja, sejak penggabungan bank berlaku dari dahulu sehingga ke hari ini berapa ramai pekerja-pekerja yang telah pun diretrench. Dan, apakah alternatif lain selain daripada VSS? Adakah pihak bank merancang, misalnya untuk bukan sahaja memberi VSS, kalau memberi VSS beri kewangan jadi jangka masanya mungkin tidak lama wang itu boleh digunakan. Adakah bank mempunyai *plan* lain supaya boleh membantu mereka untuk hidup dengan lebih baik dari segi jangka panjang, tidak setakat VSS lepas itu berhenti.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka tapi saya akan memberi angka kemudian. Dari segi VSS, VSS ialah satu kaedah untuk pihak pengurusan bank untuk *restructure*, untuk *structure* semula bank dari segi *human resource*, dari segi kakitangan dan *staff*. Tapi kerajaan sungguhpun bank-bank tertentu tidak mempunyai kaedah atau mekanisme untuk membantu mereka selain dari memastikan bahawa mereka mendapat VSS yang baik.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan mesyuarat**]

Bank-bank juga selain dari VSS telah mengambil tindakan untuk memberi sedikit latihan tapi kerajaan telah mengambil langkah untuk memberi mereka latihan dan juga Skim *PROSPER* di bawah PUNB, bukan sahaja memberi latihan tapi juga memberi modal sehingga 90% mereka yang keluar dari VSS, yang ingin bantuan PUNB *PROSPER* akan diberi bantuan sehingga 90% modal diberi dan hanya mereka memerlukan 10%. Dan mereka yang tidak mampu 10%, akan diberikan 100%, dan kini pula *PROSPER* telah mewujudkan satu kaedah di mana bantuan latihan dan juga bantuan dari segi kewangan diberi secara Islam, Qadul Hasan, menggunakan

kaedah Qadul Hasan dan terdapat juga banyak sambutan dari pihak pegawai-pegawai bank yang berhenti yang telah pergi mendapatkan pertolongan dari PUNB.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan, saya ingin juga berpindah kepada beberapa isu yang lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dan satu antara isu yang telah dibangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Puchong bangun.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Mengenai isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat iaitu mengenai persaingan bank daripada luar. Dalam sistem perbankan atau sistem kewangan di negara kita, kerajaan telah memperkenalkan satu pelan induk sektor kewangan, *Financial Sectors Master Plan* pada tahun 2001. Di mana pelan ini telah dibahagikan kepada 3 fasa. Sekarang kita dalam fasa yang kedua di mana kita membekukan bank tempatan melalui *BAFIA and tearing system* dan sebagainya.

Kalau fasa yang ketiga iaitu tujuannya ialah untuk memperkenalkan persaingan-persaingan daripada luar dengan ini bermakna bahawa kita tidak boleh ataupun kita terpaksa buka pasaran kita kepada persaingan-persaingan daripada luar terutama persaingan bank-bank dari luar negeri. Itu ialah fasa kita dan ini juga sejurus dengan globalisasi dan juga gelombang keterbukaan negara kita, pasaran kita. Dan saya hendak tanya Yang Berhormat, bagaimana kita boleh mengurangkan ataupun menyekat persaingan daripada luar ini? Ini satu, iaitu kerana sekatan-sekatan telah dikenakan kepada bank-bank luar sejak tahun 1974, daripada segi pembukaan *branches* ataupun cawangan-cawangan tertentu. Itu satu, saya hendak tanya, itu yang pertama.

Yang kedua, mengenai selepas pergabungan ini, Malayan Banking, sekarang saya ingat ada aset RM192bilion, Commerce Southern Bank dengan Bumiputra Commerce Itu selepas pergabungan, asetnya sebanyak RM152 bilion. Adakah kerajaan mempunyai insentif ataupun dasar-dasar tertentu untuk menggalakkan mereka supaya mereka menjadi *regional player*. Sebagai contoh, Khazanah telah membeli satu '*labor*' bank di Indonesia di mana memiliki 78%, itu bagi saya adalah satu langkah yang bijak untuk mengembangkan aset kita dan sebab seterusnya untuk mendapatkan keuntungan untuk negara kita. So saya hendak tanya dan memberikan sedikit pandangan bagaimana dua cara ini, macam ada satu pertentangan di antara satu sama lain. "*On one hand we want to protect our own industry, on the other hand we have to pursuit to come in and ask to open, which one you want to go for?*" Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Nor Mohamed Yacop:** Tuan Yang di-Pertua, memang sehingga sekarang kita tidak memberi kebebasan sepenuhnya pada bank-bank asing yang beroperasi di Malaysia. Tapi ini adalah satu tindakan yang diambil dari segi kepentingan negara sebab sekiranya kita memberi

kebebasan sepenuhnya, kita memberi kebebasan untuk bank-bank, Citibank, Hong Kong Bank, Chartered Bank yang kini dimiliki 12% oleh Temasek, kita memberi kebebasan untuk membuka cawangan di merata tempat, di mana kedudukan bank-bank kita?

Jadi seharusnya kita wajib menganggap perbankan sebagai satu sektor strategik dan kita harus memberi kelebihan kepada sektor ini dan pastikan bahawa pada bila-bila masa sektor ini akan bertindak dalam konteks kepentingan negara. Dan jika sistem perbankan dimiliki oleh bank-bank asing dan dalam keadaan-keadaan tertentu, katakan kalau dalam keadaan tahun 1997, 1998 berulang, bolehkah kita harap bank-bank yang dimiliki oleh warga asing mengambil tindakan iaitu dari segi dalam konteks kepentingan negara.

Jadi saya tidak risau tentang, saya tidak ada isu tentang kerajaan memberi kelebihan kepada bank-bank tempatan kita. Kita harus pada sentiasa waktu memberi kelebihan kepada bank-bank tempatan sebab ini bank-bank kita dan kita ingin memastikan bahawa mereka bertindak pada setiap waktu dalam konteks kepentingan negara. Tapi dalam konteks era globalisasi, sungguh pun kita ingin tahan tetapi ada gelombang yang besar dan tekanan dari pihak-pihak tertentu untuk ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Biar saya habis dulu...untuk membuka pasaran kepada mereka, kita pasti tahan setakat boleh tapi tekanan begitu banyak. Dan satu cara untuk memastikan bahawa kita dapat hidup dengan kepentingan kita dalam era baru ini, ialah untuk memastikan bahawa bank-bank kita adalah bank-bank yang kuat, bank-bank besar, bank-bank yang efisien, bank-bank efektif dan itulah kita buat. Satu secara gabungan, satu secara sasaran, satu secara KPI dan lain-lain, mungkin tak lengkap, mungkin masih mempunyai banyak kelemahan tapi hasrat kita, tujuan kita memang ada, memang ialah untuk menahankan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya akan jawab beberapa soalan yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya bertanyakan status pelaksanaan galakan taraf perintis kepada syarikat yang menjana tenaga yang boleh diperbaharui yang diumumkan dalam Bajet 2006.

Galakan ini meliputi pengecualian cukai sebanyak 70% ditingkatkan kepada 100% dan tempoh galakan dilanjutkan dari 5 tahun kepada 10 tahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, galakan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MAIDA) melalui 1hb Oktober 2005. Sambutan daripada pihak industri adalah menggalakkan di mana tujuh syarikat telah diluluskan galakan ini sejak diperkenalkan 6 bulan yang lepas. Walaupun bilangannya kecil tetapi memuaskan memandangkan sebelum ini hanya dua sehingga sembilan syarikat sahaja yang diluluskan galakan ini setiap tahun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, saya minta maaf sikit, tadi saya nak tunggu kot Yang Berhormat nak cakap pasal faedah berkenaan bank tapi dah *cross* ke sini. Jadi saya nak tarik balik sat sahaja.

Saya hendak mengalu-alukan tentang Dasar Automatif Negara yang telah dilancarkan baru-baru ini. Walaupun penurunan harga kereta Tuan Yang di-Pertua, tetapi bank telah menaikkan faedah dan kawalan kredit peribadi ataupun CCRIS ini terlalu ketat hingga menyebabkan sekarang ini syarikat-syarikat automobil ataupun pengedar-pengedar kereta sukar sekali untuk menjual kereta kerana di sebalik diturunkan harga kereta, tetapi di pihak *financing* dan juga bank ini mengetatkan kelonggarannya.

Kemudian dari segi CCRIS kalau kita lewat bayar dua bulan pun sudah di *black list* dan tidak boleh kita mengambil pinjaman yang baru. Itu tidak termasuk C-TOS lagi.

Jadi terlalu banyak saya nampak kawalan menyebabkan pertumbuhan ekonomi kita akan menjadi lembap. Kadang-kadang orang tahulah Tan Sri dia pusing sana, dia pusing sini modal RM1 dia *roll* jadi RM10. Modal RM100 *roll* RM1,000. Jadi itu cara berniaga. Jadi kalau diperketat sedemikian rupa saya nampak dasar kereta ini tidak kesampaian. Maksudnya orang hendak beli kereta sudah tidak boleh hari ini. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dan nasihat tentang perkara ini Yang Berhormat?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan kerajaan mengeluarkan automatif polisi baru-baru ini, antara lain ialah untuk memberi satu kepastian kepada Syarikat Proton, Perodua dan juga syarikat-syarikat yang menjadi *assembler* di sini, dan pada masa yang sama untuk menentukan harga yang ditetapkan bagi kereta-kereta CBU yang masuk dan hadkan sebenar dan tidak ada '*valuation*'. Dari segi pengurangan cukai yang diberi oleh kerajaan. Pengurangan cukai ini telah pun diberi kepada pengguna oleh syarikat-syarikat. Banyak kereta di bawah Perodua mendapat pengurangan cukai 4% dan juga pengurangan harga diberikan 4%. Saya tidak sedar bahawa bank baru-baru ini telah menaikkan kadar faedah. Saya tahu sebab dalam dua tiga bulan dahulu Bank Negara telah menaikkan sedikit kadar faedah dan oleh yang demikian juga bank-bank telah menaikkan kadar faedah sedikit. Kita akan berbincang dengan bank-bank tentang perkara ini, tetapi banyak bank ingin memberi pinjaman untuk kereta dan juga ingin memberi pinjaman untuk rumah. Ini menjadi satu kaedah pembiayaan yang begitu popular. Jadi mungkin tidak dapat banyak masalah sebab kalau satu dua bank menaikkan kadar faedah kita boleh cari bank yang tidak menaikkan kadar faedah.

Dari segi CCRIS dan lain-lain agensi yang menjadi agensi berhubung dengan *credit raise*. Kita telah banyak berbincang dengan CCRIS dan juga syarikat-syarikat lain untuk memastikan bahawa pengguna-pengguna tidak dianiaya dan mereka ada juga kita tahu, ada yang telah membayar balik pinjaman tapi nama masih terlekat di situ. Hendak keluarkan nama dari senarai hitam begitu susah dan kita sedang mencuba berbincang dengan agensi-agensi ini untuk memastikan bahawa mereka yang telah membayar balik atau mereka yang hanya *slow*

dalam pembayaran setakat satu dua bulan tidak dianiaya. Tuan Yang di-Pertua, saya boleh sambung?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah mencadangkan supaya kerajaan memberi galakan dan juga memberi insentif kepada industri yang menggunakan teknologi, yang dapat mengurangkan penggunaan sumber menerusi skim teknologi bersih, syarikat-syarikat yang boleh menghasilkan *biofuel* untuk kegunaan dalam negara dan eksport serta syarikat yang berminat untuk memajukan enjin berasaskan *biofuel*. Isu ini akan diberi pertimbangan.

Berhubung dengan *natural gas vehicle* (NGV) pengguna layak mendapat pengecualian duti import dan cukai jualan di atas *conversion kits*. Manakala syarikat pemasang pengilang kenderaan pula layak mendapat pengecualian duti import di atas *chassis fitted with engines*, dengan izin. Bagi mengeluarkan bas dan trek 'monogas' dan pengecualian duti import ke atas NGV monogas enjin, bas trek yang dipasang bagi menggantikan enjin diesel. Manakala syarikat yang mengeluarkan *bio-diesel* adalah layak mendapat insentif yang sedia ada di Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) seperti galakan tarikh perintis dan elaun cukai pelaburan.

Ahli Yang Berhormat bagi Larut telah memohon supaya kerajaan menimbang memberi pengecualian cukai kepada badan-badan korporat yang berminat menaja pelbagai badan-badan sukan bagi menggalakkan lagi penglibatan semua pihak dalam industri sukan yang semakin berkembang, dan satu contoh yang diberi adalah TNB yang *sponsor* program-program di televisyen.

Perkara ini akan diberi pertimbangan dan pada masa ini juga potongan cukai diberi kepada perbelanjaan keraian seperti bayaran yuran kepada olahragawan, bayaran kos tambang perjalanan, penginapan, makanan, rekreasi dan pakaian untuk olahragawan yang terlibat dalam upacara kesukanan yang dibuka kepada orang awam. Ini diberi sekarang dan cadangan Yang Berhormat akan diberi pertimbangan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Ledang bangun.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Menteri. Fasal NGV tadi laju sangat jadi tidak sempat hendak mencelah. Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan enjin NGV ke atas kenderaan terutamanya kenderaan jabatan kerajaan dalam usaha untuk menyemarakkan lagi penggunaan NGV dan menggalakkan menggunakan kenderaan NGV. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mempunyai hasrat dan kerajaan ingin menambahkan bilangan kereta-kereta yang menggunakan NGV.

Antara kekangan ataupun isu yang terlibat ialah pada masa ini tidak cukup stesen-stesen minyak yang menjual NGV, dan kerajaan telah mengadakan banyak perbincangan dengan Petronas untuk memastikan bahawa bilangan stesen-stesen NGV dipertingkatkan dan bukan sahaja di tempat-tempat di sebelah Kuala Lumpur atau Alor Setar dan Johor tapi juga di tempat-tempat lain di Terengganu, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak. Pada prinsipnya Petronas telah bersetuju untuk berbuat demikian dan kita buat selari dan bila stesen NGV diperbanyakkan kerajaan akan memastikan bahawa kenderaan-kenderaan kerajaan juga menggunakan NGV.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih di atas pengakuan Yang Berhormat buat pertama kalinya yang kementerian akan menimbang kerana ini amat penting. Sudah tiba masanya kita melihat industri sukan ini berkembang. Kita lihat bagaimana sekarang ini negara-negara maju mengambil kesempatan di atas penajaan pelbagai sukan. Negara Jepun dan Korea sudah buat lama Yang Berhormat.

Jadi kalau ini dapat kita percepatkan, ini akan dapat menyumbangkan lagi industri sukan, memberi banyak peluang kepada pertumbuhan ekonomi kita dan juga dapat mengurangkan lagi beban kerajaan kerana dengan adanya pengecualian cukai ini, saya yakin dan percaya lebih banyak badan-badan korporat yang akan tampil ke hadapan untuk mengambil bahagian yang lebih aktif ke atas persatuan-persatuan sukan, pelbagai bidang sukan yang ada dan secara tidak langsung ia akan terus memajukan lagi pencapaian sukan kita. Jadi saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana ini merupakan satu jaminan buat pertama kalinya daripada seorang Menteri Kewangan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Kita memang akan memberi pertimbangan dan insya-Allah akan membuat satu keputusan dalam perkara ini. Saya setuju dengan sasaran Yang Berhormat. Selain isu-isu cukai, isu pelaburan kerajaan juga telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat bagi Beluran membangkitkan peranan Syarikat Prasarana Negara Berhad dalam memperbaiki ketidakseimbangan kemudahan pengangkutan awam di antara di bandar dengan di luar bandar. SPNB telah ditubuhkan oleh kerajaan khusus untuk mengambil alih aset-aset Syarikat LRT Star, Syarikat LRT Putra, Syarikat Bas Intrakota, Syarikat Bas ParkMay yang beroperasi hanya di Lembah Klang.

Seterusnya sebagai pemilik aset syarikat-syarikat berkenaan, peranan SPNB adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem pengangkutan awam di Lembah Klang melalui beberapa strategi termasuk perolehan aset baru dan peningkatan infrastruktur.

Tetapi, objektif kerajaan dari segi pengangkutan awam adalah untuk memastikan bukan sahaja di Lembah Klang, tetapi di semua tempat . Di Bandar-bandar besar, bandar-bandar kecil, di bandar-bandar pinggiran, supaya sistem *transport*, sistem pengangkutan awam adalah baik. Kita ingin, ini adalah satu perkara yang penting dari segi kualiti hidup rakyat dan *transport* pengangkutan merupakan satu aspek yang begitu penting untuk dari segi kualiti hidup rakyat dan kerajaan sedar dan kerajaan akan mengambil tindakan untuk memastikan bahawa peruntukan yang mencukupi termasuk RM4.4 bilion tadi, peruntukan yang mencukupi diberi kepada bidang pengangkutan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat boleh tanya sikit, Yang Berhormat? Terima kasih Yang Berhormat. Tentang pengangkutan awam ini, boleh atau tidak, kementerian saya mintalah Pudu Raya itu Yang Berhormat, merupakan terminal bas satu-satunya di bandar raya Kuala Lumpur yang menjadi tumpuan. Masalahnya ialah, tidak selesa. Tempat menunggunya, bangunan yang tidak begitu teratur. Sedangkan pemilik bangunan ini UDA mengaut keuntungan yang begitu banyak, berjuta-juta ringgit.

Kesesakan berlaku di situ, jadi bagaimanakah kita hendak meningkatkan sistem pengangkutan kita? Sedangkan terminal bas di Pudu Raya ini sudah berpuluh-puluh tahun tidak diperbaiki. Bukan tidak ada wang. Wang yang begitu banyak dikumpulkan oleh UDA, sebagai pengurusan yang menjaga Pudu Raya ini. Jadi apakah Kementerian Kewangan akan mengeluarkan arahan? Kerana sampai ke hari ini, kita lihat bangunan yang lama juga yang merupakan terminal bas Pudu Raya di ibu kota kita yang besar ini. Jadi, tidak ada maknanya kalau kita ingin, sistem pengangkutan kita mengikut cara yang kita inginkan sedangkan terminal di Pudu Raya itu tidak disusun dan diatur mengikut yang lebih baik lagi dibandingkan dengan tempat-tempat yang lain. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Memang kerajaan sedar tentang ini, dan ini adalah antara isu pertama yang penting. Dua isu penting yang akan diberi pertimbangan oleh Jawatankuasa Pengangkutan yang telah ditubuhkan baru-baru ini yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri atau Timbalan Perdana. Isu ini akan diberi pertimbangan. Ini antara isu yang penting yang pertama akan diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Rasah, membangkitkan dengan isu penggabungan itu kita telah selesai. Ahli Yang Berhormat Rasah juga mencadangkan supaya bank-bank di negara ini beroperasi 5 hari, 5 ½ hari bekerja untuk kemudahan orang ramai. Ini juga satu isu yang boleh dilihat dari dua sudut. Dari satu sudut, sebab kita banyak bekerja lima hari. Dan pada hari Sabtu, kita mempunyai ruang waktu untuk pergi ke bank, dan pada masa yang sama bank tutup. Jadi ia jadi masalah. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa lebih dari 200 buah cawangan bank, atau 12.6% dari jumlah cawangan bank iaitu 1,963, 12.6%, 200 buah cawangan dibuka pada hari Sabtu.

Antara perkhidmatan perbankan yang ditawarkan adalah seperti pembukaan akaun, pengeluaran wang, deposit tunai, pembayaran bil, pembayaran pinjaman dan kad kredit. Bank-bank lain telah memasuki era bekerja 5 hari. Tetapi ini adalah satu perkara yang baik juga dari segi *domestic tourism* dan juga untuk membolehkan 91,000 orang yang bekerja. Kakitangan yang bekerja di bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan untuk berehat dan bermesra dengan isteri atau isteri-isteri, dan anak-anak dan seperti juga kita, mereka juga ingin berehat. Tetapi dalam era sekarang, di mana kita ada banyak kemudahan elektronik, ATM dan lain-lain, adalah ada satu pendapat yang mengatakan tidak perlu untuk semua cawangan membuka untuk 5 ½ hari kadar sejam.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada pandangan saya, mungkin penyelesaian cara tradisi iaitu dengan menambah hari bekerja. Tetapi hari ini kita semua berpegang kepada bank-bank sebenarnya bukan lagi bersaing kepada kadar faedah, tetapi mereka bersaing kepada betapa cekap dan berkesannya perkhidmatan mereka kepada pelanggan-pelanggan. Dan saya percaya Yang Berhormat Menteri telahpun menyebut tentang kalau mereka boleh mempertingkatkan sistem integriti melalui penggunaan komputer ataupun ATM, maka masalah bekerja 5 ½ hari itu tidak akan menjadi isu yang besar. Yang Berhormat Menteri, Bank Simpanan Nasional adalah merupakan sebuah bank di bawah pengawasan terus Kementerian Kewangan.

Mungkin dalam keghairahan untuk mempertingkatkan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan, pengurusan setempat telahpun meletakkan satu jadual yang ketat kepada anggota kerjanya. Hatta ada antara bank, umpamanya di Melaka, yang telah mengenakan jadual yang ketat sehingga pekerja-pekerja Islam yang bertugas di Bahagian Keselamatan tidak dapat menunaikan sembahyang Jumaat sehingga 5 minggu, 6 minggu dan sebagainya. Jadi saya kira mungkin pihak kementerian boleh melihat perkara ini supaya ia sekali gus tidak akan menjejaskan semangat anggota kerja tadi untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini akan saya kaji dan berbincang dengan Bank Simpanan. Berhubung dengan kad kredit Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Rasah mencadangkan supaya kerajaan mengawal penggunaan kad kredit dengan mengambil kira keupayaan per penggal. Dan kadar faedah kad kredit diturunkan sehingga 1% sebulan.

Peningkatan 20.9%, bagi bilangan kad kredit daripada 6.58 juta kad pada akhir tahun 2004 kepada 7.96 juta kad pada akhir tahun 2005 adalah selaras dengan peningkatan tahunan untuk penggunaan kad kredit secara keseluruhannya. Walaupun jumlah perbelanjaan penggunaan untuk kad kredit telah meningkat sebanyak 17.3% daripada RM34.9 bilion dalam



tahun 2004, kepada RM40.9 bilion dalam tahun 2005. 60% daripada jumlah nilai urus niaga kad kredit dibayar sepenuhnya. Jadi tidak terlibat isu hutang bagi 60% dari jumlah yang dibelanjakan.

Ini menggambarkan bahawa majoriti pemegang kad kredit menggunakan kad tersebut sebagai alat yang mudah dan selesa untuk membuat pembayaran dan bukan sebagai satu alat pinjaman. Ia tidak digunakan sebagai sumber kredit. Tambahan lagi tahap pinjaman tidak berbayar, '*non performing loan*' dengan izin, kad kredit masih lagi terkawal dan telah menurun kepada 4.31%. Berbanding dengan 16% pada tahun 1998 semasa krisis ASEAN. Mengenai tahap kadar faedah kad kredit, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia hanya menetapkan kadar faedah maksimum sahaja iaitu 18% ataupun 1.5% setahun. Terdapat pengeluar kad kredit yang mengenakan kadar faedah yang kurang dari 1.5% sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang pula, yang penghabisan Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Yang Berhormat tidak cuba menjawab apa yang saya sebutkan berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh negara tentang penjualan *Pantai Holding* kepada *Parkway* secara *detail*. Saya sebut setengah jam lebih khusus berkenaan ini.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan sebab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah isu tentang FIC. FIC adalah di bawah kawal selia pejabat Perdana Menteri. Mungkin akan dijawab oleh pihak lain, bukan pihak Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan tidak ada kuasa tentang FIC.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Apa lagi, Yang Berhormat? Cukuplah. Yang Berhormat, menteri sudah habis, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Tidak. Sebelum Yang Berhormat berehat, saya tanya sedikit, boleh? Saya terlupa tentang *government link company*. Saya ingat ini di bawah Kementerian Yang Berhormat. Jadi, setelah kita buat sedikit rombakan dan dasar yang telah pihak kementerian adakan, bagaimanakah prestasi dari segi syarikat-syarikat yang menggunakan modal kerajaan, satu.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa CEOs yang masuk itu diberi satu ganjaran, bonus dan syer yang begitu besar walaupun mereka baru memasuki dalam syarikat tersebut. Jadi, adakah ini prasyarat yang diberi kepada *new CEO* yang menguruskan syarikat tersebut?

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, apakah jaminan kerajaan supaya pada masa depan ini syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan tidak akan dikuasai dalam pasaran oleh pasaran terbuka kerana saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, macam di Thailand tumbang kerajaan hari ini. Bukan tumbanglah, goyang disebabkan oleh penjualan saham telekom. Begitu juga kita tengok syarikat-syarikat ini, bukanlah kita cemburu, saya pun berpandangan luas untuk tarik *investor* masuk tetapi kadang-kadang dari segi maruah kita yang harus kita pertahankan, terutama sekali dengan negara jiran kita, Singapura. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan GLC, baru-baru ini kita telah nampak jelas bahawa CEO-CEO GLC telah mengeluarkan KPI masing-masing supaya kita dapat menilai prestasi mereka, dan pada satu masa dahulu CEO-CEO GLC dilantik sebagai juga kakitangan kerajaan untuk sekian lama sampai pencen. Tetapi mulai tiga tahun dahulu, kita telah membuat satu dasar bahawa CEO-CEO GLC hanya dilantik secara kontrak dan mereka boleh diberhentikan kalau terdapat prestasi yang tidak baik dan kurang memuaskan. Pada masa yang sama untuk menawarkan skim yang baik untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai dan rakyat yang berkelulusan tinggi dan berpengetahuan luas memasuki GLC ini untuk menjana GLC.

Kita juga telah menawarkan skim yang baik tetapi syer yang diberi kepada mereka tertakluk kepada prestasi mereka. Kalau prestasi mereka kurang memuaskan, mereka tidak akan diberi apa-apa pun dan lebih teruk mereka akan diberhentikan. Kalau prestasi mereka baik dan mereka telah memastikan bahawa banyak nilai atau *value* dijanakan dalam GLC, mereka akan dapat syer yang sedikit dan syer yang diberi dari segi jumlah syer tidak banyak. Itu satu.

Tentang GLC dikuasai oleh pihak-pihak dari luar, ini tidak akan timbul sebab sungguhpun GLC telah jual sedikit syer di pasaran, kita akan memastikan bahawa syarikat-syarikat ini akan dikuasai oleh rakyat Malaysia.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sebenarnya tadi Yang Berhormat Menteri tidak jawab dengan sepenuhnya isu yang saya bangkitkan mengenai perkembangan Southern Bank dan Bumiputra Commerce dan oleh kerana yang menimbulkan masalah keyakinan bahawa tidak ada *level playing field*, Yang Berhormat ada sebut tidak ada apa-apa penglibatan oleh pihak kerajaan tetapi bagaimana ini boleh dipercayai. Bukan sahaja agensi-agensi kerajaan terlibat, tetapi pun Bumiputra Commerce sendiri pun adalah satu GLC.

Mengenai GLC, baru-baru ini ada KPI-KPI diumumkan oleh 15 GLC masing-masing. Tetapi kenapa tidak ada satu *benchmark* yang sama yang perlu diikuti oleh semua GLC sebagai *benchmark* mengenai KPI mereka oleh kerana kalau kita lihat pun mengenai bank-bank yang di dalam golongan GLC sama ada Affin, BCHB dan Maybank pun, KPI mereka pun tidak serupa,

ada berbeza antara satu sama lain. Bukankah lebih bererti sekurang-kurangnya ada satu *cluster* KPI di mana semua GLC diwajibkan untuk *perform*.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, tentang gabungan *Southern Bank* dengan *Bumiputra Commerce*. Sungguhpun syarikat-syarikat *Bumiputra Commerce* mungkin dimiliki oleh syarikat-syarikat kerajaan. Seperti juga *Southern Bank* yang mungkin dimiliki, ada syer. Tetapi saya masih mempertahankan bahawa kerajaan tidak membuat keputusan untuk dua pihak ini digabungkan. Keputusan dibuat oleh pemilik saham masing-masing dan kerajaan seperti biasa dalam apa-apa keadaan pun akan memberi kelulusan kalau syarat-syarat diluluskan.

Tentang GLC, saya memang setuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa mungkin ada juga kebaikan sekiranya KPI GLC dibentuk dengan sedemikian rupa supaya ada konsistensi dari segi beberapa aspek. Kita telah membincangkan perkara ini dengan sedalam-dalamnya dan kita dapati bahawa ada sedikit masalah tentang mengeluarkan KPI yang sama bagi syarikat-syarikat yang berlainan.

Di Amerika Syarikat misalan, satu daripada KPI yang dikeluarkan, yang dipegang oleh syarikat-syarikat besar ialah tentang harga pasaran. COD ada tengok harga pasaran, kalau harga pasaran USD1 hari ini dan dalam tempoh tiga bulan ke enam bulan setahun, harga pasaran naik USD2 dan ia akan dianggap sebagai telah mencapai KPI beliau dan akan diberi bonus yang begitu banyak.

Kita pilih untuk elakkan keadaan seperti ini sebab harga pasaran sesebuah syarikat kadang-kadang ditentukan bukan kerana prestasi CEO tersebut dan mungkin bukan kerana prestasi syarikat tersebut tetapi kerana benda-benda lain. Mungkin isu-isu lain ataupun faktor-faktor lain, mungkin kerana Malaysia kini dianggap sebagai satu negara yang baik untuk dilaburkan, pelaburan masuk dan semua syarikat akan naik. Jadi, kalau kita hendak beri KPI dan kita akan beri bonus kepada dia sebab harga pasaran syarikatnya mungkin tidak adil. Itu satu.

Yang kedua, satu lagi KPI yang mungkin boleh digunakan untuk semua syarikat ialah tentang *revenue*. Kalau dia punya *revenue* meningkat, boleh dianggap sebagai satu yang telah dicapai oleh CEO. Tetapi keadaan syarikat-syarikat berlainan. Ada syarikat yang bergantung kepada *revenue* seperti Telekom atau Tenaga dan *revenue* mereka memang akan meningkat sebab penduduk Malaysia meningkat dan industri memang meningkat, jadi dari segi automatik, *revenue* mereka akan meningkat.

Kalau kita menggunakan *revenue* sebagai satu aras tanda dan juga sebagai satu KPI dan memberikan mereka bonus berasaskan *revenue*, mereka akan setiap kali terima bonus sungguhpun kerja mereka tidak elok.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ada dua yang bangun.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Setelah menimbangkan perkara-perkara ini kita berpendapat bahawa kita harus memilih KPI dengan begitu rupa supaya dapat memberi satu *challenge* kepada CEO-CEO dan mereka harus mencapai KPI ini yang bukan senang untuk dicapai. Tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pulai bangun, Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** ...tetapi *point* yang dibuat oleh Yang Berhormat itu saya terima sebagai satu cadangan yang baik dan kita telah pun membincangkan secara luas tentang cadangan ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** [Bangun]

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Bangun]

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya bersetuju mengenai *point* itu sahaja. Bersetuju mungkin ada alasan-alasan, tetapi untuk GLC-GLC yang dalam bidang yang sama. Bank-bank tidak. Kenapa tidak boleh ada KPI-KPI yang sama. Kenapa tidak boleh dilaksanakan?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Kita akan bincangkan perkara ini dengan bank-bank dan saya akan memberi perhatian kepada isu ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** [Bangun]

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Bangun]

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob):** Ada tiga lagi yang bangun, Yang Berhormat hendak bagi jalan?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tangga Batu. Tangga Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob):** Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak kembali kepada sistem pengangkutan awam yang telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memberi *emphasis* dan fokus kepada sistem pengangkutan awam. Tetapi saya mengkhususkan kepada sistem pengangkutan awam di Lembah Klang yang sekarang ini memang memberi satu masalah yang besar.

Lihat, ada LRT yang tidak mempunyai *connectivity* yang sempurna dan *feeder bus* yang tidak beroperasi secara efektif. Perancangan dan pembinaan perjalanan LRT ini bagi saya tidak mengikut satu perjalanan yang mempunyai kepadatan penduduk yang sebenar. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya harap dalam tindakan-tindakan yang diambil oleh syarikat prasarana ataupun jawatankuasa yang telah ditubuhkan itu bahawa dua perkara yang sangat penting ialah kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk

yang tinggi seperti di kawasan pembangunan yang baru seperti di Puchong - kawasan saya, kawasan di SS2 PJ, Damansara dan sebagainya. Ini adalah satu kawasan kepadatan penduduknya tinggi, maka ini memberi satu kriteria yang sangat-sangat penting. Kedua, kita mesti melihat bagaimana kita boleh menambahbaikkan lagi *connectivity* di antara semua sistem pengangkutan awam, bas, LRT dan sebagainya. Saya hendak mendapatkan sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah tujuan kerajaan. Kerajaan memang ingin sangat untuk memperbaiki keadaan pengangkutan awam Malaysia di semua tempat dan juga di kawasan Kuala Lumpur. Saya setuju bahawa tempat-tempat seperti Kelana Jaya, USJ, Sri Petaling, Puchong - kawasan Yang Berhormat, akan diberi penekanan. Kita akan memastikan bahawa perkhidmatan kereta api juga pergi ke tempat-tempat ini dalam sistem baru yang akan diuruskan kemudian.

Kita juga berbincang sama ada Kota Damansara, Cheras juga mendapat perkhidmatan dan mengenai perolehan bas kita akan membeli bas lebih daripada 1,000 buah pada tahun ini dan tahun depan untuk memberi *connectivity* di semua tempat yang memerlukannya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** [Bangun]

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Mengetuk pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pulai bangun, Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ini adalah dalam rancangan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pulai bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tangga Batu. Tangga Batu.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Pulai dulu. Pulai dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pulai dulu, silakan.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tangga Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seorang, seorang dululah, Yang Berhormat. Takkan sekali bercakap. Pulai.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Bagi Pulai dulu. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin kembali kepada soalan *the setting of the KPI for the CEO* tadi.

Nampaknya kebanyakan CEO di GLC terpaksa melalui '*restructuring*' syarikat-syarikat yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Maka sekiranya dinilai prestasi mereka dari segi *revenue, profit, share prices* dan sebagainya, adakah itu merupakan itu satu *expectation* yang adil?

Bagi saya ia tidak adil dan saya ingin tahu, minta penjelasan, apakah KPI-KPI yang dikenakan kepada CEO seperti MAS, Proton, Tabung Haji dan sebagainya yang merupakan GLC-GLC yang perlu melalui *restructuring process* dan sebagainya.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat GLC ataupun syarikat-syarikat lain yang sedang melalui proses *restructuring* iaitu semasa mereka mengalami masalah-masalah tertentu dan harus dibaikpulihkan, KPI yang perlu diberi keutamaan adalah KPI-KPI *financial* yang penting. Tetapi setelah dibaikpulih itu di *structure* semula, KPI-KPI yang harus diberi keutamaan ialah *operational* KPI, KPI yang dapat menjelaskan dan dapat membayangkan tentang peningkatan kecekapan operasi. Sebab dari segi kewangan sudah elok, sudah di *structure* semula. Jadi kita kena pilih.

Kita telah pilih KPI-KPI yang melambangkan dan membayangkan keadaan GLC-GLC dalam fasa pemulihan. Tetapi ini mungkin tidak lengkap dan saya terima teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita akan sentiasa membaiki lagi KPI-KPI untuk memastikan bahawa KPI-KPI adalah satu faktor yang dapat menjanakan *value* dalam GLC dan juga satu *challenge* yang bukan mudah untuk CEO-CEO mencapainya. Pada masa yang sama ia bukan satu *target* yang mustahil untuk dicapai dan perkataan yang selalu digunakan dalam isu ini ialah '*stretch target*', bermaksud tidak senang untuk dicapai, tetapi boleh dicapai kalau CEO-CEO memberi fokus dan mempunyai sumber-sumber yang perlu dalam mencapai tugas-tugas yang diserahkan kepada mereka.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [*Masih berdiri*]

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob):** Ya, Tangga Batu.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Rantau Panjang.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Rantau Panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob):** Tangga Batu. Seorang, seoranglah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Tidak, dia bagi Rantau Panjang.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob):** Rantau Panjang? Menteri bagi Rantau Panjang. Tangga Batu, sila duduk.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Pertama sekali berkenaan dengan tanggungjawab Yang Berhormat berkenaan dengan syarikat-syarikat GLC ini. Apa yang saya kagum ialah, tadi disebut syarikat-syarikat GLC ini yang agak tidak menentu diambil berat tetapi yang berniaga hebat, yang untung, yang ada potensi berkembang harapan ini dijual kepada Park Way, jadi apa logiknya?

Keduanya ialah Yang Berhormat ada menyebut tadi mengatakan kementerian Yang Berhormat tidak ada kaitan dengan penjualan Pantai kepada Park Way. Tetapi Yang Berhormat kena ingat, kalau kita lihat di sini ialah pengurusan untuk penjualan Pantai kepada Park Way ini diuruskan oleh Avenue Capital. Dalam Avenue Capital ini kalau kita lihat di sini ialah Pantai Holding mempunyai kepentingan 16 peratus dalam Avenue Capital dan Avenue Capital ada kepentingan Kementerian Kewangan ini sebanyak 29.7 peratus. Ini dengan sendirinya ada kaitan walaupun urusan penjualan ini dinafikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Perkara ini berhubung dengan satu isu di mana pihak luar - pihak yang merupakan bukan rakyat membeli pasaran atau tempat lain saham (*share*) yang dijual oleh pihak rakyat Malaysia ataupun pihak *resident*. Ini di pasaran saham.

Kuasa untuk menentukan sama ada kelulusan harus diberi kepada transaksi ini, kerajaan tidak menjual saham tetapi saham dibeli di pasaran. Kuasa sama ada harus diberi kepada transaksi ini ialah pihak yang memberi *concession* kepada syarikat tersebut dan juga pihak FIC. Pihak yang memberi *concession* kepada syarikat tersebut sebab konsesi inilah jadi satu isu yang kontroversial iaitu EPU. Dan pihak yang dapat menentukan sama ada had bumiputera telah dilanggar atau dicapai adalah FIC. Kedua-dua bidang ini bukan di bawah kawal selia saya dan saya tidak mempunyai *locus standi* untuk menjawab soalan ini. Minta maaf.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Persoalan yang bakal saya bangkitkan pun berkenaan dengan angka tunjuk prestasi ataupun KPI yang saya percaya telah ditentukan oleh pihak kementerian Yang Berhormat Menteri kepada CEO-CEO GLC ini. Dan KPI-KPI ini tidak boleh pergi tanpa *balance score card*, yang mana dipantau secara dekat oleh pihak kementerian.

Saya ingin mengambil contoh Yang Berhormat Menteri seperti Tenaga Nasional umpamanya. Baru-baru ini di pasaran kita mendapati ada satu lagi bahan bakar *the high sulfur coal* yang boleh menjimatkan perbelanjaan ataupun kos pembelian bahan tenaga sehingga ke RM800 juta satu tahun dan bahan ini didapati di Amerika. Jadi apakah sikap kementerian di dalam memberikan nasihat ataupun tunjuk ajar kepada CEO Tenaga umpamanya di dalam penggunaan bahan pembakar ini yang sudah pasti akan menambah baik prestasi atau *performance* CEO syarikat itu tadi dalam konteks *review*. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Sudah pasti menjadi satu KPI, satu kualiti yang penting untuk semua CEO di GLC dan kita berharap semua CEO di negara sungguhpun bukan termasuk GLC, ialah mempunyai satu sikap yang luas dan satu kualiti inovatif untuk mencuba bidang-bidang baru dan memang *high sulfur* ini adalah satu bidang baru yang dapat memberi faedah yang begitu banyak untuk negara. Dan kualiti ini adalah penting untuk semua CEO dan kalau terdapat CEO yang hanya menggunakan kaedah-kaedah *status quo* dan kaedah-kaedah yang terdapat sekarang dan tidak berani untuk mencuba kaedah-kaedah baru, tidak berani untuk

mengubah kaedah-kaedah yang terdapat dalam sistem yang ada. Memang selepas tiga tahun kita tidak sambung lagilah, kita buang sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Soalan saya yang terakhir sebelum kita pergi makan tengah hari ialah banyak rintihan yang saya dapat bila CEO baru masuk dia bawa pasukannya. Jadi yang di dalam itu adalah yang lama tidak terpakai tetapi yang boleh buat kerja pun diketepikan. Saya nampak dari segi *human rights* tidak baguslah kerana mereka kerja sudah lama. Bila masuk CEO baru dia bawa *team* dia dan mengetepikan yang ada di dalam dan ini menyebabkan perhubungan di antara CEO dengan pekerja-pekerja dalam organisasi tersebut tidak mesra. Ini bidang perniagaan kalau tidak ada koordinasi yang baik di antara CEO dengan pekerja bawahan mungkin berlaku perkara-perkara seperti sabotaj dan sebagainya dan ini tidak menguntungkan.

Yang kedua bila CEO baru masuk saya nampak dia suka jual, tutup, hendak cari keuntungan supaya *the end of the day* iaitu selepas 3 tahun kementerian tengok dia ni bagus untung, tetapi sebenarnya dia telah menjual macam-macam. Bila jual *property* memanglah untung. Jadi untunglah syarikat itu balik tetapi aset kita sudah hilang, *property* kita telah dijual dan sebagainya. Jadi saya berharap perkara ini Yang Berhormat tengok-tengoklah, ini berlaku. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. Tentang jual aset untuk menunjukkan bahawa keuntungan telah meningkat adalah satu perkara biasa yang dilakukan di mana-mana. Tetapi kita ada mekanisme sebab itu di dalam KPI kita memastikan bahawa keuntungan itu adalah keuntungan yang boleh diulang, *repetitive income – long term income*. *Income* yang hanya dicapai dengan penjualan aset tidak dianggap sebagai satu keuntungan untuk menilai prestasi CEO itu.

Berhubung dengan perkara CEO membawa kawan-kawan lamanya mungkin dari syarikat lamanya, ini adalah satu perkara biasa tetapi bagi kita dia harus menggunakan tenaga yang terdapat di syarikat yang ada. Kalau dia hendak bawa pun setakat *secretary*, okay sebab *secretary* sudah lama dengan dia dan dia pun sudah biasa dengan *secretary*. Telefon nombor tidak payah hafal sekali lagi. Setakat *secretary* dan seorang dua pegawai tu okaylah, tetapi kalau bawa satu pasukan sampai 20 atau 30 orang itu kita tidak bersetuju. Saya tidak membenarkan.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habis Yang Berhormat? Sekarang saya menjemput Menteri ..... Tidak ada lagi?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ok, Tuan Yang di-Pertua boleh saya .....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan pandangan serta saranan untuk perhatian Kementerian Kewangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.



**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik. Sekarang saya menjemput Menteri Pengajian Tinggi untuk memberi jawapan.

**12.56 tgh.**

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyambung selepas 2.30 petang, tetapi dalam jangka masa 4 minit yang ada ini izinkan saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah banyak membangkitkan isu berkaitan dengan pengajian tinggi dan sudah pasti isu-isu ini dapat membantu kementerian khususnya saya dalam membawa penambahbaikan dengan izin, *improvement* kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

Isu-isu utama yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan universiti termasuklah *ranking* universiti, kualiti pensyarah, kualiti pelajar, ada juga isu-isu berkaitan dengan kenaikan pangkat, meritokrasi, lantikan naib canselor, ada juga isu-isu berkaitan dengan perundangan khususnya AUKU yang hangat dibicarakan di luar Dewan dan juga dalam Dewan ini.

Saya Tuan Yang di-Pertua insya-Allah akan terus selepas kita makan tengah hari nanti, tetapi dalam kesempatan keterbatasan masa yang ada ini izinkan saya untuk bercakap tentang satu perkara dahulu iaitu berkaitan dengan *ranking*.

Yang pertamanya kita memang mengikuti *ranking* yang dibuat oleh institusi-institusi dalam dan luar negara. Ini penting dalam membolehkan kita mendapat atau membuat penilaian di mana tahap pencapaian kita. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab tadi Menteri Kewangan Kedua bercakap tentang KPI umpamanya *performance indicators*. Ini merupakan satu perkara yang penting, maka dalam kita menilai prestasi, kita perlu merujuk kepada laporan-laporan yang dibuat oleh pihak lain. Kita mengikuti *ranking-ranking* yang dibuat oleh pihak tersebut, cuma Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa *ranking* ini tidak sempurna di mana ada cacat celanya.

Yang pertama, saya hendak sebut di mana memang kita beri perhatian kita bukan *state of denial* seperti mana kata Ketua Pembangkang kerajaan berada dalam *state of denial*, ini tidak betul. Kita mengikuti segala penilaian yang dibuat.

Tetapi yang kedua kita harus juga mengetahui bahawa ada cacat cela, bukan sempurna segala-galanya. Oleh hal yang demikian, kita harus berhati-hati dalam membuat penilaian. Dalam pada itu kita cuba dari tahun ke tahun untuk membuat atau menambah, mengadakan langkah-langkah penambahbaikan ataupun dengan izin *improvement*. Dalam konteks ini adalah menjadi matlamat Malaysia untuk menjadikan universiti di Malaysia ini ternama. Memanglah kita akui di satu masa dahulu Universiti Malaya umpamanya telah diiktiraf sebagai salah sebuah universiti yang ternama di rantau ini ataupun di dunia, dan kita semua mengakui bahawa beberapa penambahbaikan ataupun *improvement* perlu kita lakukan untuk mengangkat kembali martabat Universiti Malaya dalam negara kita.

Langkah-langkah sedang kita lakukan di mana langkah-langkah ini mengambil masa. Kita tidak boleh mengambil tindakan dan mengharapkan *out come* dalam sekelip mata sahaja sebaliknya ia satu langkah panjang. Yang penting kerajaan telah pun memulakan langkah-langkah untuk memantapkan lagi kedudukan universiti untuk memastikan bahawa *ranking* mereka bertambah baik dari tahun ke tahun.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, boleh sambung petang.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Silakan Yang Berhormat.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN MESYUARAT DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**2.32 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini dan selepas itu, majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari esok 29 Mac 2006".

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]:** Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui

*[Menyambung semula perbahasan atas masalah Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-pertuan Agong]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Kementerian Pengajian Tinggi, Menteri-nya untuk menyambung ucapan.

### 2.33 ptg.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sambung kembali dengan mengulangi dua, tiga fakta yang saya sebut sebelum jam 1.00.

- (i) kerajaan peka dengan *ranking* yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu;
- (ii) kita harus sedar bahawa *ranking* ini tidak sempurna. Ada cacat celanya;
- (iii) dalam pada itu, kita memandang serius beberapa pandangan yang kita buat dan selaras dengan itu kita sedang melaksanakan usaha. Umpamanya untuk meningkatkan *peer review* universiti dalam negara untuk memperbaiki lagi *staff*, *student ratio* di universiti untuk meningkatkan penerbitan supaya *shortage in index* dapat ditingkatkan dan
- (iv) seterusnya untuk meningkatkan penglibatan ataupun kemasukan pelajar-pelajar luar negara di negara kita kerana ini dijadikan salah satu daripada ukuran bagi menentukan prestasi sesebuah universiti mengikut *times ranking*.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan kualiti pengajian tinggi amat penting sekali. Atas sebab-sebab berikut:

- (i) institusi pengajian tinggi akan menyediakan sumber tenaga kerja, masa depan negara dan di universiti-universitilah akan kita perolehi *research development* dengan izin untuk membolehkan kita menerokai bidang-bidang baru. Oleh itu, kerajaan memandang serius usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti institut-institut pengajian tinggi;
- (ii) selain itu jika sekiranya kualiti IPT dalam negara kita bertambah baik, maka ia akan menjadi daya tarikan kepada pelajar-pelajar dalam negara kita untuk belajar dalam negara, bukan luar negara dan
- (iii) ia akan dapat menarik pelajar-pelajar luar negara untuk belajar ke negara kita.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya amat bersetuju dengan cadangan kerajaan untuk membuka ruang IPTA kepada pelajar-pelajar luar negara, khususnya masalah yang kita hadapi, bagaimana kita menyediakan ruang sebegini, universiti yang berkualiti sedangkan masalah pelajar-pelajar dalam negara kita sendiri yang memohon untuk ke IPTA tidak ada tempat sebab terlalu kekurangan tempat, yang memohon lebih banyak tetapi tempat berkurangan. Masalah yang dihadapi, bagaimana keadaan mereka yang tercicir ini? Apa perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah keciciran ini sedangkan kita mempunyai masalah-masalah yang timbul. Apabila mereka ini tercicir, mereka terpaksa mencari universiti ataupun IPTA, IPTS sendiri.

Apabila mereka keluar daripada IPTS ini, mereka tidak diiktiraf pula, sama ada doktorkah, perguruankah dan sebagainya. Jadi bagaimana mengatasi masalah yang kita hadapi pada hari ini?

**Dato' Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mereka belajar di IPTS. Tempat-tempat di IPTA adalah dikhususkan untuk pelajar-pelajar tempatan kecuali untuk *Masters* dan Ph.D. Dalam kes-kes tertentu ada juga kita menerima pelajar-pelajar peringkat *under graduate*. Oleh yang demikian, isu tidak berbangkit, ya kerana kebanyakan mereka berada di IPTS.

Yang keduanya berkaitan dengan pelajar-pelajar tercicir ini. Kita ada menyediakan banyak laluan. Umpamanya kita ada kolej komuniti pada hari ini. Kita ada Giat Mara, kita ada Politeknik. Ini merupakan pelajar yang tidak dapat, tidak mempunyai kelayakan yang membolehkan mereka memasuki universiti adalah laluan lain yang disediakan oleh kerajaan. Dengan itu, kita merasakan bahawa ada tempat untuk kita. Dalam pada itu, memang tidak mencukupi. Pihak kerajaan sentiasa mencari jalan untuk menambah.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh sikit?

**Dato' Mustapa Mohamed:.....** tempat-tempat ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, kebanyakan mereka yang tidak bernasib baik ini adalah merupakan pelajar-pelajar daripada kawasan luar bandar. Cuma saya hendak tahu saluran kedua ini Yang Berhormat, apakah penyelarasan dan Yang Berhormat sebut tadi, kolej komuniti mungkin bertambah lagi IBN, IKM, banyak lagi. Apakah penyelarasan yang lebih mantap agar mereka ini sebagaimana kalau kita lihat di negara-negara Eropah yang lain. Kita ambil contoh di Perancis, di Jerman, sistem ini lebih praktikal kerana kita hendak tahu ke mana kesudahannya mereka ini. Jangan kita lupa bahawa mereka ini mungkin lebih hebat kalau diberi peluang. Mungkin sampai Ph.D.

Kita kena ingat ini pelajar luar bandar. Mungkin daripada kawasan Yang Berhormat, kawasan Jeli. Kawasan saya, kawasan Kinabatangan, kawasan Jasin banyak lagi. Ini merupakan anak-anak orang kampung yang memberi kuasa kepada kita, yang memberi kepada kita mandat. Apakah jaminan Yang Berhormat? Kita minta jaminan Yang Berhormat untuk melihat keciciran ini yang kelak akan lebih menimbulkan masalah sosial. Yang hari ini kita sebut banyakkah, mat motor, mat rempit, macam-macam. Jadi di manakah kesudahan mereka ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya minta jaminan Yang Berhormat sebagai Menteri yang baru, tolonglah, tolong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Keciciran ini perlu kita lihat dengan satu agenda yang lebih serius. Kita pedulilah soal Ipoh Timor yang tidak langsung memberatkan isu-isu luar banda ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut dan Kinabatangan. Kerajaan memang amat prihatin kepada nasib pelajar-pelajar luar bandar yang mungkin tidak mendapat tempat untuk memasuki IPT dan IPTS.

Oleh itu kita ada laluan. Yang kedua, kita ada kementerian yang tinggi, Kementerian Pelajaran, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Usahawan. Ini lima kementerian yang bertanggungjawab untuk menyediakan peluang bagi latihan kemahiran. Baru-baru ini bermula tahun lepas, pihak FELDA juga telah memulakan usaha untuk melatih anak-anak di FELDA bagi mendapat latihan kemahiran. Jadi terima kasih Yang Berhormat. Insya-Allah, kita tidak lupa kepada pelajar-pelajar luar bandar dan kerajaan akan menawarkan lebih banyak lagi tempat.

Sebagai contoh Ahli Yang Berhormat, tahun lepas tahun 2005 umpamanya bagi kemasukan ke Politeknik, peningkatan kira-kira 15% pertambahan pelajar yang memasuki Politeknik dan kita juga sekarang ini ada 34 kolej komuniti dan kita berharap dalam RMK-9, akan ada bertambah lagi kolej komuniti. Dengan itu, akan menyediakan lebih banyak peluang kepada pelajar-pelajar luar bandar khususnya untuk mengikuti latihan kemahiran sebagai satu.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jasin, Jasin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu. *[Meminta Yang Berhormat bagi Jerai duduk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak apa, tidak apa, kita beralah, beralah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya lihat akhir-akhir ini kementerian banyak memberi lesen kepada IPTS-IPTS. Saya juga difahamkan bahawa kakitangan di Kementerian Pengajian Tinggi ini tidak cukup. Akhirnya IPTS-IPTS ini tidak ada kawalan langsung daripada kerajaan. Contoh ada satu IPTS di Melaka mengiklankan macam-macam kursus sehinggakan membawa kita dapat pelajar-pelajar daripada luar negara belajar di sana.

Malangnya, untuk makluman Menteri, pelajar ini pula kena tunggu cikgu-cikgu tidak ada. Akhirnya pelajar itu berkeliaran di Melaka. Ini yang jadi masalah mengapa kita bagi lesen terlampau banyak dekat IPTS, akhirnya kementerian *lost control*. Yang akan besok dapat nama buruk negara kita kerana kita mengalu-alukan, menarik pelajar-pelajar daripada luar negara datang ke negara kita dengan harapan ibu bapa mereka supaya anaknya dapat pelajaran. Akhirnya seolah-olah mereka datang sini, menganggur. Belajar tidak, apa pun tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Apa pandangan Menteri?

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Dasar kerajaan hari ini ialah untuk mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat sebelum sesuatu IPTS baru diluluskan penubuhannya. Akhir-akhir ini tidak ada banyak IPTS baru ditubuhkan dan masa akan datang, kita akan lebih berhati-hati. Kita dalam tempoh konsolidasi ataupun *consolidation* dengan izin. Dengan itu saya bagi jaminan bahawa tidak ada peningkatan yang ketara dalam penubuhan IPTS yang baru. Kita akan lebih berhati-hati. Pastikan ianya berkualiti.

Yang keduanya dari segi kakitangan memang benar. Ada isu-isu berkaitan dengan penguatkuasaan dan ini kita sedang tangani. Insya-Allah, kita akan dapat melihat beberapa perubahan termasuklah penguatkuasaan yang lebih tegas supaya IPTS yang menyeleweng ataupun tidak memenuhi syarat-syarat ini tidak akan dapat beroperasi dalam negara kita.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Bangun]

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]:** Izinkan saya terus dengan....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat Dato', saya boleh, jauh sangat. Sepatah, dua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tadi terdengar Yang Berhormat Menteri kata kolej komuniti 34 buah sahaja Dato'.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bila?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya? 34 buah. Jadi saya hendak tanyalah Yang Berhormat Dato' sebagai Menteri yang bertanggungjawab, bolehkah kita buat macam dahulu dikatakan tiap-tiap satu Parlimen satu kolej komuniti? Jadi macam ini Dato', saya nampak Dato' anak-anak kita keluar universiti ini, kadang-kadang saya hairan dia ambil *Business Study*, dia keluar pun hendak makan gaji. Dia tidak mahu berniaga. Sedangkan jawatan

pengajian dia itu *Business Study*. Patut keluar pergi berniaga. Tetapi tidak, hendak makan gaji juga. Jadi sekarang ini kita kena banyakkkan latihan kemahiran.

Jadi kalau boleh Dato' macam kolej komuniti ataupun MRSM, Pusat Giat Mara dan sebagainya kita perbanyakkan supaya belia-belia di luar bandar ini mereka boleh masuk ke tempat itu dengan kos yang tidak tinggi dan ada kemahiran kepada mereka. Yang masalah tidak ada kemahiran Dato', bila tidak ada kemahiran Dato'. Bila tidak ada kemahiran, itulah yang dia naik motor tayar satu itu. Dia jadi macam-macam fasal tidak ada kemahiran. Kalau ada kemahiran insya-Allah. Jadi macam mana pandangan Dato'? Bolehkah Dato' masuk kalau terlupa dalam RMK-9, untuk tolong masuk sat Dato'. Terima kasih Dato'.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Selepas ini Tuan Yang di-Pertua saya mohon izin untuk terus menjawab isu-isu yang dibangkitkan. Soalan-soalan mungkin ke belakang nanti saya akan menjawab beberapa soalan tambahan. Tetapi sebelum saya teruskan menjawab Yang Berhormat bagi Jerai, bilangan yang akan diluluskan sudah pasti bergantung kepada kedudukan kewangan kerajaan dan hari Jumaat akan datang, bila Yang Berhormat membentangkan pada RMK-9, kita akan kepastianlah berapa sebenarnya.

Saya sudah terima surat daripada Yang Berhormat bagi Jerai yang dihantar kepada saya. Terima kasih banyak mengenai perkara ini dan kerajaan prihatinlah atas permintaan Yang Berhormat. Cumanya, bilangan sebenarnya kena ditentukan oleh kedudukan kewangan negara. Sudah pasti pada peringkat ini saya berani nyatakan bahawa bukan setiap kawasan Parlimen akan mendapat satu kolej komuniti. Itu sudah barang tentu berdasarkan kepada kedudukan kewangan semasa. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan.

Seterusnya Ipoh Timor membangkitkan tentang skim perkhidmatan ahli akademik supaya ditukar kepada sistem baru dan saya ingin menegaskan di sini bahawa ahli akademik juga adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan kerajaan. Dalam pada itu mereka memberi laluan yang istimewa. Umpamanya kita ada keadaan pada hari di mana pensyarah-pensyarah yang belum sampai 40 sudah pun menjadi profesor, mendapat JUSA C, dan beberapa perkhidmatan kerajaan mengambil pensyarah perlu mengambil masa yang lama sebelum mendapat JUSA C.

Sebagai contoh, umpamanya di Universiti Malaya, kita ada 9 profesor umur kurang daripada 40 tahun yang sudah menjadi *full professor*, di UTM 7 orang. Ini contoh-contoh yang melambangkan bahawa walaupun mereka terikat dengan skim perkhidmatan kerajaan, kita ada laluan istimewa untuk mereka menunjukkan kebolehan yang tinggi dalam bidang mereka dan mereka ini sudah pun dinaikkan pangkat. Jadi, memang benar bahawa mereka terikat dengan skim perkhidmatan kerajaan tetapi saya ingin memberi jaminan di sini bahawa pensyarah-pensyarah yang cemerlang akan berpeluang untuk menjawat jawatan ataupun pada peringkat JUSA.

PTK yang dibangkitkan oleh Ipoh Timor .....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Saya selesai PTK dahulu. Ini merupakan keperluan kerajaan. Dalam pada itu saya ingin menegaskan bahawa perubahan-perubahan yang perlu dibuat pada PTK ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Untuk mempermudahnya dan juga untuk memastikan ia relevan kepada perkhidmatan pensyarah. Jadi, dahulu ia memang banyak masalah tetapi sekarang ini masalahnya terlalu kecil untuk dibangkitkan dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya terima kasih. Tadi Yang Berhormat pun ada bermula dengan ucapan beliau berkata bahawa kerajaan sangat memberi perhatian kepada betapa pentingnya untuk mempertingkatkan kualiti *thinking* pengajian tinggi kerana ia begitu mustahak untuk masa hadapan negara. Untuk mempertingkatkan kualiti pengajian tinggi, bukankah penting bahawa ada usaha-usaha dan tindakan-tindakan yang konkrit kerana *lips service* sahaja tidak guna. Ini ada dibuat bukan sahaja sekarang, 5 tahun dan 10 tahun tetapi makin merosot kualiti pengajian tinggi di Malaysia.

Antaranya usaha dan langkah yang mustahaknya, bukankah sudah sampai masanya satu skim yang baru untuk para akademi iaitu patut dipisahkan daripada perkhidmatan kerajaan. Adakah kita rela mengadakan satu skim untuk IPT, IPTA, pensyarah-pensyarah akademik-akademik yang dia tidak terikat kepada *public service* supaya kita menganggap universiti sebagai satu institusi yang khas dan khusus, kalau kita mahu mencapai kecemerlangan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita tidak bercadang untuk mengadakan skim perkhidmatan yang khusus untuk para pensyarah. Dalam pada itu, kita memberi laluan yang pantas kepada yang berkebolehan untuk naik pangkat sampai ke JUSA A, profesor ini bermula dengan JUSA A tetapi bagi mereka yang cemerlang boleh naik ke peringkat JUSA B dan juga A, dan juga ada insentif-insentif lain. Beberapa buah universiti umpamanya, akan memperkenalkan insentif di mana selain daripada gaji yang hakiki yang diterima oleh mereka, di UTM umpamanya, sedang difikirkan bagaimana *top up* gaji yang diterima sebagai satu insentif untuk mereka terus berkhidmat di universiti.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Jadi pada masa ini, perkhidmatan akademik masih lagi terikat dengan sistem skim kerajaan. Kita tidak bercadang untuk merombaknya tetapi kita Insya-Allah akan mencari jalan bagaimana untuk menambah baik lagi skim tersebut supaya dapat menarik lebih ramai pensyarah-pensyarah yang lebih berwibawa.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [Bangun] Saya hendak minta penjelasan, boleh?

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Huh? Sila. [Ketawa]



**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di bawah skim yang ada sekarang termasuk untuk pelantikan profesor-profesor ada berlaku banyak komplot mengenai penyalahgunaan kuasa seorang pensyarah dan seorang yang dilantik sebagai profesor daripada universiti yang lain, daripada UKM pergi UM, isteri *vice cancellor* membangkitkan banyak tidak puas hati dalam kalangan akademia-akademia, dan dalam dua tahun ada *ignorant lecture*, sungguh pun ini sangat luar biasa. Bukankah perkara-perkara ini perlu ditangani supaya di antara akademia-akademia dan semua universiti-universiti mereka boleh *satisfied* dengan cara skim, pelantikan, *appointment* dan sebagainya.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Saya jawab ringkas, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sedar akan berlakunya beberapa perkara seperti yang disebut oleh Yang Berhormat pembangkang tadi, Ipoh Timor, dan kita sedang menanganinya. Terima kasih.

Permatang Pauh membangkitkan tentang kenaikan pangkat pensyarah-pensyarah yang dikatakan....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan, Yang Berhormat. Yang Berhormat minta penjelasan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Daya selesai satu-satu, ya. Kenaikan pangkat pensyarah yang dikatakan tidak berasaskan kelayakan akademik tetapi berasaskan kepada populariti dan juga kepada hubungan politik. Kita ingin menafikan perkara ini dan kita hendak tegaskan di sini bahawa pensyarah-pensyarah dinaikkan pangkat berasaskan kepada prestasi akademik. Untuk naik pangkat ke profesor, Profesor Madya, ada iklan, ada proses *interview*, ada laporan yang perlu disahkan kepada pensyarah universiti. Oleh hal yang demikian, saya ingin menafikan bahawa ada pengaruh politik dalam menentukan, ini tuduhan jahat yang dibuat, mengatakan ada pengaruh-pengaruh politik dalam menentukan urusan kenaikan pangkat pensyarah-pensyarah di universiti. Ini tidak benar sama sekali.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kinabatangan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Ya, Yang Berhormat, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ya, memang saya setuju, soalan-soalan politik itu dijawab secara politik.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita hadapi masih masalah pensyarah dan di negara kita, saya ingin bertanya adakah kementerian mempunyai perancangan untuk melihat bahawa pensyarah kita pada hari ini bersara pada umur yang muda, 55 tahun, sedangkan 55 tahun ini kalau apa masih baru peringkat awal, masih muda. Tenaga kerja yang mereka ada ini telah tidak dapat kita manfaatkan dan mereka akan keluar mencari pasaran baru dan sebagainya, sedangkan negara kita juga telah melanjutkan usia perkhidmatan hakim kepada 65 tahun. Apakah kementerian tidak berhasrat untuk melanjutkan usia pensyarah-pensyarah ini kepada

kontrak kerja mereka kepada 65 tahun? Kerja pensyarah ini bukan penat sangat, bercakap sahaja. Terima kasih. [Ketawa]

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pensyarah banyak kerja, Kinabatangan, beban tugasnya amat berat sekali.

Pada masa ini pensyarah bersara pada umur 56. Dalam pada itu ada kira-kira 200 orang pensyarah, profesor khususnya yang disambung perkhidmatan mereka secara kontrak kira-kira 200 orang. Ini merupakan fleksibiliti yang diberikan oleh kerajaan di mana universiti diberikan kelonggaran. Pensyarah-pensyarah yang *eminent*, dengan izin, digalakkan untuk terus berkhidmat dan kerajaan mengambil sikap yang liberal untuk membolehkan mereka meneruskan perkhidmatan. Ada di antara pensyarah-pensyarah yang ternama umur 60, 63 di beberapa universiti yang masih lagi menyumbangkan kerana kita merasakan bahawa mereka semakin berumur pensyarah ini mereka semakin mampu untuk menyumbangkan kepada negara. cumanya...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] :** Tidak boleh diwajibkan, kah? 65.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Kerajaan sedang mengkaji perkara ini, kita belum buat keputusan kerana ada baiknya. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa pensyarah-pensyarah yang umur sudah tinggi ini dan sudah lebih 56 ini, ada di antaranya pakar-pakar, maka itu kita sedang mengkaji kemungkinan untuk kita ada laluan yang lebih istimewa pada pensyarah-pensyarah. Sekarang sudah ada, kalau perkhidmatan lain sukar, perkhidmatan akademi ini lebih senang. 200 orang profesor sekarang ini yang diambil bekerja secara kontrak oleh kerajaan melalui proses kelulusan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan lain-lain. Terima kasih.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Gombak.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi laluan kepada saya. Yang Berhormat Menteri saya ingin mendapatkan penjelasan tentang pelantikan profesor. Saya ingin tahu sama ada kementerian merancang pada masa akan datang bahawa pelantikan profesor ini dibuat di peringkat pusat ataupun *distandardizekan*, yang mana contohnya didapati bahawa ada bekas pegawai-pegawai kerajaan, contohnya yang bekerja di hospital apabila mereka pencen, selepas itu mereka masuk ke universiti ditawarkan sebagai profesor. Kini kita dapati bahawa pelantikan profesor ini banyak bergantung pada sesebuah universiti. Selain daripada itu kita dapati bahawa sesetengah pensyarah itu di sebuah universiti, kata universiti 'A', dia berpangkat Profesor Madya tetapi ditawarkan oleh sebuah universiti yang lain berpangkat profesor. Jadi, adakah cadangan kementerian untuk mengadakan bahawa untuk menjadi profesor ini mesti ada satu badan daripada pusat untuk memastikan bahawa semua profesor ini *standardnya* sama seperti mana yang dilakukan di Indonesia, contohnya.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, setiap universiti mempunyai peraturannya sendiri, jadi kaedah pelantikan profesor ditentukan oleh universiti berkenaan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, di masa akan datang kita perlu ada sedikit keseragaman, bukan bermaksud hendak adakan satu agensi pusat untuk melantik mereka tetapi harus ada garis panduan yang seragam dan yang diguna pakai untuk semua universiti. Pada masa ini, memang ada kes-kes di mana seorang *lecturer* biasa menjadi Profesor Madya dan juga profesor di universiti yang lain oleh sebab-sebab yang tertentu walaupun mereka belum sampai tahap kekananan yang diperlukan. Oleh itu, kita akan mewujudkan satu kaedah yang seragam untuk memastikan bahawa peraturan-peraturan ini diikuti oleh universiti-universiti dalam pelantikan profesor, khususnya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, boleh sedikit?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berbincang panjang dengan Arau, macam mana hendak tolong Yang Berhormat ini. Maklum sahajalah Timbalan Menteri ini bermasalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan soalan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Ketawa*] Sekarang ini yang keluar ramai hendak masuk universiti tidak ada tempat. Kalau kita tengok di luar negara, Tuan Yang di-Pertua, di luar negara universiti-universiti yang ada itu semua universiti swasta bukan universiti kerajaan, *private* universiti. Jadi, di Malaysia ia berbeza, universiti kerajaan lebih baik *performancenya* dan lebih baik pengeluarannya daripada universiti swasta. Saya berbincang cukup panjang sekejap ini dalam masa dua, tiga minit bagi pandangan pada Yang Berhormat Menteri supaya macam diploma ini kerana universiti kita tidak cukup hendak masuk ramai dengan kelulusan yang diploma ini kita bagi kepada IPTS-IPTS *upgradekan* mereka, bantu mereka supaya kursus diploma ini dijalankan oleh IPTS yang telah diluluskan oleh kerajaan dan yang terbaik.

Kemudian, universiti kerajaan IPTA ini buatlah yang *degree* dan ke atas supaya kesemua universiti yang ada ini dapat cari makan. Jadi, lagi satu Tuan Yang di-Pertua, kursus IPTS ini pun yang diluluskan oleh MQA dan LAN dari segi *performance* dan dari segi kelulusannya sijil dan sebagainya. Supaya meringankan masalah. Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita merasmikan PIBG selalu pesan pada emak, bapa dan cikgu belajarkan anak bagus-bagus, masuk universiti, modal insan dan sebagainya, bila mereka skor 4 dan 5A tidak boleh hendak masuk. Balik, yang kena wakil rakyat. Yang terhormat bersyarah suruh masuk universiti, kami yang hendak masuk tidak boleh hendak pergi ke mana? Jadi, yang ini masalah kita, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, boleh atau tidak cadangan saya yang pakat dengan Arau ini diterima oleh pihak kerajaan dan meringankan beban kerajaan dan juga rakyat serta menolong IPTS yang tidak ada *student* itu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, di negara kita memang kebanyakan pelajar-pelajar peringkat diploma berada di IPTS dan IPTA bilangannya kecil berbanding dengan IPTS. Umpamanya tahun-tahun lepas, tahun 2005 peringkat diploma 44,956 di IPTS, di IPTA cuma 18,900 bermaknanya lebih dua kali ganda pelajar-pelajar terdapat di IPTS berbanding dengan IPTA. Dasar kerajaan IPTS memainkan peranan, dengan izin, *to compliment* kemudahan-kemudahan yang dibuat oleh sektor awam IPTA. Dalam pada itu kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan sama sekali peluang pelajar-pelajar untuk ke IPTA untuk diploma. Kita akan teruskan cumanya cadangan Yang Berhormat supaya kita ada penjelasan dan kini kita ambil kira, maknanya mungkin kita boleh *consolidate* IPTA, kita perlu teruskan diploma di IPTA cuma peluang-peluang yang lebih yang kita beri kepada IPTS. Memang sudah pun berlaku sekarang, cadangan Jerai supaya kita tambahkan lagi peluang-peluang di IPTS dan kita akan melihat perkara ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai kaedah pelantikan naib canselor yang dibangkitkan oleh Ipoh Timor dan Permatang Pauh yang menyatakan bahawa Menteri Pengajian Tinggi berkuasa dalam perkara ini. Memanglah di bawah akta, Kementerian Pengajian Tinggi ada kuasa tetapi hakikatnya, dari segi amalannya. Yang Berhormat Ipoh Timor membangkitkan tentang *research committee*. Apa pun nama daripada proses ini memanglah dalam melantik seorang Naib Canselor ada beberapa kaedah peraturan yang ditetapkan termasuklah kecemerlangan akademik, kepimpinannya, sama ada dia faham dasar kerajaan.

Ini antara ciri-ciri yang kita gunakan dan yang penting ialah kecemerlangan dan kepimpinan, kecemerlangan akademik yang ternama dan daya kepimpinan untuk menguruskan sebuah universiti, walaupun tidak dipanggil *search* komuniti tetapi hakikatnya, realiti dan amalannya memang dikaji beberapa nama dan setelah dibuat keputusan dan setelah diadakan perbincangan dengan beberapa pihak termasuklah dengan pihak lembaga pengarah universiti, termasuklah dengan *peer group*, termasuklah rakan-rakan dalam kerajaan dan lain-lain, mungkin sektor swasta juga maka sesuatu keputusan dibuat.

Oleh yang demikian keputusan melantik Naib Canselor walaupun dalam akta kuasanya terletak di tangan menteri tetapi dari realitinya ia melalui satu proses. Cumanya saya setuju bahawa proses ini harus diperbaiki dan kita dalam negara kita, kita melaksanakan beberapa penambahbaikan dari semasa ke semasa. Apa jua yang boleh membantu meningkatkan kecemerlangan akademik universiti meningkatkan prestasi kepada kita Insya-Allah kita akan guna pakai amalan-amalan tersebut. Saya ingin menegaskan di sini bahawa hubungan politik

dan yang lain-lain yang disebut dituduh Yang Berhormat Ipoh Timor ini adalah tidak relevan sama sekali dalam pemilihan Naib Canselor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya sangat hairan dengan jawapan Yang Berhormat Menteri yang diberi. Nampaknya dia sudah menolak apa bekas menteri ada janji dalam Dewan ini bahawa ada mewujudkan *search committee* untuk pelantikan Naib Canselor, *Timbalan* Naib Canselor. Adakah cadangan atau usaha ini sudah ditolak oleh Yang Berhormat Menteri yang baru supaya ada satu *search committee* dan sebenarnya apa yang kita mahu *search committee* yang *transparence* yang mengandungi ahli-ahli yang ada berkaliiber, intellectual, ada ketokohan dalam bidang pengajian tinggi. Dan akhir bulan ini lagi tiga hari 31 Mac, Naib Canselor Universiti Malaya perkhidmatan terma beliau akan tamat. Adakah satu *search committee* diadakan supaya ada boleh memilih seorang tokoh yang *intellectual* bukan sahaja diakui di dalam negara tetapi di dunia supaya kita boleh memulakan proses memulihkan keyakinan mengenai kualiti pengajian tinggi. Kalau tidak semua ucapan sahaja untuk dibibir sahaja *lips service* tidak akan memberi kepercayaan. .... *there be* seorang yang berwibawa dilantik.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua kita tidak menolak cadangan untuk mengadakan satu jawatankuasa bagi memilih Naib Canselor. Cuma saya kata apa pun nama digunakan hakikatnya realitinya ada jawatankuasa, ada *committee* bukan kuasa seorang. Cumanya cadangan Yang Berhormat tadi supaya syarat-syarat tertentu ikut yang Yang Berhormat lah Ipoh Timor, kita tak perlu ikut 100% Yang Berhormat. Yang pertama saya hendak katakan bahawa kita memberi *lips service* kita mengambil serius perkara itu untuk meningkatkan kualiti untuk memilih Naib Canselor yang terbaik. *It not lips service* dengan izin akan memandang serius perkara ini dan kita akan pastikan bahawa yang dipilih ini adalah yang terbaik. Cumanya kaedah *committee* ini siapa ahlinya dan ini sedang kita uruskan untuk mencari kaedah yang terbaik yang pentingnya kita hendak pastikan bahawa yang dipilih itu ada satu proses dan proses itu sudah pun dimulakan. Proses yang terbaik supaya kita dapat individu yang mampu untuk meningkatkan kecemerlangan sesuatu pengajian tinggi dalam negara kita.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa di antara kriteria memilih seorang contoh NC di bawa mereka antaranya ialah kepimpinan dalam universiti. *Track record* mereka dalam universiti. Yang kedua kecemerlangan akademik. Ini penting kerana dipilih berdasar daripada *research*, penulisan mereka dalam jurnal di peringkat *national* ataupun di peringkat *internasional*. Ini antara ciri-ciri yang rasakan bahawa seseorang NC itu akan dilantik akan menentukan kecemerlangan universiti tersebut.

Di sini saya ingin mempersoalkan Yang Berhormat Menteri, apa pandangan Yang Berhormat tentang contohnya pelantikan Nordin Kardi sebagai NC UUM. Saya rasa tidak melalui proses sebagaimana Yang Berhormat maksudkan tadi. Jadi ini yang banyak dipertikaikan oleh

masyarakat di luar sana. Saya rasa kita perlu melihat proses ini supaya kecemerlangan akademik itu adalah ditentukan oleh proses di mana seseorang itu dinaikkan pangkat mereka dan duduk sebagai status NC dengan memiliki proses yang dikatakan tadi. Jadi apa komen Yang Berhormat?

**Dato' Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, proses itu ada. Sudah pasti kita tidak akan dapat memuaskan hati pembangkang. Tapi pembangkang hendak lantik ahli mereka untuk menjadi Naib Canselor mungkin. Jadi proses itu ada dan kita memilih yang terbaik dan kita memberi jaminan di sini bahawa yang dipilih ini mereka-mereka yang mampu untuk menguruskan universiti yang mempunyai kecemerlangan dalam bidang masing-masing. Naib Canselor Universiti Utara Malaysia punyai *track* rekod dalam pelbagai bidang dan kita tidak harus mempertikaikan wibawa beliau dalam memimpin Universiti Utara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua saya pergi kepada AUKU yang dibangkitkan oleh Greek, Ipoh Timor dan Permatang Pauh.

*[Yang Berhormat Jerai Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar Yang Berhormat Menteri habis dahulu.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]:** AUKU ini ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bagi Canselor pelantikan. Bagi saya soalan terakhir bukan penjelasan Naib Canselor. Adakah..bolehkah kita bagi satu jaminan bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bukan *lips service* bahawa tentu akan melantik seseorang yang terkemuka, yang menjadi satu aset kepada negara kita bukan sahaja kepada universiti tersebut akan diguna pakai dalam pelantikan Naib Canselor baru untuk Universiti Malaya yang akan berlaku pada 31 Mac. Oleh sebab dahulu ada pelantikan yang sangat jelas mereka tidak ada kewibawaan *intellectual* tokoh akademik mereka ada hubung talian politik sehingga orang yang ada dituduh mengenai 'plagiarisme' dilantik sebagai Naib Canselor. Yang Berhormat Menteri sudah tahu siapa dan tentu dia tidak mahu cabar saya namakan nama dia dan nampaknya kriteria utama ialah bagaimana boleh control pelajar-pelajar, mahasiswa-mahasiswa di universiti-universiti dalam tangan UMNO. Semua ini mustahak. Mustahak bagaimana kita boleh membina universiti-universiti dengan kecemerlangan di dunia. *World class university* bukan yang ada yang sekarang.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, dua ringkas yang pertamanya tuduhan Yang Berhormat Ipoh Timur menyatakan bahawa kita hendak lantik Naib Canselor ini kita pastikan bahawa kampus dalam tangan UMNO. Ini adalah satu tuduhan yang tidak berasas. Keduanya saya hendak beri jaminan bahawa sesiapa jua dilantik sebagai Naib Canselor adalah calon yang terbaik yang mampu untuk memimpin universiti berkenaan. Terima kasih banyak.

AUKU yang dibangkitkan oleh Gerik, Ipoh Timor dan Permatang Pauh. Pertama saya hendak tekan bahawa kita tidak akan mansuhkan AUKU yang akan kita buat ialah untuk menambah baik ataupun *improve* beberapa peruntukan dalam AUKU. Kita ada menerima

pandangan daripada pelajar, daripada pensyarah supaya mereka diberikan sedikit ruang untuk bergerak di kampus. Dalam apa pun kita lakukan kita hendak pastikan bahawa pencapaian pelajar tidak terjejas. Kita hendak pastikan bahawa suasana di kampus akan *condusive* dan kita hendak pastikan pelajar mendapat pendedahan yang positif. Kita juga hendak pastikan imej negara tidak tercemar. Yang penting fokus adalah kepada akademik dan pengajian. Jadi kita tidak akan mansuhkan AUKU yang kita akan lakukan adalah untuk membuat beberapa penambahbaikan dan mendapat beberapa pandangan pelbagai pihak tetapi apa jua yang kita lakukan hendaklah berpaksikan, berasaskan kepada dasar-dasar negara, berasaskan kepada Rukun Negara, keperluan untuk kita meningkatkan prestasi pelajar. Ini antara asas-asas yang kita gunakan bagi menentukan apa peruntukan. Peruntukan apa yang kita akan pinda. Terima kasih.

[ Yang Berhormat Batu Gajah Bangun]

[ Yang Berhormat Ipoh Timor Bangun]

[ Yang Berhormat Jerai Bangun]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Dato' Menteri. Pertamanya saya menyokong pandangan Yang Berhormat Dato' tadi iaitu kita harus juga membendung kelaku para pelajar-pelajar ini supaya mereka yang menuntut di universiti bukan untuk mereka melepaskan perasaan. Dan lagi satu kita tengok Dato' kita tengok macam VC-VC. Saya duduk di Kedah dan saya rasa pilihan Dato' Dr. Nordin Kardi sebagai VC itu tepat. Orang yang berpengalaman. Kita tengok prestasi di UM hari itu begitu baik. Begitu juga di UiTM. UiTM hari ini universiti yang tertua yang lamalah tidak tertua, yang lama, Universiti Malaya lebih lama. Tetapi kita dapat lihat pelajar-pelajar universiti itu keluar banyak pelajar yang tidak makan gaji. Dia pergi kerja, dia berniaga, dia jadi tokoh korporat, akhirnya dia berjaya.

Ini menunjukkan prestasi VC-VC di universiti ini bagus. Kalau kita hendak dengan depa, depa kira hak depa sahaja. Saya tahulah sangat fasal dipertikaikan fasal apa semua Melayu jadi VC, yang ini dipertikaikan dalam Dewan. Sedangkan kita tahu VC-VC ini orang yang *perform* dan *result* dia bagus. Jadi saya menyokong dan kita ambil contoh di UiTM itu dan kita *target* kita 2010 kita akan ada dua ratus ribu pelajar di UiTM dan dari itu dari rangkaian itu Dato' dia boleh tolong IPTS-IPTS yang ada di sini. Menjadi anak kepada UiTM. Jadi pelajar-pelajar ini kita masuk ke dalam IPTS untuk menolong universiti induk itu sendiri. Terima kasih Dato'.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat bagi Jerai. Saya teruskan, terima kasih kerana menyokong. Yang Berhormat bagi Jerai menyokong kerajaan, terima kasih berbilang-banyak.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Mohon penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bolehkah Yang Berhormat menyatakan AUKU.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh berucap.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai AUKU dan bahawa ada satu jawatankuasa yang ada mengkaji mengenai AUKU. Tetapi kenapa sampai sekarang Yang Berhormat Menteri tidak rela untuk menamakan siapa yang menduduki jawatankuasa ini dan siapa yang bertanggungjawab untuk membuat kajian mengenai AUKU. Kenapa ini suatu jawatankuasa dalaman dan bukan suatu jawatankuasa yang dianggotai sendiri orang-orang bebas, berwibawa, *credible* supaya mengkaji syarat-syarat bagaimana universiti-universiti kita boleh menjadi *world class university*.

Adakah Yang Berhormat Menteri mengambil berat sebagai contohnya *open letter* oleh Dr. Azmi Sharom, Associate Professor of the Law Faculty of University Malaya. Di antara lain dia berkata dengan izin, “*If you love your university.....*” dan ini *direct* terus kepada Yang Berhormat Menteri yang baru – “*if you love your univeristy, you must set them free, academics and students must be free to think and to express themselves. Yes, I understand that is Malaysia and freedom is seen as dirty words by some but without it there is little hope of achieving world class universities. Intellectualism cannot grow in the repress atmosphere.*”

Kenapa sampai sekarang kita tidak dengar apa-apa pendirian nampaknya universiti-universiti Malaysia boleh menjadi *world class university*. Terus sahaja *status quo* apa-apa perubahan. Adakah *radical reform* boleh dikenakan?

**Dato' Mustapa Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kita pergi ke luar, dalam dahulu. Sebelum berbincang secara luar, kita kena ada perbincangan dalaman dan itu kita lakukan. Itu sukatan AUKU ini dilihat dalam konteks dalaman dahulu. Apabila kita bersedia mungkin kita akan berbincang dekat luar. Jangan kita luar dahulu baru dalam. Itu tidak boleh dengan izin, *reverse order*. Itu tidak berapa *logical*. Itu pendekatan yang kita ambil. *Relaxlah Ipoh Timor*. Jangan, *don't jump into conclusion*, dengan izin.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Mohon penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Mengenai dakwaan bahawa beberapa orang pelajar dengan izin, *did not free to think*. Ini agak suatu tuduhan yang keterlaluan. Ramai daripada universiti tempatan dan luar negara kebanyakan di sini adalah universiti dalam negara. Jangan hari ini Ipoh Timor kata Ahli Parlimen masuk universiti tidak ada kebebasan berfikir. Itu tuduhan yang melulu.

Yang kita tahu ada beberapa sekatan, tetapi ini penting untuk memastikan negara aman stabil. Dalam pada itu *having said that*, dengan izin kita mengakui ada beberapa perkara yang perlu ada *improvement* dengan izin, oleh itulah kita sekarang sudah pun mula berusaha dalaman untuk mengkaji semua ini bertujuan supaya kita boleh menambah baik lagi. Tetapi dengan izin, *not at the expense of the academic excellence*. Ini yang menjadi perkara yang penting bagi kita.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [Bangun]

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tidak jadi, terima kasih. Boleh saya teruskan. Perebutan kuasa .....



**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya hendakkan penjelasan. Apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri yang telah mengatakan *not at the expense of the academic excellence*, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapa *patent rights* kita ada kalau *compare*, berbanding dengan Singapura, dengan Taiwan dan dengan negara-negara yang lain lagi kerana *patent rights* yang kita ada ini adalah terkurang sekali di kalangan negara-negara Asean.

*Patent rights* ini ialah mengenai *invention* dan dia berkenaan dengan sama ada ada kebebasan untuk berfikir, ada kreativiti. *Creativity has to come from the freedom to think, freedom to speak, freedom to expression*. Saya rasa kalau kita menggunakan berapa *patent rights* yang kita ada, kita dapat lihat bahawa tekanan kepada *student* universiti telah mendatangkan kesan yang tidak baik. Saya rasa ini adalah satu kenyataan yang kita perlu menghadapi dan bukan sahaja katakan tidak ada, tidak ada.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita terima hakikat bahawa kita perlukan tingkatan *patent* yang kita usahakan oleh pensyarah-pensyarah universiti kita. Dalam pada itu saya ingin memaklumkan bahawa pensyarah-pensyarah kita ada juga yang berjaya. Umpamanya di USM yang berjaya menghasilkan satu alat untuk *detect typhoid* umpamanya. Ini sudah pun dikomersialkan. UPM telah *manufactured* satu vaksin bagi penyakit *white spot prawn*. Ini juga sudah dikomersialkan. Pihak KUSTEM di Terengganu telah menghasilkan satu vaksin untuk mengatasi satu penyakit kambing. Ini di antara hasil-hasil penyelidikan yang sudah dikomersialkan.

Saya akui bahawa ada kelemahan dan kita akan cuba, kita *do not paying lip service*, kita serius kita akan tingkatan lagi *patent*, tingkatan lagi R&D yang boleh menjana pendapatan kepada negara kita. Kita akan teruskan usaha ini, kita akan tingkatan usaha ini.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Mohon penjelasan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih. Saya hendak teruskan. Seterusnya Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, bercakap tentang Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pengajian tinggi. Saya maklumkan bahawa pada masa ini kita mempunyai beberapa laporan termasuklah Laporan Tan Sri Wan Zahid yang telah pun dikemukakan kepada kementerian dan kita sedang mengkaji laporan ini dan ia mengandungi 138 perakuan yang begitu baik dan kita rasa pada peringkat ini tidak perlu diadakan satu *Select Committee*, dengan izin kerana kita mempunyai banyak *input* yang sudah pun dikemukakan kepada kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi. Mengenai meritokrasi yang dibangkitkan juga .....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Penjelasan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Saya tidak ada masa. Mengenai Yang Berhormat bagi Ipoh Timor .....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Parlimen ada masa Tuan Yang di-Pertua. Parlimen ada masa. Kalau kita tidak ada masa untuk pengajian tinggi apa guna jadi Menteri?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Kita banyak ..... yang terakhir fasal kita banyak lagi. Banyak kawan-kawan saya hendak jawab. Okay. Saya teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita mesti ada masa untuk mempertingkatkan kualiti pengajian tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan soalan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Teruskan soalan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kalau kita tidak ada masa nampaknya kita tidak ada harapan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa tujuan mengadakan satu Jawatankuasa Pilihan bukan sahaja mengenai mengemukakan cadangan-cadangan tetapi untuk memantau perkembangan, perubahan, reformasi kalau ada dalam sektor pengajian tinggi dan Laporan Zahid. Sudah sembilan bulan Laporan Zahid dikemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi, kenapa ini masih disembunyikan menjadi suatu *Official Secrets Act* dan tidak rela untuk menjadi suatu dokumen terbuka supaya semua *stake holder*.

Oleh kerana masalah Kementerian Pengajian Tinggi bukan sahaja masalah Yang Berhormat Menteri atau VC-VC dan akademia-akademia semua rakyat Malaysia, itu semua masalah rakyat Malaysia termasuk Ahli-ahli Parlimen. Bukankah ini suatu hak semua rakyat Malaysia untuk tahu apa dalam kandungan Laporan Zahid supaya kita boleh mencapai kecemerlangan *world class university*, bolehkah rela untuk diumumkan?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Setuju, cumanya saya baru menerima dua minggu lepas dan kita akan menelitinya dan nanti tiba masanya sudah pasti kerana saya setuju Yang Berhormat, pengajian tinggi suatu isu yang penting untuk kita semua. Kita tidak pertikaikan kenyataan tersebut dan insya-Allah apabila tiba masanya kita sudah pasti akan menghebahkan kepada orang ramai. Kita bersabarlah dahulu Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang membangkitkan tentang kemasukan pelajar melalui kaedah *online*. Yang Berhormat bagi Kinabatangan sudah tidak ada. Saya hendak memaklumkan bahawa memanglah pada peringkat awal ada sedikit masalah kerana pada mula-mulanya ada dua *server* tambah lima jadi tujuh, tambah sembilan sekarang ada 14 *server* dan tidak ada masalah. Tarikh tutupnya mengambil kira pandangan Yang Berhormat, memang sudah kita lanjutkan pada 31 Mac akan datang.

Jika ada kes-kes yang tertentu yang memang Sabah dan Sarawak terpencil kalau benar-benar oleh kerana tidak dapat akses internet ini, kerajaan dan kementerian sanggup menimbangkannya. Kita sudah lanjutkan tarikhnya pada 31 Mac 2006.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Rantau Panjang membangkitkan tentang IPTS bumiputera. Memang benar beberapa IPTS bumiputera mengalami masalah, dua masalah. Yang pertamanya kerana kekurangan pelajar. Yang keduanya ialah kerana tabung yang mereka kata tidak mencukupi khususnya daripada MARA dan lain-lain.

Bidang pengajian tinggi ini IPTS khususnya bukan suatu bidang yang boleh menjana *economic return* yang tinggi. Ia merupakan suatu *social service*, dengan izin kalau mana-mana usahawan yang ingin mengharapkan pulangan yang tinggi memang ini bukanlah bidangnya.

Dalam pada itu kita sudah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan IPTS bumiputera dengan harapan mereka dapat meningkatkan kualiti mereka. Kalau kualiti meningkat sudah pasti mereka dapat menarik lebih ramai lagi pelajar dan juga pembiayaan daripada pihak-pihak tertentu.

Berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Tebrau membangkitkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pensyarah, saya ingin memaklumkan bermula tahun 2005 beberapa mata pelajaran pengajian khususnya dalam Sains, Matematik dan *Engineering* sudah pun diajar dalam bahasa Inggeris. Universiti Malaya umpamanya, *first year* tahun lepas sudah 100% bahasa Inggeris, begitu jugalah USM dan beberapa universiti yang lain. Cuma di UKM pencapaiannya rendah sedih sedikit berbanding dengan tempat lain dan kita amat prihatin kepada perlunya ditingkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pensyarah-pensyarah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyelidikan di universiti, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh membangkitkan tentang penyelidikan. Tadi, saya sebut tiga hasil daripada UPM, USM dan KUSTEM yang sudah pun dikomersialkan. Kita akan tumpukan lebih perhatian.

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh membandingkan Malaysia dengan Singapura dan juga Thailand. Kita prihatin dengan langkah-langkah yang perlu diadakan bagi memastikan bahawa lebih ramai lagi penyelidik terlibat dalam penyelidikan yang relevan untuk negara kita dan kita cukup yakin bahawa dengan peruntukan, dengan sokongan yang kuat oleh kerajaan, khususnya dalam RMK-9 ini, kita akan dapat menghasilkan lebih banyak lagi penyelidik yang berwibawa dan dengan itu meletakkan Malaysia setanding walaupun tidak melebihi penyelidik-penyelidik daripada negara-negara lain.

Yang Berhormat bagi Arau membangkitkan tentang pokok jarak. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Arau. Memang penyelidikan sedang dilakukan di UiTM Arau, mereka sudah pun memulakan *research* ini, ini merupakan satu sumber alternatif tenaga bahan-bahan bakar ataupun *fuel* bagi negara kita.

Pokok ini saya difahamkan di tanam Afrika dan beberapa buah negara lain dan potensinya cukup besar. Kita sudah pun menerima laporan daripada UiTM. Daripada laporan yang kita terima nampaknya potensi adalah baik dan kita berharap Yang Berhormat bagi Arau akan mengikuti menyusuri perkara ini dan oleh kerana Yang Berhormat bagi Arau mempunyai kepakaran dalam bidang ini, saya harap Yang Berhormat bagi Arau akan dapat memandu, memimpin para Pensyarah UiTM Arau ini agar ia akan dapat menjanakan sumber bahan bakar yang baru untuk negara kita.

Yang Berhormat bagi Arau juga membangkitkan tentang Pusat Pengumpulan Data Saintifik dicadangkan supaya ditubuhkan satu pusat. Saya ingin memaklumkan bahawa di

MOSTI, Kementerian Sains Teknologi Inovasi sudah pun ada data berpusat ini dan kita rasa tidak perlulah kita *duplicate* sumber ini, apa yang boleh kita lakukan untuk memantapkan lagi pusat ini agar ia memberi faedah kepada semua pensyarah.

Yang Berhormat bagi Arau juga membangkitkan tentang kemudahan pengajaran untuk OKU di IPT, kita ucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat bagi Arau tentang perkara ini, Insya-Allah kita akan terus mantapkan lagi kemudahan-kemudahan yang ada di universiti berkenaan untuk membantu OKU supaya mereka dapat belajar dalam keadaan yang baik.

Yang Berhormat bagi Ampang membangkitkan tentang pelanjutan umur persaraan profesor kepada 65 tahun, sudah menjawab sekejap tadi. Mengenai Yang Berhormat bagi Ampang membangkitkan tentang visa pelajar yang disalahgunakan. Pada hari ini ada masalah dari segi komunikasi antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan Jabatan Imigresen, ini sudah pun kita cuba atasi.

Sekarang ini kita berhubung dengan lebih rapat, kita akan berkongsi maklumat dengan lebih rapat dengan Jabatan Imigresen, dengan itu segala penyelewengan dan penyalahgunaan termasuklah pelajar-pelajar dari luar negara di negara-negara tertentu yang dikatakan masuk untuk belajar, tetapi tidak belajar, ini akan dapat kita kesan dalam masa terdekat. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan dan kita yakin di masa akan datang masalah ini akan dapat kita selesaikan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Seterusnya Yang Berhormat mengenai keciciran. Saya hendak selesai ini. Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ada membangkitkan tentang keciciran, saya sudah menjawab tadi.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ada mencadangkan supaya ada koordinasi antara IPT dengan sumber manusia untuk mengatasi graduan menganggur. Memang sebelum ini mungkin koordinasi itu kurang mantap, maka kita bertekad untuk memantapkan kerjasama ini supaya isu-isu yang berlaku sebelum ini termasuklah masalah siswazah menganggur akan dapat kita atasi.

Yang Berhormat bagi Rembau mencadangkan supaya pengambilan penuntut Politeknik ditingkatkan. Saya ingin memaklumkan bahawa secara purata akhir-akhir ini peningkatan kira-kira 20% setahun. Yang Berhormat bagi Rembau mahu 10% hingga 20%, tahun lepas kira-kira 14% peningkatan pelajar di politeknik dan lebih banyak politeknik akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan sudah pasti kita akan dapat menambahkan lagi bilangan pelajar di politeknik.

Mengenai pembelajaran sepanjang hayat, perkara ini perkara yang penting. Satu agenda kerajaan yang besar dan kita akan menjadikan Kolej Komuniti sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat agar rakyat Malaysia akan dapat meningkatkan kemahiran,

kecekapan mereka dan pengetahuan dalam pelbagai bidang. Tuan Yang di-Pertua, itulah isu-isu utama yang dibangkitkan, saya mohon maaf oleh kerana keterbatasan masa, tidak dapat saya menjawab secara terperinci. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu ringkasnya.

Sebagai rumusan saya ingin menyatakan bahawa kita memandang serius teguran-teguran oleh Ahli-ahli Parlimen. Ini bukan *lip service* dan kita sudah pun memulakan usaha-usaha untuk memantapkan kualiti pengajian tinggi kerana ia melibatkan kita semua. Kita semua mahu universiti mencapai taraf tertinggi, menjadi *world class* universiti, percayalah kerajaan bertekad, berazam untuk meningkatkan prestasi universiti dalam negara kita dan bersama-sama kita, pembangkang dan kerajaan untuk merealisasikan matlamat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan yang terakhir.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terakhir, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Berhormat sudah menjadi menteri lebih dekat enam minggu. Apa yang baru yang boleh kita semua harap akademia-akademia harap, rakyat harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memperkenalkan perubahan-perubahan supaya kita boleh bertanding dengan universiti yang terbaik di dunia. Sekarang sudah begitu merosot sehingga tidak boleh banding dengan Universiti Chulalongkorn di Thailand. Bolehkah Yang Berhormat Menteri sebut beberapa perkara yang kita semua boleh menjadi inspirasi semua rakyat?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih, Insya-Allah, akan ada beberapa perkara yang baru, akan ada peluang untuk saya bercakap lagi semasa menggulung perbahasan RMK-9 dan saya akan perincikan lagi. Jadi, jawapan-jawapan yang tidak dapat saya berikan hari ini, Insya-Allah, Yang Berhormat Ipoh Timor dan kawan-kawan yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan menggulung dengan terperinci semasa menggulung perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan, dan pada masa itu kita akan memaklumkan beberapa pendekatan baru bagi meningkatkan kualiti pengajian tinggi dalam negara kita. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat Menteri, boleh buka gulung sekarang, Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Buka gulung sekarang?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Sudah selesai, terima kasih banyak-banyak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Buka sekejap.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih banyak-banyak, lepas ini kita jumpa di luar, terima kasih banyak-banyak. Terima kasih kepada semua yang memberikan pandangan dan Insya-Allah, Yang Berhormat bagi Jerai, saya akan jumpa dengan Yang Berhormat sekejap lagi, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang sampai giliran Kementerian Pertahanan untuk memberi jawapan. Saya jemput Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan memberi jawapan.

**3.28 ptg**

**Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sembilan orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah membuat teguran mengenai perbelanjaan besar yang telah digunakan bagi membeli senjata dan keperluan ketenteraan negara ini. Kerajaan tidak menafikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan makmur. Namun demikian, salah satu daripada prinsip yang amat penting ialah untuk menentukan bahawa sebagai sebuah negara, kita perlu memiliki kemampuan pertahanan pada peringkat yang mampu, memastikan bahawa kita mempunyai kemampuan menghadapi apa jua kemungkinan ancaman sama ada dari dalam mahupun dari luar negara.

Oleh itu, kalau diizinkan saya menggunakan kiasan ataupun *enology*, sebagai seorang manusia ataupun seorang individu, apa dia tujuan kita membeli insurans seperti insurans nyawa dan sebagainya. Ia tidak lain dan tidak bukan untuk menentukan bahawa kita akan mendapat perlindungan jika sesuatu yang berlaku di atas diri kita, begitulah juga bagi negara kita. Sebagai sebuah negara yang kaya dengan hasil mahsul dan juga kepentingan strategik sudah tentu kita perlu perbelanjaan pertahanan kepada tahap yang mampu dilakukan oleh kita.

Kalau tidak kita akan mengundang sesuatu yang tidak diingini yang mungkin menimpa negara kita. Kita mempunyai kekayaan minyak umpamanya Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai pelantar minyak yang memerlukan perlindungan, kita mempunyai perairan yang begitu luas seperti Selat Melaka yang perlu ditentukan laluan tersebut selamat digunakan oleh kapal-kapal antarabangsa yang ada kesan juga kepada kepentingan ekonomi negara seperti pelabuhan-pelabuhan kita yang digunakan oleh kapal-kapal asing, kapal-kapal dagang asing di mana kalau kawasan Selat Melaka tidak selamat digunakan maka kapal-kapal asing tidak mungkin menggunakan pelabuhan kita.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kita mempunyai pulau-pulau yang strategik yang indah untuk kepentingan pelancongan negara dan juga kita mempunyai keluasan E-Z sampai 200 nautikal batu yang memerlukan kepada kawalan dan penjagaan keselamatan. Ini semuanya menuntut supaya kita mempunyai

kemampuan ketahanan kepada tahap yang sewajarnya. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua kita membelanjakan peruntukan sewajarnya membolehkan.....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** .....negara kita memberi perlindungan kepada aset-aset kita kepada kepentingan rakyat dan dalam keadaan sedemikian kita harus ingat bahawa keamanan negara kita sebenarnya tidak boleh diukur melalui wang ringgit semata-mata kerana nilai dan manfaat keselamatan dan kedaulatan negara tidak ada nilai sebenarnya yang boleh diletakkan kepadanya.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Itu saya memang setuju keselamatan adalah amat penting tetapi saya rasa selain daripada ancaman dari luar saya rasa kita pun mempunyai masalah dalaman. Baru-baru ini ataupun kebelakangan ini kita dapati bahawa terdapat beberapa kem tentera di mana *army camp* di mana kehilangan senjata telah berlaku dan juga di Marin Lumut dan dilihatnya agak serius kerana senjata yang dikatakan berat pun telah hilang. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapa seriusnya, berapa senjata telah hilang dan berapa dicari balik kembali, dan berapa senjata lagi masih di luar sana belum didapati di *cover* dan berapa orang telah ditangkap setakat ini, dan mengapa tidak ada mereka yang dihadap ke mahkamah? Saya dapati bahawa mereka hanya ditahan sahaja tidak dihadap ke mahkamah, apakah sebabnya? Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam itu masih lagi dalam siasatan pihak polis. Pihak tentera sedang bekerjasama dengan eratnya dengan pihak polis supaya kita dapat mengumpulkan segala bukti bagi menghadapkan mereka yang terlibat ke meja pengadilan iaitu ke mahkamah. Dan saya memberi pengakuan bahawa tindakan tegas akan diambil kepada sesiapa yang terlibat dalam kes ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya telah pun meminta supaya kawalan senjata diperketat lagi. Dan kes yang berlaku di Lumut itu berhubung dengan senjata yang hendak dilupuskan tetapi bahan-bahan ataupun sebahagian daripada senjata itu telah disatukan balik oleh pihak yang berkenaan jadi nampaknya senjata-senjata lama pun mesti kalau kita hendak lupuskan mestilah dilupuskan secepat mungkin dengan kawalan yang lebih teratur lagi.

Tuan Yang di-Pertua bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mas yang mencadangkan supaya pihak kementerian menyediakan pesawat Nuri untuk mengangkut bahan api ke Ba Kelalan dan Bario bagi mengurangkan bebanan ekoran kenaikan harga minyak adalah dimaklumkan bahawa permohonan tersebut perlu dikaji dan dibandingkan dengan kos operasi Nuri yang perlu ditanggung oleh kerajaan. Walau bagaimanapun suka dimaklumkan bahawa pada tahun lepas kementerian pernah menerima permohonan dari Pejabat Residen Miri bagi mengangkut bahan api ke Bario. Permohonan ini telah diluluskan oleh TUDM

atas dasar penugasan berbayar. Perkara ini telah dimajukan kepada Pejabat Residen Miri untuk dipertimbangkan tetapi tiada maklum balas lanjut diterima dari pejabat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat pula telah mempersoalkan berhubung dengan pembelian ACB 300 yang didakwa tidak mengikut terma dan syarat pembaikan serta alat ganti semasa perjanjian dibuat. Bagi menjelaskan perkara ini adalah dimaklumkan bahawa terma dan syarat pembelian alat ganti tidak boleh dimasukkan ke dalam kontrak utama kerana ini adalah bertentangan dengan peraturan perolehan yang sedang berkuat kuasa di mana alat ganti tidak dibenarkan dibeli dengan peralatan melainkan *initial space requirement* sahaja. Di dalam tempoh jaminan *warranty* selama dua tahun pihak pembekal bertanggungjawab untuk menentukan peralatan tersebut berada dalam keadaan baik dan boleh beroperasi. Manakala bagi pembaikan pula ia adalah dilakukan oleh kontraktor dalam tempoh 12 bulan atau 5000 kilometer pertama yang mana terdahulu dari tempoh penerimaan kenderaan. Bagi menjawab soalan berkenaan enjin-enjin yang terlibat di dalam pembelian peralatan tersebut adalah dimaklumkan bahawa di bawah Program *Off-Set* bagi semua perolehan aset *capital* Kementerian Pertahanan telah melantik syarikat industri tempatan sebagai *main beneficiary* iaitu DRB Hicom Deftech Technologies Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh berhubung umur persaraan anggota lain-lain pangkat. Suka dijelaskan bahawa Akta Angkatan Tentera 1972 memperuntukkan askar untuk berkhidmat bagi tempoh 12, 15, 18 atau 21 tahun atas pilihan sendiri. Di samping itu juga ATM sentiasa terus berusaha menggalakkan mereka yang berkemahiran tertentu memohon melanjutkan perkhidmatan melebihi 21 tahun sehingga ke umur pesara wajib iaitu 56 tahun. Pada masa ini ATM tidak berhasrat membuat pindaan peraturan tempoh perkhidmatan dan perlanjutan perkhidmatan semasa, kerana syarat-syarat penugasan semasa masih relevan serta tidak perlu dirombak. Tuan Yang di-Pertua Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor telah menyentuh mengenai projek-projek terbengkalai yang dikendalikan oleh Syarikat Kausar Operation Sdn. Bhd. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kementerian masih mengambil langkah-langkah tertentu di dalam memantau perkembangan projek-projek berkenaan dan mengadakan perbincangan dengan syarikat terutamanya bagi membolehkan projek-projek tersebut dilaksanakan dengan jayanya. Tindakan bagi menyenarai hitamkan mana-mana syarikat adalah merupakan langkah terakhir yang akan diambil oleh kementerian sekiranya langkah-langkah awal tidak berjaya. Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sebut mengenai Kausar. Adakah beliau sedar bahawa masalah di sini ialah Kausar dengan sendirinya atau melalui syarikat-syarikat yang lain atau anak-anak syarikat yang lain adalah kontrak-kontrak yang tidak dihabiskan. Sebenarnya separuh atau kurang daripada separuh dalam melaksanakan kontrak-kontrak tersebut dan di mana pun ada mempunyai sub kontrak-sub



kontrak tetapi oleh kerana boleh menggunakan perubahan syarikat-syarikat dengan pembinaan syarikat-syarikat yang baru boleh dapat kontrak-kontrak kerajaan sama ada dalam bidang pertahanan atau bidang-bidang yang lain, kesihatan dan lain-lain.

Bukankah ini satu contoh yang sangat tidak sihat di mana tanggungjawab kontraktor A atau yang bertanggungjawab dibenarkan untuk begitu tidak bertanggungjawab. Kenapa tidak ada satu mekanisme supaya untuk mencegah salah guna kedudukan syarikat ini khasnya oleh kerana antara pengarah-pengarah ialah orang-orang terkemuka dalam UMNO, dalam Wilayah Persekutuan.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, masalah berhubung dengan syarikat Kausar ini berbangkit kemudian, pada peringkat mulanya kerajaan dapati bahawa ia telah dapat menjalankan beberapa projek mengikut jadual. Walau bagaimanapun atas kelemahan yang berlaku ini kita tidak bercadang untuk menimbangkan apa-apa projek bagi syarikat Kausar pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Kementerian merakamkan ucapan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan sikap prihatin terhadap Program Latihan Khidmat Negara. Ahli Yang Berhormat Setiu telah mencadangkan supaya pelatih-pelatih PLKN diserapkan ke badan-badan beruniform. Bagi tujuan tersebut adalah dimaklumkan bahawa Kementerian berasa yakin dengan ilmu, kemahiran dan pengalaman yang ditimba sepanjang menjalani program tersebut dapat membentuk perwatakan dan disiplin tinggi serta boleh mendorong mereka menawarkan diri untuk berkhidmat di dalam badan-badan beruniform.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Batu Kawan, adalah dimaklumkan bahawa buat pada masa ini kerajaan tidak ada program lanjutan bagi pelatih lepasan PLKN. Walau bagaimanapun kerajaan sedang merancang untuk menubuhkan satu rangkaian di kalangan bekas-bekas pelatih PLKN supaya dapat diwujudkan macam satu alumni di kalangan bekas-bekas pelatih PLKN.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat Pensiangan mengenai berlakunya kes pengedaran dadah di kem PLKN, adalah dijelaskan bahawa kita tidak ada maklumat berkenaan dengan perkara ini. Walau bagaimanapun kawalan ketat sentiasa dikenakan terhadap kawalan kem-kem PLKN.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Pulaui meminta supaya kerajaan mempertingkatkan dan memperbaiki kualiti pegawai dan anggota ATM dengan menarik lebih ramai golongan profesional dan berpendidikan tinggi. Adalah dimaklumkan bahawa kerajaan sentiasa memberi perhatian dan berusaha untuk mengambil tindakan bersesuaian bagi menarik lebih ramai warga muda berkhidmat dalam ATM terutamanya golongan profesional dan berpendidikan tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Yang Amat Berhormat, kita lihat tak usah jauhlah, negara jiran kita Singapura di mana mereka mengambil tentera-tentera yang terdiri daripada mereka yang *very high qualification*, yang berakademik tinggi. Dan mereka ini didedahkan dengan ilmu-ilmu yang baru, teknologi baru, IT dan sebagainya. Jadi tidakkah di pihak kita pula melihat bahawa kita bukan mengikuti tetapi mengambil kira perkara yang baik.

Jadi saya mencadangkan bertanya kepada Yang Amat Berhormat, apakah Kementerian ini berhasrat untuk mengambil tentera-tentera di masa akan datang terdiri daripada mereka yang mempunyai akademik yang tinggi supaya dapat diserapkan dalam ketenteraan dan mereka boleh diolah menjadi seorang tentera yang elit, profesional dan boleh mempertahankan negara seperti Singapura, dia mempunyai *deterrent* sebab dia rasa dia berkeyakinan. Di mana-mana pun negara besar kalau cuba menyerang dia, akan berfikir 10 kali. Jadi sebab itulah, antara hubungan kita dengan jiran ini ada masanya tegang, ada masanya kendur tetapi yang kita lihat bahawa kita selalu kena diremeh-temehkan. Jadi tidakkah kita berhasrat untuk memperkukuhkan tentera kita di masa akan datang supaya kita tidak diperlekehkan atau diperendah-rendahkan oleh mana-mana negara jiran kita. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh bandingkan dengan negara Singapura kerana Singapura mengamalkan dasar *national service* di mana setiap warganegara dikehendaki untuk berkhidmat dalam angkatan tentera untuk tempoh selama dua tahun. Kita masih berpegang pada dasar bahawa mereka memohon secara sukarela untuk berkhidmat dalam angkatan tentera kita, ini merupakan dasar kita.

Sebagai usaha untuk menarik lebih ramai lagi mereka yang berkelulusan tinggi untuk berkhidmat dalam ATM, beberapa langkah yang kita sedang ambil ialah seperti kenaikan taraf ATMA (Akademi Tentera Malaysia) untuk menjadikan sebagai sebuah universiti yang khusus dalam bidang pertahanan yakni sebuah *National Defense University*. Perkara ini sedang dipertimbangkan oleh kerajaan dan saya percaya bahawa dengan langkah ini, mereka yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dapat diserapkan dalam ATM.

Di samping itu, kita juga mengkaji beberapa perkara lain seperti skim perkhidmatan, elaun insentif dan sebagainya telah pun diumumkan oleh kerajaan dari masa ke semasa, luaskan peluang kenaikan pangkat seperti mewujudkan jawatan fleksi *post* yang lebih banyak dalam angkatan tentera. Dan di samping itu juga kita memberi peluang kepada mereka untuk mendapat kerjaya yang lebih memberi kepuasan kepada mereka semasa mereka berkhidmat di dalam angkatan tentera. Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa program termasuk memberi peluang untuk mereka untuk memiliki kelulusan yang lebih tinggi waktu mereka berkhidmat dalam ATM dengan pembiayaan yang dilakukan oleh Angkatan Tentera Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kita tahu di Singapura dia ada *national*

*service* tapi di Malaysia tidak ada tetapi di Malaysia kita ada Maktab Tentera Diraja Sungai Besi. Saya rasa ini merupakan benih-benih yang pihak angkatan tentera boleh latih untuk menjadi tentera di masa akan datang. Jadi soalan saya, berapa peratus daripada mereka yang telah menjadi lulusan Maktab Tentera Diraja ini yang berminat untuk memasuki angkatan tentera? Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita masih mengamalkan dasar sukarela jadi walaupun kita mewujudkan Maktab Tentera Diraja, tetapi kita tidak memaksa mereka untuk memasuki ATM. Oleh itu peratusannya tidaklah begitu tinggi namun kerajaan menganggap ini sebagai satu institusi yang penting kerana kita dapat menjana mereka yang mempunyai tahap disiplin yang tinggi dan perwatakan yang lebih unggul untuk berkhidmat bagi kepentingan negara, tidak semestinya dalam Angkatan Tentera Malaysia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya kita lihat bahawa bilangan mereka yang mohon untuk berkhidmat dalam ATM kian bertambah. Umpamanya bagi tahun 1998, jumlah permohonan yang diterima untuk menjadi anggota pegawai tentera ialah sebanyak 2,135 tapi bagi tahun 2004, jumlah ini telah meningkat kepada 11,500. Ini bererti bahawa dari segi jumlah, bukan sahaja jumlah tapi dari segi kualiti, mereka yang memohon sudah pun bertambah lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah penjelasan yang dapat saya berikan di atas beberapa isu, cadangan dan teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya mengucapkan ribuan terima kasih pada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat terhadap Kementerian Pertahanan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**3.50 ptg.**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian semasa membahaskan Titah Diraja menyentuh bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini.

*Isu pencemaran air sungai.* Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, Yang Berhormat bagi Sungai Petani dan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh supaya pihak berkuasa tempatan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan di kawasan berhampiran sungai. Ingin dimaklumkan bahawa pihak berkuasa tempatan hanya mempunyai kuasa dan bertanggungjawab untuk melulus dan mengawal aktiviti pembangunan yang terletak di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan sahaja.

Sebelum sesuatu projek diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan, ianya akan dirujuk terlebih dahulu kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar agar pelaksanaan projek-projek berkenaan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan bagi mengawal pencemaran sungai dan alam sekitar. Aktiviti pembangunan di tebing sungai sentiasa dipantau oleh PBT dan Jabatan Alam Sekitar mengikut bidang kuasa masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Mambong, pada masa ini memang terdapat beberapa tapak pelupusan sampah yang terletak berhampiran Sungai Selangor. Kebanyakannya telah lama beroperasi dan mungkin akan dicadangkan untuk ditutup apabila kerajaan mempunyai penyelesaian pada sampah yang dihantar ke tapak-tapak tersebut.

Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor telah membangkitkan bahawa tapak pelupusan sampah Bukit Tagar telah menyebabkan air Sungai Selangor dicemari ammonia. Pihak kementerian masih menunggu laporan rasmi dari Jabatan Alam Sekitar berhubung dengan perkara tersebut. Untuk makluman, tapak pelupusan Bukit Tagar direka bentuk dengan mengambil kira kesan terhadap alam sekitar. Pihak operator pelupusan Bukit Tagar telah menjalankan operasi mengikut amalan operasi yang diamalkan di luar negara. Apa yang telah berlaku di tapak pelupusan tersebut baru-baru ini adalah insiden di luar jangka di mana terdapat kebocoran air, *leachate*.

Walau bagaimanapun, perkara tersebut telah diatasi serta-merta. Buat masa ini tapak pelupusan Bukit Tagar menerima sisa pepejal dari kawasan Kuala Lumpur dengan kadar purata 1,500 tan sehari. Kadar  *tipping fees*  ialah RM26.80 setan. Buat masa ini sisa pepejal dari Selangor tidak dihantar ke tapak pelupusan Bukit Tagar disebabkan masalah logistik.

Oleh yang demikian, beberapa stesen pemindahan telah dicadangkan untuk dibina di sekitar Lembah Klang bagi mengatasi masalah tersebut. Pihak kementerian bersetuju dengan cadangan supaya pusat pelupusan sampah haram dan terdedah yang terletak berhampiran dengan Sungai Selangor ditutup serta-merta oleh kerana ia boleh memberi kesan yang serius kepada alam sekitar dan kesihatan penduduk setempat dan sekitar.

Isu sumber alam semula jadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, kerajaan sedar bahawa kawasan sumber alam semula jadi di negara kita mengalami tekanan akibat pembangunan pertanian, pemandaran, infrastruktur dan aktiviti pembalakan. Oleh yang demikian, kawasan sumber alam semula jadi seperti kawasan hutan dan kawasan sumber air telah diintegrasikan dalam strategi pembangunan Rancangan Fizikal Negara bagi mengawal dan dilindungi dari kemusnahan atau kepupusan.

Terdapat 5 dasar Rancangan Fizikal Negara yang memberi penekanan kepada pemeliharaan kawasan sumber alam semula jadi iaitu RFN18. Kawasan sensitif alam sekitar perlu diintegrasikan dalam perancangan dan pengurusan guna tanah serta sumber semula jadi bagi memastikan pembangunan mapan. RFN19, *central forest mine* (CFS) akan diwujudkan bagi membentuk tulang belakang rangkaian kawasan sensitif alam sekitar. RFN20 - eko sistem

persisiran pantai yang sensitif perlu dilindungi dan digunakan secara mapan. RFN21 - pembangunan di tanah tinggi perlu dikawal dengan tegas bagi melindungi keselamatan manusia dan kualiti persekitaran. RFN22 - kesemua sumber air permukaan dan air tanah adalah aset strategik yang perlu dilindungi dan digunakan secara optimum.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Dari segi pelaksanaannya semua projek pembangunan yang melibatkan kawasan yang luas atau terletak di kawasan sensitif alam sekitar diwajibkan untuk menyediakan kajian kesan alam sekitar sebelum suatu projek dapat diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Okay. *'Kamsiah'*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri terang RNF. 5 jenis RFN. Tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, dari segi penguatkuasaan RFN-RFN ini. Pasal kita tengok macam-macam kementerian Yang Berhormat Menteri buat peraturan, undang-undang dan sebagainya. Tetapi undang-undang dan peraturan ini saya kira tidak diendahkan oleh pihak yang meluluskan sesuatu projek. Sebab itulah akhirnya pembeli rumah yang kita tengok alam kita sekarang ini kelam-kabut.

Jadi, apakah pihak PBT yang dipertanggungjawabkan untuk pembangunan perumahan dan pembangunan kerajaan tempatan ini benar-benar mengikut aturan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Selain daripada TV yang tiap-tiap malam *highlight* kegagalan itu kegagalan ini. *Highlight* tentang masalah perparitan, masalah sungai, masalah itu ini, sampai bila, Yang Berhormat Menteri, kita boleh memastikan bahawa perkara-perkara ini dapat kita selesaikan.

Walaupun kita hendak negara membangun, tetapi adakah pembangunan itu juga akan menyusahkan rakyat. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat Menteri supaya RFN yang Yang Berhormat kata tadi ini benar-benar diambil kira oleh pegawai-pegawai yang meluluskan pembangunan di setiap negeri dan di setiap daerah. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, bukan RNF. RFN iaitu Rancangan Fizikal Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, yang saya sebut tadi ialah....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Minta maaf, Yang Berhormat. Saya kurang dengar.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tidak apa! Tetapi Yang Berhormat faham apa yang saya cakap tadilah. Memang saya sedar itu. Yang saya sebut tadi ialah strategi pembangunan rancangan fizikal negara. Ini satu perkara yang baru, dalam satu dua tahun ini.

Oleh kerana sebelum masa ini, Yang Berhormat memang betul, banyak sangat projek yang diluluskan tanpa koordinasi. Pihak berkuasa tempatan yang meluluskan projek dia tidak ambil kira apa yang sebenarnya berlaku di jiran ataupun pihak berkuasa negeri berkenaan dia

meluluskan projek, semua tumpu di satu tempat bersebelahan ataupun sempadan negeri kejiranan itu dia tidak ada koordinasi. Lagipun kadangkala tidak ada *expertise* ataupun kepakaran dari segi memantau dan suka merancang dari segi perancangan dan juga mengambil kira banyak faktor macam geologi alam sekitar dan lain-lain.

Jadi, hasil daripada itu Kerajaan Persekutuan telah pun mengatur strategi ini dan hasil daripada itu majlis pembangunan fizikal negara telah ditubuhkan dan telah pun dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Semua menteri yang berkaitan dengan menjaga alam sekitar dan pembangunan telah menjadi ahli dan semua Menteri Besar telah dijadikan anggota.

Dengan adanya strategi ini, maka mulalah semua kerajaan negeri bila hendak luluskan sesuatu dikiraan *environment sensitive* ataupun sesuatu, katakan *the hills loop* ataupun di tadahan air dan sebagainya, mereka kena terlebih dahulu rujuk kepada sekretariat majlis fizikal negara ini seperti mana terdapat kepakaran dan sebagainya. Begitu juga pihak-pihak berkuasa tempatan, kalau ia melibatkan sebarang projek yang sebegini, mereka kena terlebih dahulu rujuk kepada pihak perancang negeri di mana pihak perancangan negeri mempunyai lebih kepakaran akan beri nasihat.

Kalau sekiranya mereka perlu nasihat dan bantuan daripada Kerajaan Pusat, mereka rujuk lagi ke atas. Kerana dengan adanya satu strategi ini, barulah dalam setahun dua ini, banyak projek itu telah dikawal dengan lebih rapi. Tak lagi kelulusan, katakan *reserve* hutan, ataupun *water catchment*, *environmental sensitive* ini semuanya dah kurang ataupun sekurang-kurangnya tidak dikesan oleh kami pada masa ini.

Jadi yang masalah kita nampak menonton dalam TV, semua itu merupakan masalah yang lama. Yang dulu dah wujud, mungkin 10 tahun dahulu dah diluluskan. Kesan itu memang dah nampak yang strategi ini akan mengelakkan mencegah supaya tidak ada lagi masalah sebegini akan berlaku pada masa akan datang. Jadi kita kena bagi masa sedikit untuk RFN ini supaya dia punya kesan kita boleh rasa. Ini '*prevention is better than cure*', dengan izin, sebenarnya banyak perkara yang dilakukan oleh kerajaan.

**Timbalan Yang Di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Merupakan strategi baru yang dia mengambil masa untuk dia nampak dia punya hasil dan kesan.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi laluan kepada saya. Sebenarnya RFN memang baik, memang cantik. Ada wujudnya penyelarasan di peringkat nasional. Sebenarnya penyelarasan di peringkat kawasan atau di peringkat akar umbi pun sudah berlaku. Tapi tidak berkesan.

Saya ambil contoh, kita ada Jawatankuasa Pelan Bangunan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan yang membincangkan soal pelan bangunan, kerja-kerja tanah seperti yang saya

bangkitkan dalam perbahasan semalam, di mana pihak pemaju memandang ringan, tidak menyempurnakan tugas dan tanggungjawab dari segi teknikal seperti yang diperakukan oleh jabatan teknikal yang lain khususnya dalam konteks kolam takungan dan juga sisa perparitan. Jabatan Pengairan dan Saliran sudah membuat perakuan yang sepatutnya dilaksanakan oleh pemaju. Tapi persoalannya, pemaju ingkar dan yang kedua penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu sendiri tidak mengambil tindakan yang berkesan kepada pemaju yang melanggar ketetapan yang telah diputuskan.

Jadi persoalannya, apakah tindakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, yang secara dasar terkandung dalam Akta Kerajaan Tempatan dan juga Akta Pemaju Perumahan. Menyerahkan pula kepada kerajaan negeri. Ini soal *delivery system* atau sistem penyampaian yang akhirnya Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab untuk *enforce*. Persoalannya, keberkesanan isu penguatkuasaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Kuala Selangor yang banyak prihatin tentang dasar-dasar dan hal-hal kerajaan tempatan.

Yang sebenarnya, kerajaan tempatan sendiri mempunyai kuasa autonomi untuk melaksanakan segala tugas dengan baik. Dan dari segi syarat ataupun kehendak jabatan-jabatan teknikal yang kalau sekiranya sudah dimasukkan dalam syarat untuk pembangunan, pemaju dia kena terlebih dahulu mematuhi dan memenuhi syarat-syarat itu. Kalau tidak, mereka tidak akan dapat Sijil Kelayakan Menduduki (CFO).

Jadi ini Yang Berhormat memang betul, dia balik pada soal penguatkuasaan. Kalau PBT dia tidak berkesan dari segi penguatkuasaan, maka itu adalah tanggung jawabnya tidak dipikul dengan baik. Lagipun bukan kementerian serah kuasa kepada mereka. Itu memang kuasa di bawah Perlembagaan telah dijelaskan bahawa hal-hal kerajaan tempatan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Dan pihak PBT sendiri, dia berautonomi.

Itu sebabnya, banyak kelemahan yang telah berlaku ini. Kerajaan Pusat telah menggariskan sebanyak 64 langkah-langkah untuk mereka menambah baik. Dengan kita melibatkan INTAN, melibatkan banyak lagi agensi. Ini merupakan salah satu aspek yang penting, di mana sepertimana yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berulang kali sebut sistem penyampaian awam. Sistem penyampaian awam itu mesti berkesan, mesti telus, mesti cekap dan sebagainya. Dan ini adalah satu cabaran. Juga akan disentuh dalam rancangan yang akan datang. Jadi dengan mengambil kira semua itu, apabila kementerian terima maklum balas sebegitu biasanya kami akan minta laporan daripada pihak kerajaan negeri. Dan pihak kerajaan negeri kena siasat bagi tahu apa sebenarnya berlaku.

Kalau mereka mengabaikan ataupun menjalankan tugas tidak mengikut peraturan, maka kerajaan negeri sepatutnya ambil tindakan. Inilah satu perkara yang masih diusaha dengan gigih dan Kerajaan Pusat hendak tengok satu sistem penyampaian awam yang cukup baik dan

berkesan. Dan saya berterima kasih atas *feedback* itu. Memang kita tahu ada pelbagai kelemahan yang perlu diatasi selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu banjir kilat. Pihak kementerian, saya percaya isu banjir kilat yang berlaku termasuk di Shah Alam baru-baru ini telah diambil tindakan sewajarnya oleh pihak kerajaan negeri, PBT dan agensi-agensi yang berkaitan termasuklah JPS dan sebagainya. Itu adalah kerana telah masuk dalam bidang kuasa mereka, dan kami telah dimaklumkan mereka telah ambil tindakan yang sesuai untuk mengelakkan ia daripada berlaku.

Dan isu banjir di kawasan perumahan juga disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, di mana kelulusan sesuatu permohonan yang baru saya jawab sebenarnya mendapat kebenaran merancang adalah tertakluk kepada syarat-syarat jabatan-jabatan teknikal. Bagi mengawal keselamatan penduduk dan kesan kepada alam sekitar, tanggungjawab bagi memastikan syarat-syarat sesuatu pembangunan bukanlah sahaja terletak kepada PBT, tetapi juga kepada semua pihak yang lain termasuk pemaju, arkitek, jurutera, profesional sebagai orang yang mengemukakan permohonan sesuatu kebenaran merancang. Jika semua pihak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh jabatan-jabatan teknikal, isu-isu seperti banjir kilat mungkin akan dapat dielakkan.

Walau bagaimanapun, satu sistem pemantauan yang menyeluruh perlu diadakan dengan lebih berkesan dan seperti mana saya sebut memang telah masuk dalam langkah-langkah penambahbaikan perkhidmatan BBT. Adalah menjadi tanggung jawab agensi-agensi berkaitan seperti BBT untuk mengambil tindakan ke atas pemaju-pemaju yang didapati melanggar sebarang syarat yang ditetapkan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Kuala Pilah agar agensi kerajaan bekerjasama mengadakan kempen menanam kesedaran alam sekitar, sukacita dimaklumkan bahawa..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, sikit sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Nanti, nanti, nanti, saya lengkapkan ayat ini dahulu. Sukacita dimaklumkan bahawa KPKT sedang melaksanakan kempen kitar semula kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan belia, dan murid-murid sekolah dengan harapan kitar semula akan menjadi amalan hidup masyarakat, dan seterusnya mengurangkan pencemaran alam sekitar disebabkan pembuangan sampah yang tidak diatur. Kempen kitar semula ini turut dilaksanakan oleh BBT di peringkat tempatan dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan berkenaan dengan *developer* ataupun pemaju perumahan. Kita dapat lihat Yang Berhormat, akhir-akhir ini banyak pemaju perumahan, walaupun dicuba sedaya upaya oleh pihak kementerian Yang Berhormat untuk memastikan pemaju-pemaju perumahan ini menyiapkan projek mereka.



Pertama saya hendak tahu cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, iaitu rumah siap baru dijual ini, boleh ke tidak boleh kita praktikkan? Yang keduanya, adalah tidak adil seorang pemaju perumahan mengutip duit rakyat, kemudian tidak siap rumah dia ambil duit bank, terbengkalai projek dan akhirnya pembeli itu menanggung kerugian yang amat sangat dan seperti Yang Berhormat bagi tahu ada yang bankrap. Disebabkan masalah itu mereka termasuk di dalam senarai C-TOS da C-CRIS dan mereka tidak boleh dah mengambil pinjaman-pinjaman lain. Itu satu.

Yang kedua, Yang Berhormat, boleh tidak kita pinda undang-undang ini, selain daripada denda, pemaju perumahan yang menipu rakyat harus dipenjarakan mandatori. Fasal apa, mereka menipu. Kalau saya tipu Yang Berhormat bagi Arau, saya akan dibicarakan dan kalau saya bersalah, saya akan dipenjarakan. Tetapi pemaju perumahan juga mengamalkan sikap menipu pembeli dan mereka terlepas dengan hanya membayar denda yang telah ditetapkan oleh pihak tertentu ataupun mereka hanya *diblacklist*, nama di senarai hitamkan selepas itu mereka menggunakan nama orang lain, gunakan syarikat lain, mereka masih dapat menjalankan tugas mereka dan berselindung di sebalik projek-projek yang gagal ini.

Jadi apakah Yang Berhormat, memang agak drastik tetapi inilah cara kita hendak mengajar orang yang menipu rakyat, apatah lagi rakyat yang berpendapatan rendah. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itu masuk dalam satu topik yang saya akan sentuh nanti. Okey, saya cuba hendak bagi sedikit penjelasan sekarang.

Mengenai konsep bina dulu baru jual, saya telah beritahu Dewan ini bahawa jemaah menteri akan buat keputusan dan sebenarnya kertas itu sudah siap dan akan masuk ke dalam mesyuarat jemaah menteri tidak lama lagi. Ia ada banyak implikasi semua sama ada sistem sekarang, sistem baru, semuanya ada implikasi. Ia perlu ditimbang baik-baik oleh jemaah menteri, barulah buat satu keputusan yang praktikal supaya yang penting pembeli rumah tetap mesti dijamin dilindungi kepentingannya. Pada masa yang sama industri perumahan itu juga tidak terjejas iaitu pembekalan rumah yang mampu dimiliki yang secukupnya stok perlu dibekalkan secara berterusan. Jadi itu adalah perkara yang akan ditimbang oleh jemaah menteri tidak lama lagi bila kertas itu dimasukkan untuk perbincangan.

Mengenai dipenjarakan dan didenda, sebenarnya Akta Pemaju Perumahan selepas dipinda pada 2002 berkuat kuasa pada Disember, hukuman semuanya telah pun ditingkatkan termasuk penjara. Sebenarnya sejak dua tahun yang lalu, sejak akta ini dipinda, *the revamp*, dengan izin, telah terdapat kes-kes yang berat didakwa tetapi maklum sahajalah bila pergi ke mahkamah, ia mengambil masa dan kalau tidak silap, baru dua minggu yang lalu terdapat satu kes dibicarakan dan orang ramai terkejut nampak pemaju digari dan dibawa masuk ke penjara.

Orang tanya saya mengapa pemaju digari. Saya kata undang-undang sekarang memang sudah ketat cuma belum sampai ada hukuman yang nampak sangat. Jadi banyak lagi

kes sedang didakwa, tunggu tarikh perbicaraan dan tunggu untuk jatuh hukuman. Kalau mahkamah menjatuhkan hukuman lebih berat, dia boleh dipenjarakan. Secara keseluruhan memang ada perubahan yang besar. Itu pun kementerian saya masih belum puas hati. Kami juga sedar banyak lagi aduan yang kebanyakan aduan itu berdasarkan kes-kes yang lama tetapi kesan itu masih ada sekarang.

Itu sebabnya kita masih ambil berat supaya tidak mahu tengok kes baru akan timbul. Buat masa ini nampaknya selepas lesen yang dikeluarkan selepas Disember 2002 sampai sekarang, ia masih belum ada masalah yang serius. Jika ada pun, sebahagian yang merupakan *spill over* sejak dahulu masih ditangani oleh kementerian saya. Jadi, itulah satu penjelasan buat masa kini.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Mohon penjelasan.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua orang, Yang Berhormat bagi Puchong dan Batu Gajah.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Sebenarnya saya hendak masuk tajuk nanti. Ini sudah sampai...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Okey, nanti, nanti..

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Okey, bagi saya sampai situ. Nanti tidak habis cerita ini, bangkit-bangkit lagi. Okey, isu peruntukan bagi pengurusan sisa pepejal, pihak kementerian bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah agar kerajaan menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk projek-projek pengurusan sisa pepejal bagi mengawal pencemaran alam sekitar. Kerajaan sedar bahawa pengurusan sisa pepejal merupakan isu yang kritikal dan perlu ditangani dengan cara yang lebih profesional dan sistematik.

Selaras dengan itu kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM738 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi melaksanakan pelbagai projek berkaitan pengurusan sisa pepejal. Peruntukan yang disediakan adalah bertujuan untuk membantu pihak berkuasa negeri dan PBT bagi melaksanakan projek-projek naik taraf tapak pelupusan sampah sedia, membina tapak pelupusan sampah yang baru, pembinaan fasiliti-fasiliti termasuk stesen pemindahan dan loji rawatan terma. Di samping itu peruntukan diguna untuk pembelian jentera kenderaan, tong-tong sampah dan pelaksanaan program kitar semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sandakan, kerajaan telah menyediakan Pelan Strategi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan sebagai rujukan dalam melaksanakan program dan projek pengurusan sisa pepejal secara bersepadu di seluruh negara. Dari segi teknologi yang akan digunakan untuk pelupusan sisa pepejal seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, ianya tertakluk kepada hierarki sisa pepejal, aspek ekonomi, kesesuaian teknologi, lokasi kemudahan tersebut serta kesan kepada alam sekitar.

Dalam hal ini, kerajaan adalah terbuka kepada pelbagai jenis teknologi bagi pengurusan sisa pepejal. Walau bagaimanapun kajian terperinci perlu dibuat terlebih dahulu bagi memastikan penggunaan teknologi baru adalah berkesan dan bersesuaian di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sandakan juga, Majlis Perbandaran Sandakan telah mengambil maklum dan menerima semua syor yang dikemukakan oleh Ketua Audit Negara berkaitan penswastaaan pungutan sampah di Majlis Perbandaran Sandakan. Rumusan laporan audit juga mendapati tahap perkhidmatan kutipan sampah di Majlis Perbandaran Sandakan telah meningkat. Walau bagaimanapun, satu jawatankuasa perunding bersama yang dianggotai oleh wakil Majlis Perbandaran Sandakan dan pihak syarikat telah ditubuhkan seperti yang disyaratkan dalam perjanjian konsesi penswastaaan bagi memantau pelaksanaan perkhidmatan dan mengatasi kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti.

Mengenai sistem pelantikan ahli-ahli majlis PBT yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat...

**Dr. Tan Seng Giaw: [Kepong]:** *[Bangun]*

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Puchong.

**Dr. Tan Seng Giaw: [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya bergembiralah pihak kementerian sudah bersedia untuk menghadapi masalah sisa pepejal ini dengan lebih serius. Bolehkah Yang Berhormat terangkan daripada 168 tapak pelupusan sampah di seluruh negara, bilangan yang benar-benar mematuhi kepada *sanitary landfill*, terutamanya yang mengikut garis panduan yang telah pun ditetapkan oleh Japan International Corporation Agency (JAICA) sudah membantu kita membuat beberapa garis panduan. Di dalam beberapa tapak pelupusan ini, bilangan yang mengikut garis panduan ini? Ini memang penting, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin kerana terlalu banyak, Yang Berhormat tidak dapat memantau semua termasuklah Bukit Tagar yang ada ammonia ke dalam Sungai Selangor. Ini memang menunjukkan walaupun Yang Berhormat sudah berikhtiar tetapi masih ada kelemahan-kelemahan seumpama ini.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan? Saya hendak menyaksikan 168 tapak pelupusan ini benar-benar mengamalkan *sanitary landfill* kerana pengalaman saya di Kepong itu tidak ada, memang tidak ada.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya terdapat kira-kira 170 tapak pelupusan. Itu pun kebanyakannya bukan *landfill*. Kebanyakannya adalah *dump site* iaitu tapak pelupusan sahaja, ia bukan merupakan *sanitary*. Daripada 170 tapak ini kira-kira hanya 10 peratus sahaja yang merupakan *landfill*, yang lain adalah di bawah jagaan PBT di tempat-tempat yang telah pun wujud begitu lama. Dalam masa yang sama, sebilangan besarnya kalau tidak silap saya lebih daripada 60 tapak telah ditutup.

Menurut JAICA yang mempunyai kepakaran, jika sesebuah *landfill* hendak ditutup ia tidak boleh ditutup begitu sahaja, ia mesti ada rawatan *post-closure safety*. Sebagai contohnya, jika Taman Beringin itu kita biarkan macam itu ia membahayakan kerana gasnya mungkin keluar lagi dan masih boleh mencemarkan.

Oleh sebab itulah kerajaan perlu membelanjakan wang yang banyak untuk membuat *post-closure treatment* hingga ke satu masa yang dikira selamat dan dalam tempoh 10 hingga 20 tahun tempat itu tidak boleh digunakan untuk pembangunan, ia hanya boleh digunakan untuk *restricted activity* sahaja.

Itulah sebabnya saya katakan bahawa perlu ada satu *strategic plan* dan kita akan mengambil kira semua ini. Buat masa ini, pengurusan sisa pepejal masih belum ada dalam bidang kuasa saya. Ia adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing sehinggalah Parlimen ini memberi kuasa. Kita memang cuba hendak mengadakan satu strategi menyeluruh yang *well coordinated integrated*, dengan izin. Banyak *planning* telah dibuat dalam tempoh dua tiga tahun ini. Sebab itulah JAICA telah ditawarkan untuk membantu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sekali lagi. Saya memang hendak menyokong Yang Berhormat kerana kita mesti ada rang undang-undang. Dengan secepat mungkin kita mesti sokong rang undang-undang ini untuk memberi rawatan yang secukupnya selepas penutupan tapak. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun konsep Yang Berhormat tadi memang baik, tetapi di Jinjang ada satu tapak lagi yang telah ditutup 10 tahun lepas tidak ada rawatan susulan. Tidak ada langsung!

Bolehkah Yang Berhormat mengkaji hal ini supaya kita dapat satu kajian yang menyeluruh mengenai kesan-kesan tapak ini ke atas para penduduk dalam tempoh lebih 30 tahun ini. Saya pun hairan juga mengapa baru sekarang kita ada idea ataupun gagasan untuk mengadakan rawatan selepas penutupan tapak tersebut. Ini memang satu perkara yang sangat kami kesali.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Negara kita telah membangun dengan pesat. Proses urbanisasi begitu pesat. Dalam tempoh tidak sampai 20 tahun kita nampak begitu ramai penduduk berhijrah ke bandar-bandar besar dan di tempat-tempat yang dikatakan '*urban*' ini masalah sampah menjadi serius.

Rakyat kita memang tidak sedar cara kita membuang sampah adalah amat membimbangkan. Kalau kita pergi ke negara yang ada kesedaran yang tinggi, mereka tidak membuang sampah dengan begitu banyak seperti kita. Mereka akan *reduce at source*. Perlu. Kalau terpaksa buang barulah mereka *recycle - reuse*. Akhirnya cuma sisa organik sahaja yang tidak boleh di kitar semula baru dirawat.

Di Malaysia kita punya *nature of waste* lain daripada orang lain. Ia banyak yang basah. Ini disebabkan banyak hujan, banyak buah-buahan dan lain-lain. Malaysia memanglah - *we are*

*bless*, dengan izin. Makanan banyak *resources*. *At the same time* kita juga dapat kesan yang negatif iaitu sampah yang banyak.

Walaupun ini nampaknya sudah serius tetapi kita kena bertindak dengan cepat. Kajian JAICA itu termasuk dalam cadangan-cadangan. Mereka telah pergi melawat lebih daripada 140 tapak pelupusan - *physically* dengan *detail*. Jadi, sudah ada cadangan. Tetapi bajetnya besar, beratus juta diperlukan hanya untuk rawatan *post-closure* sahaja, jangankan hendak membina *sanitary* yang baru!

Ini adalah satu cabaran yang besar dan kita memerlukan Rang Undang-undang Sisa Pepejal untuk digubal oleh Parlimen ini.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** [*Bangun*]

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Walaupun ia sudah di draf tetapi ia perlu beberapa keputusan dasar dahulu barulah dapat dibentangkan di Parlimen ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mambong, sila.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ini Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai sistem pelupusan sisa pepejal di negara kita ini. Saya difahamkan bahawa di Lembah Klang ini, saya ingat Kuala Lumpur menghasilkan lebih daripada 2,000 tan sisa pepejal dan Selangor sebanyak 1,870 tan sehari. Di Kuala Lumpur kawasan pelupusan sampah telah berkurangan, buktinya penutupan tapak pelupusan Taman Beringin baru-baru ini dan ini akan *push over to Selangor* dengan alasan Kuala Lumpur kekurangan tanah yang sesuai.

Ini akan memberi bebanan khususnya kepada kawasan Selangor. Sebagai contohnya di kawasan pelupusan Ayer Hitam, Puchong di mana sepatutnya pada tahun ini, kalau tidak silap saya, Yang Berhormat telah memberikan jawapan kepada saya pada tahun lepas bahawa kawasan pelupusan Ayer Hitam ini akan ditutup pada bulan April. Dengan perkembangan ini, saya faham Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Selangor terpaksa berkompromi.

Apa yang saya hendak tanyakan ialah bagaimana kita menguruskan kawasan pelupusan Ayer Hitam ini iaitu bila sepatutnya ia ditutup kerana telah banyak memberi implikasi yang negatif. Pencemaran bukan sahaja dari segi udara tetapi bau dan lalu lintas yang semua ini memberikan satu impak yang menyusahkan dan implikasi negatif kepada penduduk di persekitaran yang lebih kurang 50,000 keluarga. Ini satu.

Kedua, oleh kerana masalah ini melibatkan perbelanjaan yang banyak pada setiap tahun, apakah rancangan jangka panjang Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan masalah pelupusan sisa pepejal di negara kita ini. Sebagai contohnya projek di Broga, apakah statusnya dan bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini dalam jangka masa yang panjang. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat sudah bertanya satu soalan yang melibatkan dasar besar, perlu banyak penjelasan - penjelasan yang panjang lebar. Saya tidak tahu ini perkara berbangkit mengizinkan saya buat begitu. Secara ringkas kerajaan memandang serius terhadap semua perkara ini dan satu jawatankuasa di bawah Timbalan Perdana Menteri akan bermesyuarat tidak lama lagi. Sekali gus ia melihat bagaimana menguruskan masalah *landfill interstate*, Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri, tapak pelupusan, RTF, pencemaran alam sekitar dan semuanya itu. Kalau saya hendak menerangkannya memakan masa satu jam.

Saya rasa eloklah saya beri satu gambaran iaitu satu usaha yang serius sedang dijalankan dan kita tunggu sehingga mesyuarat Jawatankuasa Kabinet itu selesai barulah penyelesaian yang konkrit itu lebih jelas walaupun sekarang sudah ada banyak cadangan. Saya harap Yang Berhormat faham dan yakinlah bahawa semua ini berkaitan, bila tutup, bila buka, hendak buat apa, semua ini hendak dibincangkan dengan *well coordinated*.

Ya, silakan Yang Berhormat bagi Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita memang tahu bahawa kerajaan negeri yang bertanggungjawab ke atas pelupusan sampah, tetapi bagaimanakah bentuk kawalan daripada Kerajaan Pusat?

Yang kedua, tentang pelupusan sampah yang baik ini melibatkan reka bentuk tapak pelupusan ataupun *design*. Ini amat penting. Semua *technical design* ini perlu lebih-lebih lagi landasan tapak pelupusan sampah itu untuk menggunakan *impervious* material supaya *leachate* tidak masuk ke dalam tanah.

Yang ketiga, pengurusan tapak sampah itu sendiri supaya setiap hari sampah sampai ke tapak pelupusan. Pengurusannya mestilah baik agar sampah yang sampai hari itu dilupuskan dengan betul. Oleh yang demikian, saya juga ingin bertanya garis panduan kajian JICA. Selain daripada *rehabilitation* yang *direcommend* oleh JICA, apakah lagi perkara-perkara yang lain yang telah pun *direcommend* oleh JICA.

Seterusnya, apakah bentuk kerjasama dengan DANIDA sekarang kerana saya tahu ada seorang pakar DANIDA telah pun bertugas di kementerian dan apakah bidang-bidang tugas beliau? Kalaulah JICA sudah membuat kajian begitu lama dan membelanjakan banyak wang, apakah tugas-tugas DANIDA ini? Dalam perkara pelupusan sampah ini, saya ingin menjemput Yang Berhormat untuk melawat tapak pelupusan sampah di Mambong yang saya sendiri membantu untuk mereka bentuk dan mengurus. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Seperti mana yang saya terangkan tadi ia melibatkan jawapan yang saya beri tadi. Yang Berhormat sebut bagaimana Kerajaan Pusat boleh memainkan peranan walaupun di bawah kerajaan negeri. Ini semuanya soal dasar yang perlu diputuskan selepas Jawatankuasa Kabinet bermesyuarat dan kita masuk balik kepada Jemaah Menteri,

barulah saya dapat memberi jawapan selanjutnya yang ada berkaitan dengan *privatization* dan juga '*wise hierarchy*', pengurusan, semuanya termasuk.

JICA hanya ditugaskan untuk buat kajian *the safe closure of landfills* ataupun *dump site*. Ia tidak membuat kerja yang lain. Kajian itu sudah mengambil masa 22 bulan di mana semua cadangan berkaitan dengan *safe closure of landfills*, dengan izin. DANIDA dan sebagainya, semua yang ditugaskan itu, semua kajian mereka akan diteliti oleh Jawatankuasa Kabinet dan lepas itu bila dasar sudah jelas, saya ingat apabila kita membenteng rang undang-undang yang berkenaan saya harap mudah-mudahan dalam tahun ini kita oleh bincang dengan terperinci. Banyak perkara akan dijelaskan. Buat masa ini masih *a lot of gray areas*, dengan izin.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hanya hendak tanya mengenai Rang Undang-undang Pepejal Sisa itu adakah ia sebenarnya membenarkan penswastaan pengumpulan sampah sarap. Ini adalah perkara yang amat membimbangkan oleh ramai penduduk bahawa ada satu lagi projek Barisan Nasional adalah penswastaan pengumpulan sampah sarap.

Yang kedua, saya juga berpendapat macam penduduk di Kuala Lumpur, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, sampah sarap kita ini banyak. Saya rasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kita sebenarnya tidak melakukan tanggungjawabnya dengan menggalakkan orang ramai untuk membuat kitar semula sampah sarap mereka. Dan, seperti kempen Kitar Semula, kita lihat kempen itu diadakan seketika sahaja, lepas itu kita lihat ia berhenti. Ia mungkin dibuat melalui pendidikan di sekolah rendah tetapi ia memang tidak merupakan satu kempen yang meluas. Pada pandangan saya, kempen Kitar Semula itu haruslah dijadikan satu kempen penerusan dan juga oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi' apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menggalakkan rakyat kita mementingkan kitar semula sampah sarap dan mungkin boleh dijadikan sebagai satu industri yang boleh mendapat keuntungan bagi pengusaha.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat pun sukar mahu *highlight* yang negatif sebab itu dia kaitkan dengan Barisan Nasional. [Disorak] Yang baik-baik semua dia tidak kata.

Rang Undang-undang Sisa Pepejal ini bukan hanya cakap pasal penswastaan pengurusan sisa pepejal, lagipun penswastaan kutipan sisa pepejal itu belum tentu lagi baik atau tidak. Yang Berhormat cepat sangat cari apa yang negatif sedikit dia kaitkan dengan Barisan Nasional. Yang baik punya dia sengaja tidak mahu sebut. Kitar semula ini sudah jadi satu kempen sebegitu lama, kalau pergi ke *web site* pun you tahu apa yang kita buat, dan sebenarnya ramai wakil rakyat sudah pun buat *launching* sini sana, saya tidak tahu Yang Berhormat ada buat atau tidak. [Disorak] Sekurang-kurangnya Pusat Kitar Semula dekat dengan rumah yang dia tinggal itu, ada beberapa kali dia hantar barang ke sana? [Dewan gamat seketika]

Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal itu bila sampai di sini barulah kita tahu. Tidak payah awal sangat kita beri. Oh! Bukit Mertajam pun ada kempen, saya tidak dengar pun.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, ya. Saya memang hendak sokong dengan *recycle* dan saya rasa itu adalah satu-satunya cara untuk mengatasi masalah sampah sarap. Tetapi malangnya di Pulau Pinang, sekurang-kurangnya di MPSP di mana kalau ada mana-mana, khasnya Rukun Tetangga yang mengadakan kempen itu kalau mereka jemput Yang Berhormat dari pembangkang, mereka akan dimarahi dan mereka diberi arahan tidak boleh menjemput MP dari Bukit Mertajam. [Disampuk] Ya! Dan itu dilihat mereka monopolinya sebagai satu kempen politik.

Jadi, saya hendak tolong pun tidak dapat kerana mereka tidak mahu saya menyertai, jadi penyokong-penyokong saya pun tidak mahu menyertainya. Kalau begitu, di Bukit Mertajam sekurang-kurangnya 50% adalah penyokong DAP (Pembangkang), macam mana kempen ini boleh berjaya. Saya berharap ini adalah satu kempen yang dilancarkan oleh kerajaan. Ia tidak boleh digunakan untuk politik MCA, GERAKAN atau UMNO. Kalau begitu ia tidak akan berjaya. Saya akan menyertai kalau saya diberi peluang dan saya memang setuju dengan *recycle* kerana ia mengurangkan penggunaan *sourcenya*. Saya hendak mendapatkan pendapat Yang Berhormat Menteri, bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi sudah hendak melengkapkan penjelasan tentang Rang Undang-undang Sisa Pepejal. Sebenarnya dengan adanya Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal itu baru kita dapat gunakan undang-undang. Ia lebih berkesan dari segi *recycling* termasuk kitar semula. Di negara Jerman banyak peraturan mengenai bagaimana menguruskan sisa pepejal. Oleh kerana undang-undangnya begitu ketat maka semua orang terpaksa *recycle*. Itu pun salah satu kebaikannya. Belum saya terangkan apa pun dia sudah ingat rang undang-undang itu mestilah tidak baik.

Bagi Bukit Mertajam, saya berterima kasih kerana Yang Berhormat ada kesedaran tentang *recycling*. Ingin saya jelaskan di sini kitar semula ini tidak dimonopoli oleh mana-mana parti. Ia tidak ada eksklusif *right* diberi kepada sesiapa pun. Ada satu parti politik boleh dia kata ini saya punya projek sebab sampah itu siapa pun buang. Sumber-sumber itu siapa pun boleh mengasingkan.

Sebagai satu contoh ada satu NGO *Buddist* dengan izin (*bercakap dalam bahasa cina*) Persatuan 'Suchi', dia tanpa apa sokongan, tanpa apa bantahan, tanpa apa galakan dia buat dia punya kitar semula di seluruh negara. Setiap hari Sabtu atau hari Ahad di satu sudut dia ada sukarela, dia punya ahli datang kumpul *recycle able items*. Dengan barangan di kitar semula itu mereka jual bagi di kilang-kilang.. dia dapat wang itu sehingga setahun kira-kira seratus lebih ribu semua guna untuk *charity*. Bila Tsunami berlaku merekalah merupakan NGO yang awal sekali tiba sana, dia beli beras, beli biskut, bagi kain dan sebagainya. Ini mana ada apa berkaitan dengan MCA ke atau Gerakan ke apa. Kalau DAP dia betul-betul hendak buat, buatlah macam



itu. Tidak siapa hendak halang, tiada siapa-siapa nak...itu boleh. Jadi inilah satu kesedaran awam ia tidak berkaitan dengan politik, so sampah itu tidak ada kena mengena dengan politik. Marilah kita sama-sama jayakannya dan tentang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Gajah Yang Berhormat, bagi jalan.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Mohon penjelasan. Pihak saya sini, kitar semula....kita hidu udara yang sama tak kiralah parti politik yang mana...

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Jelas sekali ya, saya tidak mahu layan selepas ini.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Pihak saya amat menyokong kitar semula. Sebab kalau udara terjejas, udara kotor, kita bumi yang sama. Tapi persoalan sekarang ialah tong-tong sampah kitar semula apakah pihak kementerian akan kaji semula? Kalau kita lihat tong-tong yang dibekalkan amat tidak sesuai. Mulutnya terlalu kecil dan menyebabkan ramai pembuang-pembuang, penyokong-penyokong kitar semula ini .....[Disampuk]...pembukalah itu dia punya mulut itu terlalu kecil. Dan ramai yang ingin menyokong kempen ini membuang sampah tidak boleh memasukkan sampah ke dalam tong tersebut. Jadi mereka telah meletakkan mereka di sekeliling... berselerak. Jadi apakah pihak kementerian akan mengkaji semula di dalam aspek ini?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat telah mendedahkan bahawa kempen kitar semula ini falsafah dia, Yang Berhormat belum betul-betul tahu. Tong-tong kitar semula itu adalah peringkat yang awal. Gunakan warna, menyedarkan orang ramai kerana kita asingkan *recycle able*. Dan sebenarnya *the real recycling* punya ...itu punya *volume* bukan masuk tong ini. Dia pergi pusat-pusat *collecting centre*. Kalau pergi pusat *collecting centre* tidak ada tong warna macam ini. Semua bekas besar-besar untuk terima. Lagi pun di rumah tidak payah tong-tong. Ambillah beg-beg yang kita hendak buang itu, guna beg itu masukkan barangan yang hendak dibuang dan hantar di pusat kitar semula, tidak payah masuk ke tong yang dikatakan mulutnya kecil-kecil.

Itu semua untuk kesedaran. Warna itu adalah satu kesedaran untuk kita asingkan. *We separate right from the home*. Itulah dia punya kempen. Kalau hendak beli tong baru kitar semula...saya ingat harga hendak beli tong itu jauh lebih mahal. Itu adalah peringkat pertama, sudah *out dated*. Sekarang kalau kita tengok, kempen yang kita buat sekarang tidak membekalkan lagi tong-tong itu. Tong-tong itu macam mana kita bekal pun kalau tidak ada kesedaran, tong-tong semua jadi tong sampah. Memang benar Yang Berhormat kata memang benar. Kalau tong-tong di bekal tidak ada kesedaran dia jadi tong sampah. Jadi banyak lagi kerja kita kena buat.

Saya tidak menyalahkan mana-mana pihak cuma sivik *mindedness*, kesedaran kita terhadap kitar semula ini perlu di usaha lagi. Saya memang mengakui bahawa kempen ini belum tercapai kesannya kerana kita kena sambutan yang cukup, di mana ia perlu ada lagi banyak

sokongan dari segi kemudahan, *networking* dan semua PBT betul-betul kena berusaha. Kelemahan memang ada. Kita kena usaha lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sistem pelantikan Ahli-ahli Majlis PBT yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Ipoh Barat, Jemaah Menteri telah bincang perkara ini dan memutuskan sistem pelantikan Ahli-ahli Majlis PBT seperti mana diperuntukkan di bawah Seksyen 10 Akta 171, masih perlu dikekalkan dan juga didapati Ahli-ahli Majlis yang dilantik oleh kerajaan-kerajaan negeri pada masa ini mematuhi syarat-syarat pelantikan yang ditetapkan di bawah akta tersebut. Jemaah Menteri juga berpendapat perubahan pada sistem pelantikan Ahli-ahli Majlis PBT bukanlah merupakan jalan penyelesaian yang terbaik yang dapat menjamin keberkesanan sistem perkhidmatan dan penyampaian PBT.

Hasil kajian yang telah dijalankan atas pengurusan dan pentadbiran PBT didapati bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan kelemahan dalam perkhidmatan PBT. Di antaranya ialah masalah kekurangan punca kewangan dan kekurangan kakitangan profesional dan teknikal. Bagi mengatasi kelemahan-kelemahan perkhidmatan PBT, kerajaan telah memperkenalkan 64 langkah penambahbaikan untuk dilaksanakan oleh PBT dan kementerian bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan PBT. Pelaksanaan langkah-langkah tersebut sedang diambil tindakan dan dipantau oleh kementerian sebagai agensi penyelaras. Pihak kementerian percaya jika PBT laksanakan kesemua 64 langkah yang telah dicadangkan, sistem penyampaian perkhidmatan PBT akan dapat dipertingkatkan. Pelantikan wakil belia sebagai Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan seperti yang dicadangkan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Padang Serai, pada tahun 2005 terdapat jumlah 3,143 orang Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut seramai 361 orang atau pun 11.5% adalah terdiri daripada golongan wanita. Pihak kementerian menggalakkan penyertaan golongan wanita sebagai ahli majlis. Walau bagaimanapun pelantikan mereka adalah terserah kepada pihak berkuasa negeri sebagai pihak berkuasa melantik.

Mengenai projek pasar baru Sandakan Sabah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, pihak kementerian dimaklumkan bahawa pasar tersebut akan menyediakan sejumlah 1,223 gerai berbagai kategori dan dijangka mencukupi untuk menampung bilangan peniaga-peniaga yang terlibat dengan projek tersebut dan peniaga-peniaga baru. Projek tersebut sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada bulan Ogos tahun ini. Peniaga-peniaga yang terlibat dengan projek pasar baru telah dipindahkan secara sementara ke Centre Point Mall dan pasar Sim-Sim yang disediakan kemudahan bekalan air. Walau bagaimanapun bangunan gerai kekal tidak disediakan memandangkan mereka ditempatkan secara sementara sehingga projek pasar baru siap diduduki.

Mengenai pemeriksaan kebersihan makanan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Lanang, ingin dimaklumkan bahawa semua Majlis Perbandaran atau Majlis Bandar Raya mempunyai unit mutu kawalan yang berfungsi bagi memastikan makanan yang dijual kepada orang ramai sentiasa berkualiti, selamat dan bersih. Dari segi penguatkuasaan aktiviti pemeriksaan premis-premis makanan termasuk gerai-gerai dilakukan secara berkala dan jika terdapat aduan. Pihak kementerian sedang dalam proses merangka kekerapan pemeriksaan ....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** ..nanti saya lengkapkan ayat ini...normal kekerapan pemeriksaan premis makanan bagi setiap pegawai penguat kuasa. Kempen kebersihan premis makanan juga sentiasa dijalankan sepanjang masa oleh PBT dengan kerjasama Jabatan Kesihatan di peringkat negeri dan daerah bagi meningkatkan tahap kebersihan premis-premis makanan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya. Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya hendak tanya di sini tentang dua perkara. Pertama tadi bilangan Ahli-ahli Majlis yang telah dilantik. Apakah kita melihat sudah tiba masanya bilangan ini dapat ditambah untuk menambahkan lagi mereka yang boleh memainkan peranan dalam Majlis-majlis Daerah, Majlis Perbandaran atau pun Dewan Bandar Raya atau pun Majlis Bandar Raya. Kedua, apakah Yang Berhormat melihat sudah tiba masanya pelantikan ke atas Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau pun Majlis Daerah ini dilantik di kalangan bukan pegawai kerajaan, supaya sistem penyampaian itu dapat dilaksanakan lebih baik supaya pihak daripada bukan dari kalangan pegawai kerajaan dapat terus memantau segala perjalanan dalam badan ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Mengenai penambahan bilangan Ahli Majlis ini akan ditimbang apabila Jemaah Menteri, menimbang suatu penstrukturan semula *overall restructuring of PBT* memang ada usaha untuk kita cuba membawa suatu perubahan kepada struktur perkhidmatan PBT dan pernah saya sebutkan di sini yang buat masa kini PBT masih *close service* dan sebagainya.

Dalam penambahbaikan perkhidmatan PBT terdapat beberapa perkara yang agak *major* telah diusahakan. Apabila perkara ini dipertimbangkan maka sama ada penambah Ahli Majlis itu akan dipersetujui atau tidak akan diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Mengenai pelantikan daripada yang bukan pegawai, sebenarnya dalam salah satu langkah daripada 64 langkah sistem penambahbaikan perkhidmatan itu ialah Yang Dipertua mestilah orang yang betul-betul sepenuh masa (*full time*). Dia mesti *full time*. Dia mesti orang yang telus dan juga mengikuti kursus dan sebagainya. Kalau dilantik daripada mereka yang

bukan perkhidmatan awam, dia ada juga kelemahannya kerana pernah dahulu ada pelantikan yang telah dijalankan itu akan tetapi sebagai contoh, dilantik daripada kalangan ahli politik.

Bila seseorang ahli politik itu menjadi Yang Dipertua, dia mempunyai banyak yang akan mempengaruhi dia. Dia ada penyokong, dia kepentingan politik dan sebagainya maka bila dia hendak jalankan tugas dengan tegas, dengan berkecuali menjadi agak susah sedikit. Ini adalah pengalaman yang dahulunya telah ada nampak implikasi itu.

Oleh yang demikian, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya kita kekalkan Yang Dipertua sebagai orang yang *full time* dan dia yang tidak mempunyai kepentingan sangat dalam hal-hal yang mungkin mempengaruhi dia punya keputusan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, saya beri satu pandangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Di Shah Alam, Bandaraya Shah Alam telah pun melantik di kalangan bukan kakitangan awam. Ini jelas menampakkan bahawa ada suatu perseimbangan supaya kedua-dua pihak boleh terus melaksanakan tugas dengan begitu baik. Bahkan di Terengganu dahulu, suatu ketika pernah di kalangan ADUN untuk menduduki dalam majlis daerah.

Saya merasakan kalau boleh sebab bukan tujuan ahli-ahli politik itu mencampuri urusan pentadbiran tetapi *accountability*, dengan izin supaya pelaksanaan *delivery system* itu terutama sekali dalam kita menghadapi suasana pada hari ini dengan lebih terlaksana. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, memang dia ada contoh yang baik dan ada contoh yang tidak baik. Bukan semuanya mesti baik dan semua mesti tidak baik. Memang perkara ini telah dipertimbangkan kerana dia mempunyai implikasi dan macam-macam lagi. Yang penting ialah kita lantik YDP yang betul-betul berintegriti dan YDP yang betul-betul profesional. Pada masa yang akan datang, perkara ini akan dipantau dengan lebih rapi, lagipun ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [Bangun]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada tiga yang bangun.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya bahagialah petang ini. Satu Presiden MCA, satu Presiden MIC, contoh yang baiklah kedua-dua Presiden ada.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Menyampuk]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ayo! Seputeh.

**Seorang Ahli:** UMNO ini ada, UMNO.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Satu yang menarik tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak akhir-akhir ini ialah penguatkuasaan tentang kebersihan. Rakyat amat menyokong sangat tindakan ini. Saya berharap penguat kuasa yang menjaga kebersihan tentang premis-premis jualan makanan ini harus dipertingkatkan Yang Berhormat Dato' Menteri kerana sudah sampai masanya kita negara ini terdedah kepada pelancongan, negara ini tahap pendidikan anak-anak dan cara hidup rakyatnya pun sudah berubah.

Soal kebersihan premis ini harus ditekankan seboleh-bolehnya. Tidak ada tolak ansur kementerian ini kepada premis-premis yang kotor. Menjual makanan secara tidak bersih. Kadangkala kerusi mejanya pun, kerusi mejanya pun secara yang berlapuk, yang daif, yang koyak rabak kemudian lantai yang berlumut. Ini sudah tidak boleh diterima oleh masyarakat ramai. Saya berharap tentang kebersihan ini tidak ada tolak ansur yang boleh dijalankan oleh penguat kuasa di majlis-majlis daerah, di majlis-majlis perbandaran, di majlis-majlis bandar raya, tolonglah ini dibagikan keutamaan oleh penguat kuasa dalam Kerajaan Tempatan. Terima kasih Yang Berhormat Dato'.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat telah menyentuh perkara yang memang merupakan salah satu prioriti. Di bawah 64 langkah-langkah itu, angka yang kedua seperti yang disenaraikan untuk dipatuhi oleh PBT ialah sistem *grading*. Semua PBT dikehendaki mewujudkan sistem *grading*, dia ada bagi gred dia punya kebersihan untuk menilai tahap kebersihan premis-premis peniaga kepada a, b dan c.

Kalau	A	-	amat bersih,
	B	-	bersih; dan
	C	-	kotor.

Kalau premis yang digredkan C tidak dibenarkan beroperasi atau berniaga untuk suatu tempoh sebagai hukuman. Ini kalau semua ikut, semua PBT ikut, memang ini akan menjadi suatu perkara yang serius. Semua Yang Berhormat telah sebut ialah masuk dalam langkah yang penting walaupun nampaknya macam *detail* sedikit tetapi langkah ini telah diterima juga oleh kerana .....

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [Bangun]

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Bangun]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada tiga yang bangun Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sini, terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tangga Batu. Dua-dua pun dapatlah, siapa cakap dahulu tidak mengapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Silakan Yang Berhormat, Seputeh dahulu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Banyak mulut dia ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya cakap dulu. Saya cakap dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seputeh dahulu, ya.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Banyak mulut dia ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tadi saya agak tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa YDP Majlis Perbandaran haruslah sepenuh masa. Saya tahu yang Timbalan Menteri, kementerian Yang Berhormat itu, yang dahulu bila dia jadi Ahli Parlimen bagi Sibu, ia dahulu YDP Majlis Perbandaran Sibu dan sekarang adalah Yang Berhormat bagi Lanang dia juga YDP di kawasan Sibu. Bukankah ini memang kawasan ini tidak mematuhi peraturan yang dibuat oleh kementerian.

Pada pandangan saya selalunya oleh kerana tidak ada pilihan raya Kerajaan Tempatan, jadi pegawai-pegawai yang dilantik sebagai Ahli Majlis Perbandaran itu adalah daripada Barisan Nasional, parti-parti komponen Barisan Nasional dan selalunya mereka terpaksa hendak menjaga kebajikan dan manfaat kroni-kroni mereka di cawangan-cawangan mereka, sehingga melakukan banyak kesalahan seperti menduduki tanah hijau dan juga macam di kawasan saya UMNO Seputeh, bangunan UMNO Seputeh dia enggan pindah dan memaksa DBKL untuk mencari tempat, cari bangunan baru dia pindah. Bangunan itu sebenarnya setinggian dan menghalang dua projek kerajaan.

Banyak penyalahgunaan kuasa dan juga korupsi berlaku di kalangan Kerajaan Tempatan. Hanya kerana tidak ada *check and balance* dalam sistem kita itu. Macam manakah kementerian akan membetulkan keadaan penyalahgunaan kuasa dan korupsi yang berlaku di kalangan Kerajaan Tempatan kita?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat pun, fakta pun tidak betul. Saya kata langkah-langkah ini baru kita hendak amalkan. Yang Berhormat bercakap yang dahulu pun di negeri-negeri pembangkang semua, ramai YDP pun pembangkang yang pegang. Betul, jadi tidak bolehlah kita sekali gus kata salahkan Kerajaan Barisan Nasional.

Di Kuala Lumpur, Datuk Bandar orang sepenuh masa. Yang Berhormat sebut tadi ..... maaf, maaf. Yang tadi sebut kata di Kuala Lumpur macam-macam berlaku. Tetapi Datuk Bandar bukan ahli politik. *Check and balance* itu memang sekarang rakyat ramai sedar, rakyat banyak yang berpendidikan sekarang. Bukan senang sesiapa hendak cuba buat sesuatu yang

terbetul, *public outcry*. *Pressure* tekanan itu bukan main. Saya ingat *check and balance* itu memang *people's voice is very strong now* dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ya, Yang Berhormat Menteri terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jangan layan DAP ini Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya percaya apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang lantikan seorang Yang di-Pertua sepenuh masa bagi Pihak Berkuasa Tempatan adalah satu langkah yang paling wajar, dan kita pun telah dapat melihat bahawa beberapa negeri di Malaysia ini telah pun mengamalkannya dan telah menampakkan hasil yang begitu boleh membanggakan pihak kerajaan dari aspek penyampaian perkhidmatan.

Soalan saya mudah sahaja Yang Berhormat Menteri, bila hendak laksanakan seluruh negara? Dan yang kedua Yang Berhormat Menteri harapan saya ialah di dalam langkah-langkah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk memperbaiki perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan ini perlulah ada suatu langkah yang dapat memastikan ada sifat *check and balance*.

Mekanisme ini perlu ada bagi anggota-anggota serta pegawai-pegawai bukan sahaja ahli-ahli majlisnya, tetapi pegawai-pegawainya di mana satu perkara yang perlu dilaksanakan segera Yang Berhormat Menteri ialah untuk menempatkan pegawai-pegawai ataupun boleh ditukarkan pegawai-pegawai ini dari satu PBT ke satu PBT yang lain walaupun mereka ini daripada berlainan negeri. Mungkin dalam sebuah negeri boleh dilaksanakan secara mudah satu daerah ke satu daerah. Tetapi kita perlukan pertukaran serta penempatan ini boleh berlaku di mana-mana di seluruh negara, dan ini mungkin akan membawa seorang pegawai itu ke arah kecemerlangan perkhidmatan. Jadi dia tidak *complacent* seolah-olah tidak boleh disentuh dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri tentang perkara yang saya bawa ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat terima kasih. Yang saya ada sebut tadi kerajaan sedang membuat penstrukturan semula dia punya *service*, perkhidmatan di PBT. Antara lain ialah bagaimana hendak buka dia punya yang *close service* selama ini. Untuk buat masa kini, dari segi perundangan, dari segi *constitution*, masih tidak ada cara untuk buka sampai dia pergi keluar negeri yang lain, yang hanya boleh buat dalam negeri yang sama itu pun ada banyak isu perundangan yang perlu diatasi. Oleh kerana isu-isu perundangan inilah yang telah melambatkan sampai hari ini, kita terpaksa bincang dengan AG Chamber dengan pihak berkuasa negeri dan sebagainya. Jadi hala tuju ialah kita hendak pada akhirnya penstrukturan semula itu akan membolehkan pertukaran pegawai keluar dari satu PBT ke PBT yang lain di dalam satu negeri yang sama.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Belum lagi saya... ada lagi soalan yang lain. Bilakah ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Belum, saya belum siap yang penjelasan tadi. Bagi Yang di-Pertua dilantik secara penuh masa, apabila langkah-langkah atau garis panduan ini dikeluarkan telah diluluskan oleh MNKT, semua kerajaan negeri sepatutnya mulakan dengan amalan ini. Kementerian saya masih memantau. Kalau ada tempat mana dia belum buat, kami akan membentang laporan itu ke Majlis Negara Kerajaan Tempatan di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri jadi Pengerusi, daripada laporan itu kami akan dapatkan penjelasan apa sudah berlaku. Jadi ini adalah salah satu langkah yang perlu dilaksanakan dengan segera. Cuma mungkin ada orang yang dia punya tempoh belum tamat. Mungkin kena bagi tamatkan tempoh dahulu dan sebagainya. *Check and balance* memang ada banyak lagi langkah-langkah yang tidak sempat saya sebut, sebagai contoh semua PBT kena adakan tunjuk prestasi KPI iaitu *Key Performance Indicators*, dengan izin. Hendaklah antara lain melihat kejayaan-kejayaan dan kelemahan-kelemahan yang berlaku. Ini juga satu perkara kita sedang memantau dan PBT tidak akan tahu siapa yang ada menjadi contoh yang baik mana lagi yang masih menghadapi pelbagai masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhwan [Sabak Bernam]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang mana Menteri terima kasih. Sabak Bernam ingin melanjutkan tentang isu premis yang kotor, bukan kotor dari segi sampah sarap tetapi lebih dari segi kegiatannya. Biasanya pusat-pusat hiburan ini yang memberikan kuasa atau hendak berikan lesen ialah pihak PBT dan terlalu sering sangat tempat-tempat ini akhirnya disalahgunakan contoh pusat hiburan ini akan menjadi tempat perjudian. Tempat ini akan menjadi tempat umpamanya yang ada dalam akhbar ini 'khayal di pusat hiburan'. Ini selalu berlaku begitu juga dan akhirnya menjadi tempat pelacuran di mana *vice rate*, dengan izin sentiasa berlaku di sana sini. Oleh kerana itu Sabak Bernam ingin bertanya dalam konteks memperbaiki perkhidmatan di dalam PBT ini, apakah langkah-langkah yang khusus agar perkara ini tidak berlaku semula kerana kita lihat perkara ini berlaku berkali-kali. Malah ada di antara pusat hiburan itu kita dapati, umpamanya baru-baru ini berlaku di MPSJ Subang Jaya, jadi tempat itu telah berkali-kali dipantau, ditinjau oleh pihak Majlis. Tetapi nampaknya masih berterusan menjadi pusat hiburan yang akhirnya melakukan pelacuran dan seumpamanya. Apakah kawalan terhadap perkara ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat, saya nampak langkah-langkah itu sebagai garis panduan dan kerajaan-kerajaan negeri yang merupakan pihak berkuasa memantau yang disebutkan MPSJ itu semuanya adalah soal penguatkuasaan, dan pihak berkuasa negeri perlulah betul-betul supaya mereka menjalankan penguatkuasaan dengan baik, dengan



berkesan dan oleh kerana dia sudah masuk dalam bidang kuasa kerajaan negeri, jadi susah saya hendak jawab semua perkara yang spesifik. Tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Secara keseluruhannya kalau terlonjol sangat, ataupun nampak sangat kelemahan saya akan bincang perkara ini dalam Majlis Negara Kerajaan Tempatan mengingatkan kerajaan-kerajaan negeri supaya mereka harus memantau dari segi keberkesanan penguatkuasaan BBT dalam semua aktiviti yang berkaitan dengan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana masa suntuk kalau saya panjangkan semua penjelasan ini dan agak panjang lagi, saya harap kalau boleh cuba seboleh-bolehnya perkara-perkara yang spesifik itu saya mungkin tidak akan bagi jalan dengan begitu kerap. Tuan Yang di-Pertua, isu kegunaan ternakan burung layang-layang dan selesema burung.

Mengenai isu ternakan burung layang-layang dan kaitannya dengan selesema burung yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut ingin dimaklumkan bahawa hasil kajian bersama yang dijalankan oleh kementerian dan agensi-agensi kerajaan lain mendapati industri ternakan burung walid berdaya maju walaupun perlu dikawal selia bagi meminimumkan kesan pada masyarakat. Oleh itu kementerian saya telah pun mengeluarkan garis panduan permohonan lesen premis sarang burung walid untuk diterima pakai oleh PBT bagi mengawal industri tersebut.

Dari segi kesihatan sehingga kini burung walid tidak menunjukkan tanda-tanda sebagai pembawa penyakit. Berdasarkan sampel secara rutin yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan mendapati burung walid tiada kaitan dengan virus selesema burung sebaliknya burung walid merupakan pemangsa *victim* kepada nyamuk aedes, dia takut nyamuk.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Seputeh draf Rang Undang-undang yang ada bersama...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat saya yang bawa perkara itu. Sebenarnya saya tidak kaitkan dengan virus *bird flu* cuma kebetulan kerana kalau tidak ada satu *guideline*, sebab kadang-kadang pembinaan sarang burung ini di bangunan-bangunan yang boleh menjejaskan peluang peniaga-peniaga kecil yang sedang mencari makan di dalam tempat-tempat yang terdedah, itu yang saya bangkitkan. Jadi saya mintalah supaya ada satu garis panduan. Perniagaan seperti ini tidak sewenang-wenangnya yang akhirnya boleh menjejaskan tempat-tempat pencarian bagi peniaga-peniaga kecil terutama sekali di kawasan-kawasan yang agak strategik di dalam bandar-bandar yang tertentu lebih-lebih lagi boleh juga menjejaskan keadaan sekitar. Oleh kerana tempat-tempat tersebut merupakan tempat-tempat restoran, jualan mereka yang hanya bergantung kepada perniagaan tersebut. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Larut. Memang garis panduan telah pun disediakan baru-baru ini dan telah disetujui oleh Jemaah Menteri dan MAKT, dia tengah dilaksanakan oleh PBT untuk melindungi kepentingan semua pihak.

Untuk makluman mengenai Rang Undang-undang Bangunan dan Harta Bersama telah pun siap didrafkan rang undang-undang ini masih belum dapat dibentang lagi di Parlimen kerana rang undang-undang ini turut melibatkan pindaan juga pada akta lain seperti Akta Hak Milik Strata 1985. Perkara ini sedang diselaras oleh Jabatan Peguam Negara dan akan dibentang secara serentak di Dewan yang mulia ini secepat mungkin. Pada masa ini terdapat kira-kira 2,983 kampung-kampung tradisional yang diletak dalam kawasan PBT. Untuk makluman Yang Berhormat dari Tebrau pihak kementerian, kerajaan-kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan turut memberi tumpuan pada kampung-kampung tradisional dalam merancang projek-projek pembangunan agar kampung-kampung tradisional tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

Sehubungan dengan itu di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM119.4 juta bagi menyediakan kemudahan-kemudahan asas di kampung-kampung tradisional dalam kawasan PBT di seluruh negara. Pada masa ini pihak kementerian sedang dalam peringkat awal untuk menyediakan Pelan Induk Pembangunan kampung-kampung tradisional bagi merangka dasar, strategi dan pelan tindakan jangka panjang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ampang pengeluaran lesen Pusat Jagaan Kanak-kanak adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walau bagaimanapun kelulusan tersebut tertakluk kepada ulasan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dari segi penggunaan premis serta aspek kesihatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat dari segi keselamatan kebakaran. Jabatan Bomba dan Penyelamat telah menetapkan piagam pelanggan bagi memberi ulasan dalam tempoh satu bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Barat pada masa ini terdapat dua agensi utama yang melaksanakan projek perumahan kerajaan iaitu Jabatan Perumahan Negara di bawah kementerian ini dan Syarikat Perumahan Negara Berhad. Jabatan Perumahan Negara melaksanakan projek perumahan di bawah Program PAKL, Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk disewa dan untuk dimiliki bagi menempatkan semula setinggan di Lembah Klang dan bandar-bandar utama di seluruh negara ke arah mencapai matlamat setinggan sifar. Pada ketika ini tidak ada PPR yang terbengkalai cuma terdapat beberapa projek yang menghadapi masalah kelewatan jadual disebabkan beberapa faktor seperti masalah tapak, halangan setinggan dan masalah tenaga buruh yang dihadapi oleh kontraktor. Bagi projek PPR Bentong yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ianya mengandungi 1000 unit rumah untuk disewa. Projek tersebut dijangka siap dalam tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Larut turut membangkitkan isu kontraktor yang terlibat dalam pembinaan rumah untuk golongan berpendapatan rendah. Dalam hal ini pihak kementerian ini sentiasa membuat pemantauan dan penilaian ke atas kontraktor-kontraktor yang akan dipilih untuk melaksanakan projek di bawah PPR. Tujuannya adalah untuk memastikan projek PPR

dapat dilaksanakan mengikut perancangan dan jadual pembinaan yang ditetapkan serta mengelakkan daripada berlakunya projek-projek sakit atau terbengkalai.

Keutamaan dalam pemilihan kontraktor-kontraktor tersebut adalah yang berkenaan adalah berdasarkan kepada beberapa perkara seperti mempunyai prestasi dan keupayaan kewangan, mempunyai pengalaman dalam melaksanakan satu projek serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan. Kebiasaannya urusan tender bagi projek-projek PPR adalah dibuat secara tender terbuka, terhad atau secara runding terus dengan pihak Kementerian Kewangan. Bagi projek-projek yang urusan tendernya dibuatnya secara rundingan terus pemilihan kontraktornya adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Rasah harga rumah PPR dimiliki yang ditetapkan oleh kerajaan adalah antara RM25,000 sehingga RM35,000 seunit mengikut lokasi yang berdasarkan harga tanah. Bagi golongan sasaran yang tidak mampu membelinya mereka boleh memohon untuk menduduki rumah PPR disewa dengan kadar harga sewa RM124 sebulan sahaja. Pada masa yang sama bagi meringankan beban golongan berpendapatan rendah untuk membeli rumah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menjalankan kajian bagi mencadangkan penjualan rumah PPR disewa kepada penyewa-penyewa yang layak melalui kaedah sewa kemudian beli. Perkara tersebut akan dibentang kepada Jemaah Menteri dalam masa yang terdekat untuk mendapat keputusan mengenai cadangan ini.

Dari segi lokasi memang diakui bahawa terdapat sebahagian projek-projek PPR telah dibina di pinggir-pinggir bandar oleh kerana kekurangan tanah di kawasan bandar. Perkara ini akan diambil perhatian oleh kementerian dalam perancangan projek yang akan datang.

Mengenai masalah setinggan di kawasan Kuching. Seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Putatan. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perumahan Negara di bawah kementerian telah dan sedang melaksanakan tiga projek perumahan di bawah projek perumahan rakyat bersepadu MTEN yang mengandungi sejumlah 1,296 unit untuk disewa bagi penempatan semula setinggan di sekitar bandar Kuching. Sejumlah 200 unit telah siap dalam tahun 2005 dan bakinya sejumlah 819 unit dijangka dapat disiapkan dalam tahun ini dan 480 unit lagi dalam tahun 2007. Dari segi pengawalan ke atas pertumbuhan setinggan-setinggan baru ianya adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pihak kementerian pernah menerima laporan daripada kontraktor yang melaksanakan projek PPR di Sandakan, Sabah di mana terdapat kes kecurian bekalan air dan elektrik daripada kawasan projek PPR berkenaan semasa sedang dalam pembinaan dahulu. Kejadian ini berlaku kerana kebanyakan daripada penduduk setinggan yang tinggal berhampiran tidak mempunyai bekalan air bersih dan bekalan elektrik yang sempurna. Oleh itu mereka mengambil kesempatan dengan mencuri bekalan air dan elektrik dari kawasan PPR tersebut.

Pada masa ini projek PPR Sandakan 1000 unit telah siap dan diserahkan kepada Majlis Perbandaran Sandakan pada 23 Januari tahun ini dan semua kemudahan asas telah disiapkan. Walau bagaimanapun pagar di sekeliling kawasan PPR ini tidak disediakan kerana secara umumnya konsep pembangunan PPR adalah secara terbuka dan tidak dipagar kecuali yang terletak di kawasan risiko tinggi seperti berhampiran landasan kereta api, sungai, jalan raya utama dan sebagainya. Pihak MPS telah mengambil tindakan dengan menempatkan pengawal keselamatan di kawasan PPR tersebut untuk membuat pengawalan supaya dapat mengelak daripada berlakunya kes-kes kecurian termasuk kecurian bekalan air dan elektrik daripada kawasan projek PPR.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tebrau dan Tanah Merah bagi meningkatkan tahap keselamatan dan pengurangan kadar jenayah kementerian ini telah mengadakan Program Bandar Selamat Subsidi Konsep untuk dilaksanakan di kawasan PBT. Program tersebut telah menggariskan strategi pendidikan kesedaran awam di mana PBT dengan kerjasama lain-lain agensi kerajaan, NGO serta masyarakat akan terlibat bersama-sama dalam pelbagai program dan aktiviti pencegahan jenayah kawasan kediaman mereka.

Dan pihak PBT juga sentiasa bekerjasama dengan pihak polis dari masa ke semasa melalui perkongsian maklumat dan mengambil tindakan bersama bagi mengawal kes-kes jenayah terutamanya berlaku di kawasan PBT dan mengadakan pondok-pondok polis di tempat dan lokasi yang sesuai.

Mengenai isu pembinaan rumah ibadat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kelana Jaya. Ingin dimaklumkan bahawa Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menyediakan garis panduan untuk tempat ibadat yang dijadikan rujukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan kerajaan negeri dalam penyediaan tapak untuk tempat ibadat. Penyediaan rumah-rumah ibadat adalah berdasarkan piawaian dan garis panduan yang telah disediakan. Penyediaan pelan-pelan pembangunan seperti rancangan tempatan turut mengenal pasti lokasi yang bersesuaian bagi penyediaan rumah-rumah ibadat dengan mengambil kira garis panduan berkenaan. Setiap pemaju yang melaksanakan projek-projek perumahan yang besar akan diwajibkan untuk menyediakan tapak untuk rumah ibadat. Pembinaannya akan dilaksanakan oleh agensi kerajaan, badan-badan agama atau pemaju sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Ampang telah menyentuh mengenai kemudahan struktur untuk orang kurang upaya (OKU). Dalam hal ini pihak kementerian melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah menyediakan garis panduan dan piawaian perancangan kemudahan golongan kurang upaya dari JPBD 1/2000 dan garis panduan ini menumpukan pada peruntukan dan penyediaan kemudahan bagi golongan kurang upaya di sekitar luar bangunan sama ada bangunan awam, bangunan perniagaan, terminal pengangkutan awam ataupun kawasan rekreasi.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Selangor bangun Yang Berhormat. Ya, sila.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya nak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai garis panduan rumah ibadat yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Di kawasan saya, Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu pun maklum di Bukit Rotan, ada sebuah masjid di mana di atas masjid, di kawasan yang agak tinggi dibina sebuah kuil. Cuma saya nak kan penjelasan macam mana perkara ini boleh berlaku yang tidak mustahil perkara-perkara sensitif seperti ini boleh menjejaskan hubungan kaum dan juga agama.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, saya memang tidak ada jawapan bagi kes-kes lokasi yang tertentu, mungkin kerajaan negerilah boleh kerana ia merupakan pihak berkuasa yang berkenaan.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai garis-garis panduan daripada Jabatan Perancang Bandar di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri. Saya nak tahu apakah secara *details*, apakah garis panduan itu dari segi bilangan penduduk *for example*, satu kawasan pembangunan itu, kalau mereka ini terdiri daripada kebanyakan atau majoriti mereka adalah daripada orang-orang yang bukan Islam.

Adakah ini bermakna tapak ibadat itu adalah *di/locate*, dengan izin kepada pembinaan kuil, ataupun tokong-tokong tertentu ataupun gereja-gereja tertentu. Dan saya nak tahu apakah garis panduan yang secara menyeluruh mengenai garis panduan untuk tapak ibadat ini?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Memang sudah terdapat satu garis panduan perancangan dan pembangunan sejagat edisi dua piawaian perancangan JPBD 4/2000 bagi semua tempat-tempat beragama, telah pun jelas dijelaskan di situ, terdapat juga untuk tempat ibadat bukan Islam, dia ada garis panduan. Semua kerajaan negeri telah pun melaksanakan garis panduan ini untuk terutamanya projek-projek perumahan yang baru. Sebagai contoh, dia ada nisbah kepadatan mengikut kepiawaian perancangan bandar, katalah, 1:5000 penduduk dan sebagainya. Semua ini dah dalam itu, kalau Yang Berhormat nak butiran, bolehlah. Garis panduan perancangan ini boleh dapat di mana-mana dari buku perancangan. Semua Ahli-ahli Majlis sepatutnya sudah tahu, dalam dia punya Majlis Perbandaran dia ada jawatankuasa perancang yang di situlah mereka kena menguruskan semua ini.

Yang Berhormat dari, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984 telah dipinda pada tahun 1990 bagi menambah peruntukan Undang-undang Kecil 34A yang

mewajibkan agar semua bangunan yang boleh dikunjungi disediakan kemudahan untuk golongan orang kurang upaya.

Setiap Pihak Berkuasa Tempatan yang mengguna pakai Undang-undang Kecil Bangunan Seragam dikehendaki menguatkuasakan undang-undang ini dan memastikan bahawa kehendak-kehendak kemudahan bangunan untuk golongan orang kurang upaya disediakan berdasarkan piawaian Malaysia MS1184 dan MS1331.

Mengenai kes pembangunan komersial di atas tanah lapang di Tawau, perkara tersebut telah dimaklumkan kepada kerajaan negeri dan Majlis Perbandaran Tawau memandangkan isu tersebut tertakluk kepada Sabah *Town and Country Planning Ordinance* yang melibatkan keputusan mahkamah.

Pihak kementerian menghargai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat bagi mengatasi kemiskinan bandar. Program pembasmian kemiskinan bandar oleh kerajaan dijalankan secara berterusan sejak tahun 1971 bermula dengan RMK-8, isu kemiskinan bandar turut diberi tumpuan.

Untuk makluman, kadar kemiskinan bandar telah berkurangan daripada 2% pada tahun 2002 berbanding 3.6% dalam tahun 1995. Pada tahun 2002, terdapat sejumlah 69,600 keluarga miskin dan miskin tegar di bandar. Pada tahun 2002, kerajaan telah menetapkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM529 di Semenanjung Malaysia, RM600 di Sarawak dan RM690 di Sabah. Sementara golongan miskin tegar ialah golongan berpendapatan kasar bulanan kurang daripada separuh daripada PGK yang saya sebut tadi.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sedang menyemak semula pendapatan garis kemiskinan berdasarkan metodologi, pengukuran pendapatan garis kemiskinan yang lebih tepat, kemas kini dan dapat mencerminkan profil kemiskinan yang lebih bercorak *target* spesifik. Kerajaan telah menetapkan matlamat untuk merealisasikan miskin tegar sifar pada tahun 2010 di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan diumumkan, ia memang akan beri perhatian juga pada masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin ucapkan banyak terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana sudi memberi pandangan.....

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada lagi Yang Berhormat, ada bangun, nak bagi jalan?

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** *Last, last.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat dah nak habis.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** *Last ya, ini last sekali.*

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma nak tanya dari segi PLI tadi, paras garis kemiskinan yang

kajiannya sedang dijalankan oleh EPU. Adakah PLI tadi akan sama digunakan di luar bandar dan untuk bandar sebab seperti yang kita sedia maklum, kos hidup di bandar lebih tinggi. Sebab itulah saya berpendapat sepatutnya PLI di bandar menggunakan ukuran yang lain berbanding yang digunakan di luar bandar. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya setuju benar kerana EPU telah buat kajian ini, pihak kami masih tunggu EPU maklum kepada Jemaah Menteri tentang PGK ini atau PLI dalam bahasa Inggeris. Bukan sahaja jurang ataupun dia punya *cost of living* di bandar dan luar bandar tak sama, dia punya bilangan tanggungan pun jadi satu faktor yang penting.

Kalau bilangan tanggungan ramai, dari segi tanggungan beban sehari-harian itu memang berat. Tetapi buat masa kini kami kena tunggu dahulu apa yang EPU akan beritahu pada masa yang akan datang.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** [Bangun]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberi pandangan dan cadangan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** .....mengenai isu-isu berkaitan dengan kementerian....

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Hujah saya belum dijawab. Soal kemansuhan seksyen 95(2) Akta Jalan Parit dan Bangunan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ada lagi satu, ya. Okay, untuk makluman Yang Berhormat bagi Cheras, isu perhubungan peranan dan tanggungjawab PBT di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1994 ataupun Akta 133 berhubung dengan kes *Highland Towers* masih dalam perhatian pihak kementerian kerana keputusan bertulis bagi kes ini masih belum dikeluarkan secara rasmi bagi membolehkan perkara ini dikaji dengan mendalam dari segi rasional dan alasan yang diguna pakai oleh Mahkamah Persekutuan dalam mencapai keputusannya.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Secara umum, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa seksyen 95(2) Akta 133 beroperasi bagi melindungi MPAJ sebagai PBT daripada bertanggungjawab dalam kes ini. Walau bagaimanapun, adalah dimaklumkan bahawa pihak MPAJ bukan satu-satunya pihak yang didapati bertanggungjawab. Apa yang diputuskan dahulu ialah 15% daripada jumlah tanggungan oleh Mahkamah Rayuan.

Sehubungan itu, keputusan Persekutuan yang terkini tidak bermaksud tiadanya pihak yang bertanggungjawab bagi keruntuhan *Highland Towers*. Memang saya sendiri pun amat memandang serius perkara ini kerana *written judgment* itu belum keluar. Kementerian kami masih tidak boleh buat apa-apa keputusan. Jadi itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri Kerja Raya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Mesti lama!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini perkara biasalah Yang Berhormat.

#### 5.32 ptg.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbincangan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja. Saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Pontian telah membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan kerosakan jejambat di jalan raya lingkaran tengah dua (MRR2). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh daripada Oktober 2004 sehingga Februari 2006 bukanlah merupakan tempoh kelewatan untuk membaiki keretakan ke atas jejambat MRR2. Tempoh tersebut telah digunakan oleh Jabatan Kerja Raya untuk merancang kaedah terbaik pembaikan termasuk kajian tambahan ke atas punca keretakan. Mereka bentuk dan menyediakan lukisan pembaikan yang terperinci serta memantau keretakan jejambat dalam usaha menghasilkan cadangan pembaikan terbaik.

Jabatan Kerja Raya juga telah mengarahkan kontraktor untuk menjalankan projek kerja-kerja pembaikan saluran dan mengadakan penutup kalis air dengan serta-merta. Jabatan Kerja Raya sekali lagi telah mengarahkan kontraktor supaya membuat pesanan tempahan bahan kalis air untuk mengawal keretakan kerja-kerja pembaikan saluran yang tersumbat, pecah dan terbuka masih berterusan sehingga kini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada cadangan pembaikan yang komprehensif dan terbaik, jemaah Menteri telah membuat keputusan bersetuju melantik perunding *Leonard, Arnolt and Partners*, dengan izin, dari negara Jerman. Dalam tempoh yang sama tender telah dipanggil di kalangan kontraktor-kontraktor tempatan untuk kerja-kerja pembaikan mengikut cadangan perunding LAP. Lembaga Tender Kementerian Kerja Raya telah melantik 'Bridgegates Sdn. Bhd' untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan jejambat utama MRR2. Tarikh pemilikan tapak oleh 'Bridgegates Sdn. Bhd' adalah pada 10 Mac 2006 dengan harga kontrak RM69.9 juta dan kerja-kerja pembaikan dijangka siap pada akhir Julai 2006.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi bukit mas telah membangkitkan mengenai pembinaan jalan raya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong.



**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat, penjelasan. Di sini juga pada 11 Oktober lalu Yang Berhormat sendiri kata pembaik pulih struktur dijangka dapat dimulakan pada November 2005. Yang Berhormat cakap sendiri kerja ini akan mengambil masa sembilan bulan. Ini waktu itu, 11 Oktober. Tadi Yang Berhormat kata bukan ini. Jadi, ada tidak serupa cakap tadi. Tidak begitu konsisten. Tidak tahulah macam mana.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bersama dengan saya, berhadapan dengan saya, duduk sana berdiri lima enam kali minta soalan yang sama, saya pun sudah jawab. Mula-mula kita telah lantik juru perunding yang lain. Selepas itu, kerajaan telah mengambil keputusan untuk melantik juru perunding dari negara Jerman dan hari itu saya sudah jelas. Yang Berhormat pun duduk di hadapan saya, saya sudah jelas kerja ini sedang dijalankan sekarang dan akan selesai pada penghujung bulan Julai. Sudah sekali lagi saya cakap, sekali lagi, sekali lagi, sekali lagi *[Disampuk]* penghujung bulan Julai dan kita boleh membuka jalan ini pada bulan Ogos. You cuba tengoklah dalam rekod.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini kenyataan Yang Berhormat sendiri. 3 hari bulan Yang Amat Berhormat mengumumkan dan kemudian ada kenyataan kata kita hendak mulakan 7 Februari lagi, dan hari ini kita bermula 10 Mac. Jadi, saya pun peninglah macam mana tiap-tiap kali tidak serupa. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kalau....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini masalah kitalah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau pening tidak payah.....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya sebutkan di sini kerana.....

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Panadol! Panadol!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Kalau kepala pening, Tuan Yang di-Pertua, *panadol* lebih baik. *[Ketawa]* Makan *panadol*. Saya sudah umum dalam Dewan ini jemaah Menteri sudah mengambil keputusan. Mulanya kita mulakan kerja untuk menjalankan kerja *water proofing*. Itulah cadangan-cadangan daripada pakar-pakar perunding yang telah dilantik lebih awal daripada pelantikan juru perunding oleh kerajaan.

Selepas itu, hari ini kita lantik bukannya, Tuan Yang di-Pertua, esok boleh mula kerja. Juru perunding baru mesti menyiapkan pelan mereka. Selepas pelan itu siap dan mesti dihantar ke Jabatan Kerja Raya untuk mengawasi macam mana pelan-pelan itu, ada betul atau tidak. Dan, selepas itu kita akan bagi tawaran kepada kontraktor. Kalau saya ambil kerja ini bagi sama satu orang, ambillah buat kerja Yang Berhormat lagi tanya. Apa pasal tidak panggil tender! Apa pasal ini tidak ada? Apa pasal itu tidak ada? Apa pasal ini tidak ada?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Senang sahaja cakaplah Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah cakap banyak kali perkara ini. Dengarlah saya cakap! Yang Berhormat jangan tipu-tipulah. You duduk dalam *Public Accounts Committee*, satu kali bila di hadapan Ketua Pengarah Kerja Raya, dua minta 250 soalan. Semua jawapan you dapat, lagi mari sini, *you* soal kepada saya seperti you tak tau apa yang berlaku, tak betul!! *[Ketawa]*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Apa ini Kepong? *[Ketawa]*.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *you are the member of the Public Accounts Committee*. Di hadapan *Public Accounts Committee*, Ketua Pengarah Kerja Raya dan juga juruperunding, dia ada beberapa soalan telah dibangkit, semua soalan sudah jawab. Yang Berhormat sudah tahu, semua apa yang dah berlaku. Tapi, sampai ke Dewan Rakyat ini, tanya ini tak tau, itu tak tau. Apalah ini!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat, penjelasan lagi. Kalau nak ikut Ketua Pengarah, itu lebih dahsyat. Pada 9 Disember, dia kata, dia tunjukkan itu semua reka bentuk dan semuanya termasuk dia *framekan* rangka dan sebagainya, kita tunjukkan di sini. Dan waktu itu, 9 Disember, dia hendak tanya. Dia nak keluarkan surat kepada pihak kontraktor Bumihiway Consortium, dan mengarah mereka dalam tempoh dua minggu. Lebih dahsyat lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Apa yang dahsyat Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ha, kalau ikut PAC. Lebih dahsyat!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja ini sedang mula dijalankan oleh kontraktor Bumihiway dan juga rakan-rakan mereka. Selepas itu, kerajaan sudah memutuskan tidak mahu gunakan apa yang direka bentuk oleh Syarikat Halcrow lagi. Sudah putus! Kerajaan putus, Jemaah Menteri putus. Jemaah Menteri sudah bersetuju, kerja ini mesti dijalankan oleh konsultan dari Jerman. Harga sudah bagi, harga sudah lulus oleh Jemaah Menteri.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja sudah dimulakan sekarang. Ada jugalah banyak pihak sudah jadi jurutera sekarang. Banyak pihak-pihak, malam-malam pergi sana. Malam-malam pergi sana, berdiri sana, minta gambar TV3 ambillah, ambillah, ambillah! Oh, ini sudah rosak, itu sudah rosak.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kepong duduklah Kepong, ikut peraturan Kepong!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Siapalah ini masuk dalam mahkamah, baru dia jawab. Siapa yang tidak bertanggungjawab untuk pergi ke kawasan di mana kita kerja. Pergi kacau, kacau kontraktor!! Siapa yang buat kerja itu? Hari-hari tunjuk ke TV3, TV4, TV5. *[Ketawa]*. Satu hari, mesti bertanggungjawab kepada rakyat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kepong, duduklah Kepong, ikut peraturan Kepong!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *Engineer* Kepong! *[Ketawa]*

**Timbalan Yang Di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Kepong bangun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, bukannya saya tak mahu jawab kepada Yang Berhormat. Saya hormat dia, bukan saya tak hormat. Tetapi perkara ini sudah diambil sebagai satu perkara serius oleh kerajaan. Kerajaan sudah putuskan iaitu kita mula dengan satu jurutera daripada Jerman. Oleh kerana jurutera asal menunjukkan kepada kita yang 13 tiang dan rasuk sahaja yang kita akan perbaiki. Selain daripada itu, kita mesti memantau. Tapi perkara ini sudah dihantar sebelum kita membuat keputusan. Dengarlah Yang Berhormat! Tolonglah! Dengarlah!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Buat catatan]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia buat catatan, dia buat catatan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Boleh dengar? Jemaah Menteri minta mana satu jurutera akan dilantik sekali lagi. Mahukah kita teruskan dengan Consultant Halcrow, atau mahukah kita akan melantik ini 'Leonard, Arnolt & Partners'? Lagi Jemaah Menteri memutuskan perkara ini, kita di Jemaah Menteri tidak boleh diputuskan oleh, ini semua perkara terkandung dengan semuanya kejuruteraan. Oleh kerana hantar kepada Lembaga Jurutera. Minta kepada Lembaga Jurutera mengadakan mesyuarat dan memutuskan mana satu jurutera boleh dilantik? Lembaga Jurutera daripada 20, 10 orang jurutera ahli Lembaga telah memutuskan iaitu kerja ini, reka bentuk ini diberi oleh 'Leonard, Arnolt & Partners' boleh diterima.

Selepas itu, satu kertas kerja telah dihantar kepada Jemaah Menteri. Aturan kerajaan Yang Berhormat, mahu belanjakan wang kerajaan mesti diadakan kelulusan daripada Jemaah Menteri. Ini Jemaah Menteri hantar kertas kerja balik kepada Jemaah Menteri. Jemaah Menteri kata, mengikuti dengan pengesyoran daripada Lembaga Jurutera Malaysia, kita akan melantik Leonard, Arnolt & Partners. Selepas itu sahajalah kita melantik jurutera baru. Syarikat jurutera baru.

Sebab itu dalam bulan Februari, bulan Februari lagi kita bagi masa untuk mereka menghantar pelan-pelan semua. Ini pelan. Ini mesti diserahkan. Tak apalah kasi dia pergilah. Saya minta Yang Berhormat, perkara ini kerja sudah jalan. Kerja sudah mula, pemasangan sedang berlaku. Malam-malamnya kita menghadapi banyak masalah kesesakan lalu lintas. Ada juga Yang Berhormat telah menghantar saya sms tadi, minta saya mengambil tindakan untuk mengatasi. Kita mesti mengadakan masa untuk bekerjalah Yang Berhormat! Bila kita ada misai ya, tak boleh minum kanji tau!! *[Ketawa]*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia misai tiada, janggut tiada! *[Ketawa]*.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Kita mesti adakan satu, kanji ke atau misai. Kita mahu juga kerja dengan segera. Lagi ada juga meminta mengapa jalan-jalan ditutup. Jadi semuanya kita sudah ambil, kerana kita mula kerja-kerja yang menaikkan tiang, memasang itu semua berlaku daripada pukul 12.00 malam hingga pagi pukul 6.00. Oleh kerana kita mahu juga..

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kepong, tak bangunkah Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Saya menggalakkan. Saya tak pernah cakap dengan *engineer* di situpun. Saya tak pernah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** *Not, not.* Saya bukan tuduh-menuduh kepada Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Oh, ya, ya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ada pihak-pihak membawa kamera ini, kamera itu. Dia kata ini sudah tidak betul, ini tidak betul, tidak bertanggungjawab! Ini permainan-permainan dalam kejuruteraan ini, satu hari siapa-siapa pun dia kena. Oleh kerana bila kita sampaikan..

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya tak pernah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Bukan Yang Berhormat. Saya kata pihak-pihak lain, bukan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Oh, oh, oh!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ada juga banyak orang pergi sana.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina].*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, itu kawasan saya pun tak pernah buat macam itu juga.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yang Berhormat, nanti ya. Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen, bila-bila masa you pergi pun saya tak marah. *[Dewan riuh].*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Oh! Oh!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Bila? Esok pagi mahu, malam pukul 12.00 nanti pun boleh!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tiap-tiap, tiap-tiap hari saya melepasi kawasan situ. *[Ketawa].*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja ini sedang dijalankan dengan baik. Saya sudah dapat semua laporan. Saya harap juga kerja-kerja ini, diselesaikan dalam penghujung bulan Julai, kita akan membuka jalan itu dalam bulan Ogos. Selepas itu saya percaya sudah selesailah masalah-masalah yang dihadapi oleh kita. Oleh kerana sekarang kita memperbaiki 31 tiang. Bukannya 13 tiang seperti apa yang dicadangkan oleh Halcrow & Partners. Tuan Yang di-Pertua, ahli Yang Berhormat dari Bukit ..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan, penjelasan. Sebelum Yang Berhormat alih kepada isu yang lain, saya sabar, tunggu dengar penjelasan Yang Berhormat Menteri. Tapi apa, beberapa perkara yang mungkin pun harus dijelaskan.

Sungguhpun ada keterangan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa keputusan dibuat oleh Kabinet bahawa perunding Jerman dipilih untuk menjalankan kerja itu pada bulan Februari tetapi bukannya benar bahawa pada awal-awalnya JKR sudah bercadang bahawa perunding Jerman patut dipilih untuk kerja ini tetapi Yang Berhormat Menteri rasa patutlah Halcrow dan akibatnya ini adalah "*Third War*" antara Yang Berhormat Menteri dengan JKR yang mana nampaknya Yang Berhormat Menteri kalah.

Tetapi masalahnya ialah kenapa ini patut dibenarkan berlaku sehingga ada kelewatan untuk memperbaiki keretakan selama 14 bulan lebih kurang dan akhirnya satu bil yang begitu tinggi daripada anggaran yang asal RM18 juta sehingga RM40 juta dan sungguhpun perbelanjaan ini dimajukan, di"*advance*"kan oleh kerajaan tetapi kalau akhirnya Bumihway mampu untuk membayar, apa akan berlaku. Tidak guna untuk ambil tindakan terhadap sesiapa kalau akhirnya kosong sahaja.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Ketua Pembangkang, bukanlah rasa saya untuk melantik Halcrow. Halcrow itu telah disyorkan oleh Jabatan Kerja Raya pada masa itu. Apa yang disyorkan oleh pakar-pakar sedia ada di JKR, menteri kena bawa itu kepada Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri bersetuju. Sekembalinya bila sudah mula, sudah selesai lebih kurang setengah kerja, ada juga ketua pengarah baru.

Ketua pengarah baru menyatakan sistem ini tidak sesuai. Oleh kerana itu kita mesti melantik Leonard, Arnolt and Partners. Walaupun saya sudah ada beberapa salah faham atau kurang fahaman dengan beliau, minta mengapakah dahulu diberi nama itu, sekarang beri nama ini. Selepas itu perkara ini telah dihantar pergi ke Jemaah Menteri sekali lagi. Jemaah Menteri sudah duduk, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah melihat dalam perkara ini dan berbincang nama, saya telah membangkitkan isu ini. Dahulu pun nama adalah daripada mereka. Sekarang pun nama daripada mereka juga.

Jadi perkara ini menteri tidak boleh buat keputusan, Menteri mesti menunggu keputusan daripada Jemaah Menteri. Jadi sekarang Leonard, Arnolt and Partners, Jemaah Menteri telah memutuskannya. Okey, menteri kata kita teruskan dengan Halcrow oleh kerana telah disyorkan oleh JKR dahulu. Ketua pengarah baru mengesyorkan ini bagaimana satu. Okey, hantar perkara ini pergi ke Lembaga Jurutera Malaysia, dilantik oleh menteri tetapi Lembaga Jurutera Malaysia menyatakan Halcrow mahu juga memperbaiki 11 tiang atau 13 tiang sahaja tetapi juru perunding Jerman mahu juga memperbaiki sejumlah 31 tiang. Dia kata ini lebih baik. Kita mahu memperbaiki kerja ini, buatlah sekali gus. Jangan kita buat sekarang, lagi setengah, lagi enam bulan atau lagi tiga bulan, lagi sembilan bulan kita dapat masalah lagi.

Jadi kedua-dua cadangan itu telah dihantar kepada Jemaah Menteri, Jemaah Menteri bersetuju, kita boleh juga melantik Leonard, Arnolt and Partners. Okey, apabila sudah diputuskan, keputusan Jemaah Menteri saya ikutilah. Saya jadi pekerja kepada Jemaah Menteri. Apa dia kata bikin, itu yang saya bikin. Kata saya jangan bikin, saya tidak bikin. Walau macam

mana pun, Yang Berhormat kata tadi ini rasa saya, ini bukan rasa saya. Saya tidak ada cadangan untuk melantik siapa-siapa. Mana-mana satu perkara, kita mahu juga kandungan daripada jurutera-jurutera atau ada juga daripada JKR, mesti kita rujuk perkara itu kepada JKR untuk mendapat pandangan daripada mereka. Jadi itulah perkara yang telah berlaku. Sudah selesai Yang Berhormat? Ada lagi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, terima kasih. Mengenai penjelasan Yang Berhormat. Tetapi akhirnya siapa yang akan bertanggungjawab mengenai kepincangan ini? Menteri tidak bertanggungjawab, JKR tidak bertanggungjawab, Kabinet tidak bertanggungjawab, akhirnya rakyat yang menjadi mangsa, bukan? Kelewatan 14 bulan dan akhirnya bil yang lebih tinggi daripada RM18 juta iaitu RM40 juta. Adakah ini bererti keputusan Kabinet yang pertama kali silap atau tidak ada sesiapa yang perlu menanggung tanggungjawab atas *in skeptical problem* ini?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang, hari ini saya tidak mahu cakap Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Yang Berhormat Ketua Pembangkang, hari inikah, esokkah, 10 tahun akan datangkah, Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab. *[Disampuk] [Tepuk]* Tadi Yang Berhormat kata rakyat sahaja bertanggungjawab, kita tidak bertanggungjawab. Kerajaan bertanggungjawab. Oleh kerana itulah kita mahu juga menjalankan kerja ini dengan baik. Kita tidak mahu apa-apa masalah kepada rakyat.

Kita bertanggungjawab kepada rakyat bukan sekarang sahaja, sudah lebih daripada 49 tahun. Sekarang sudah dekat. 50 tahun. Dalam tempoh 50 tahun ini tidak ada masanya kerajaan tidak bertanggungjawab kepada rakyat. Walau bagaimanapun saya ucap terima kasih oleh kerana Ketua Pembangkang bagi peluang kepada saya untuk memberi penjelasan ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Okey, lagi satu mengenai isu ini. Adakah kelewatan selama 14 bulan ini menyebabkan keperluan di mana bukan sahaja 18 tiang perlu diperbaiki tetapi kesemua 33 tiang. Adakah ini satu *consequent* oleh kerana kelewatan itu dan bukannya ini bererti bahawa ada satu harga mengenai masalah antara sama ada JKR, kementerian atau "*Third War*" atau apa-apa itu dan tadi saya pun ada tanya Bumihway tidak mampu untuk bayar itu, sekarang kerajaan bagi *advance*, tetapi adakah Bumihway ada satu *guarantor* supaya ia tentu akan bayar balik.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah cakap Bumihway tidak bertanggungjawab. Mana ada saya cakap? Saya tidak pernah cakap. Saya tidak boleh cakap seperti itu. Bumihway akan diminta selepas ini satu perbincangan akan diadakan bersama dengan Bumihway dengan kerajaan, macam manakah perkara ini akan dapat diselesaikan? Kalau perkara ini diselesaikan, ini mesti diputuskan oleh Kementerian Kewangan. Kami akan hantar ini kepada Kementerian Kewangan.

Kementerian Kewanganlah pada akhirnya akan memutuskan mana satu yang betul. Mahukah kita denda? Mahukah kita batalkan dia punya lesen? Mahukah kita teruskan dengan

kerja ini? Lain masa akan datang, mahukah kita bagi kerja kepada syarikat itu? Semuanya akan diputuskan oleh Kementerian Kewangan. Kami jadi ejen untuk melaksanakan keputusan-keputusan Kementerian Kewangan dalam kontrak – kontrak itu, tawaran kontrak, berbincang berkenaan dengan harga kontrak – semuanya kita jadi ejen kepada Kementerian Kewangan untuk menjalankan tugas yang diberi kepada kita oleh Kementerian Kewangan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita faham tetapi kalau perkara mengenai bagaimana boleh memaksa atau memastikan bahawa Bumihway bertanggungjawab selepas semua telah selesai, semua *repair job* sudah dibuat, bukankah akhirnya Bumihway atau sesiapa dalam keadaan itu, dengan izin, *get away scot-free*. Bukankah sebenarnya semua ini patut diselesaikan sebelum perkara ini dijalankan, *not after the event, but before the event*.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu macam mana Yang Berhormat Ketua Pembangkang boleh juga membenarkan Bumihway *get away scot-free*. Tidak boleh! Tiap-tiap perkara pun ada juga tanggungjawab. Tunggulah sikit hari. Sekarang saya tidak boleh jawab itu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tengok MATRADE. MATRADE pun *got away scot free* - kontraktor yang asallah. [Disampuk]

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang, mana MATRADE punya *contractor* yang sudah lari? Sekarang kita sudah hantar fail ini kepada Peguam Negara untuk memasang kes ke atas MATRADE. Mana dia boleh lari? Kalau dia kembali ke dunia yang lain, itu kira lainlah. [Ketawa]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tapi jangan satu *paper judgment*lah. *Paper judgement* sahaja. [Disampuk]

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu macam mana Yang Berhormat jadi seorang peguam. Bila ada *judgment, judgment is a judgment*, dengan izin. *Whether it is a paper judgment is not a paper to judgment. Judgment is a judgment*,

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kepada rakyat - kerajaan, *paper judgement* mustahak tidak guna.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Apa-apa yang kita mahu itu, perkara ini sudah di bicara atau tidak. Bila kita bicara, kita dapat *judgment*, dengan izin *judgment is a judgment*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Judgment*, kalau tidak dapat bayaran balik, apa guna? Tak boleh ...

**Seorang Ahli:** *Contempt of Court*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Menteri Kerja Raya telah menjawab dengan jelas. Saya harap Menteri Kerja Raya teruskan dengan jawapan yang lain.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mas telah membangkitkan mengenai pembinaan jalan raya dari...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kepong, sudahlah Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sebelum...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya cadangkan Yang Berhormat buat satu lebuhraya dari rumah di Kepong sampai ke Parlimen. Selesai masalah, saya ingat. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Penjelasan. Penjelasan. Ini Yang Berhormat bagi Jerai pun hendak tahu juga. Yang Berhormat mesti hendak tahu, tanya beberapa kali tadi. Sekarang dia hendak tunjukkan begitu setia kepada Sungai Siput. Yang Berhormat...

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ahli Parlimen tidak payah tunjuk setia kepada saya, setia kepada kerajaan. *[Ketawa]* Yang Berhormat teruskanlah. Masa tidak cukup. Ada lagi 58 minit sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ya. Saya akan jimatkan masa. Yang Berhormat ...*[Disampuk]* Soalan ini...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini soalan ni. Tunggulah, tunggu. Tunggu, Sri Gading. Tunggu. Ya, ya. Saya ada nampak MMR2, di *Middle Ring Road* juga, pada kontraktor yang sama misalnya ada *frame work* di Ampang dan sebagainya - *frame work* yang naik, apa maksud itu? Kita ada jejambat tetapi ia masih ada *prop* dan sebagainya ...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Itu mahu *repair*lah Yang Berhormat. Apalah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Itu bukan MRR2, MRR yang lain. Bukan luar tajuklah. Ini kontraktor yang sama. Saya pun hairan juga, kalau ada *prop prop* di MRR yang lain dan sekarang ada di MRR2 dengan kontrak yang sama, saya pun begitu hairan, mengapa? Mengapa ini berlaku?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat bagi Kepong mahukan penjelasan yang lebih terperinci, saya boleh minta jurutera saya bagilah. Okey? Sudah cukup?

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mas telah membangkitkan mengenai pembinaan jalan raya dari Lawas ke Ba'Kelalan dan seterusnya ke Bario. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya memang prihatin dan mengambil berat akan kesukaran rakyat yang tinggal di kawasan Bario dan Ba'Kelalan Sarawak.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan sebuah projek jalan untuk menghubungkan Lawas dan Ba'Kelalan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.



Projek tersebut dinamakan sebagai projek membina jalan Lawas - Long Lopeng - Long Semado - Ba'Kelalan. Projek ini melibatkan pembinaan jalan raya sepanjang 120 kilometer dan ia dianggarkan bernilai sebanyak RM530 juta.

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bukit Mas bangun.

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Saya bagi pihak rakyat di kawasan saya, khususnya di daerah Lawas dan Ba'Kelalan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan *[Tepuk]*, khususnya juga kepada pihak kementerian dan Yang Berhormat Menteri sendiri. Saya berharap jalan raya ini akan dapat direalisasikan dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Kesembilan.

Selain daripada itu Yang Berhormat Menteri, satu keperluan di kawasan saya iaitu di sepanjang Lebuhraya Pan Borneo Highway yang bermula dari Kuching ke Lawas, satu jambatan di Sungai Terusan diperlukan dan ini disebabkan sungai itu cetek. Feri yang digunakan di situ tidak dapat menyeberangi apabila keadaan sungai ini cetek. Jadi, mintalah pihak kementerian supaya juga dapat meluluskan pembinaan jambatan ini dalam RMK-9. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan daripada Yang Berhormat itu saya akan bincang dengan kementerian dan juga Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak. Selepas itu saya akan kembali kepada Yang Berhormat, ya?

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Lipis dan Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah telah membangkitkan agar kajian mengenai sebab-sebab utama kemalangan jalan raya berlaku. Ahli-ahli Yang Berhormat turut membangkitkan mengenai penyelenggaraan dan keadaan jalan-jalan persekutuan di seluruh negara serta mengenai tindakan memperelok kawasan-kawasan kemalangan ataupun dengan izin, *black spot* agar kadar kemalangan jalan raya dapat dikurangkan terutamanya di jalan Lipis ke Gua Musang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kemalangan jalan raya adalah dengan melaksanakan program penyelenggaraan dan pembaikan di lokasi-lokasi yang kerap berlaku kemalangan. Di samping itu, kementerian juga telah mengadakan program pemantauan musim perayaan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia menerusi Ops Sikap. Program ini juga dilaksanakan dengan kerjasama pihak syarikat konsesi, penyelenggaraan jalan persekutuan yang mengadakan pemantauan berterusan semasa musim perayaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara tugas-tugas lain yang dilaksanakan dalam program ini adalah program pengurusan trafik, kerja-kerja kecemasan, pemasangan papan tanda, amaran di kawasan kemalangan dan juga penyelenggaraan awal jalan raya. Keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama di antara kerajaan dan pengguna jalan raya.

Pendekatan untuk menangani kemalangan jalan raya meliputi tiga aspek penting iaitu kejuruteraan, pembelajaran dan juga penguatkuasaan undang-undang. Kementerian Kerja Raya bertanggungjawab untuk menangani aspek kejuruteraan dan jalan raya. Berdasarkan kepada laporan polis di antara Malaysia ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, minta sedikit penjelasan. Manakam.

Yang Berhormat, saya melihat kerana saya selalu menggunakan lebuh raya daripada Kedah ke Kuala Lumpur, pasukan peronda lebuh raya (PLUS) membaiki kenderaan yang rosak di tepi jalan dan sebagainya. Tetapi Yang Berhormat, saya dapat melihat juga lori-lori di sebelah malam lampu kepala ada, ekor tidak ada lampu.

Jadi ini berbahaya. Kadang-kadang dalam hujan kita tidak nampak ada lori di hadapan dan kalau boleh supaya pasukan peronda lebuh raya juga bukan sekadar menolong kereta yang rosak, tetapi juga menahan lori-lori ini supaya mereka memastikan lampu-lampu belakang lori dan bas berfungsi semasa berjalan di lebuh raya kerana kebanyakan kemalangan yang merempuh di belakang ini adalah disebabkan oleh ketiadaan lampu belakang kenderaan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat tadi. Lori-lori atau kenderaan yang rosak di sesetengah jalan itu kadang-kadang kita dapat panggilan daripada mereka, maka dengan serta-merta kita membantu mereka untuk keluar dari kawasan itu. Ada juga lori-lori tidak memberitahu, tidak memakai lampu pada akhirnya, pada malamnya kita tidak melihat sama ada, ada lori berhenti atau tidak di sana. Semua ini saya sudah memberi arahan kepada PLUS. Sama ada dia panggil atau tidak bila kita dapat kompelin daripada mana-mana pihak dengan serta-merta kita tarik lori tersebut. Dan minta dia bayar untuk dikeluarkan lori dari kawasan itu.

Berdasarkan kepada laporan Polis Diraja Malaysia punca utama kemalangan jalan raya ialah akibat kecuaiannya pemandu yang menyumbang hampir 80%. Selebihnya faktor-faktor kemalangan adalah disebabkan oleh faktor mekanikal seperti kerosakan kenderaan dan sebagainya. Hanya peratusan yang kecil kemalangan berlaku akibat dari keadaan jalan raya. Dari aspek kejuruteraan Kementerian Kerja Raya melaksanakan tiga program keselamatan jalan raya secara berterusan. Program-program tersebut adalah seperti berikut:

- Program-program memperelok kawasan bahaya *black spot* dengan izin yang melibatkan 154 lokasi.
- Program keselamatan jalan raya melibatkan 135 lokasi.
- Program membina lorong motosikal melibatkan 15 lokasi.

Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan sebanyak RM224.7 juta bagi melaksanakan ketiga-tiga program ini di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, manakala dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM335.5 juta telah dipohon untuk ketiga-tiga program tersebut. Selain daripada tiga program yang khusus ini semua projek-projek jalan baru dan menaik taraf jalan raya disyaratkan supaya lulus audit keselamatan jalan dan proses ini akan memastikan semua aspek keselamatan telah diambil kira sebelum jalan dibuka sepenuhnya kepada orang ramai.

Kementerian Kerja Raya juga memastikan kesemua jalan diselenggarakan dengan baik dan setiap tahun kementerian membelanjakan sebanyak RM555 juta untuk menyenggara jalan raya Persekutuan di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selanjutnya kadar kematian yang disebabkan oleh kemalangan jalan raya telah menunjukkan kadar yang menurun dari 5.0 kematian setiap 10 ribu kenderaan berdaftar. Pada tahun 2003 - 4.5 kematian, pada tahun 2004 pula 4.1 kematian dan kematian pada tahun 2005....

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pontian telah membangkitkan mengenai peranan CIDB dalam memperkenalkan teknologi baru bagi mengembangkan teknologi yang digunakan dalam sektor pembinaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat CIDB dalam usahanya untuk memperkenalkan pendekatan baru dan membangunkan industri pembinaan di negara kita telah melaksanakan pelbagai aktiviti seperti penggalakan penggunaan sistem binaan perindustrian (IBS), penyelidikan dan pembangunan tentang kaedah dan bahan binaan alternatif, mengembangkan penggunaan ICT dalam pembinaan, pembangunan standard dan garis panduan pemantapan kualiti pembinaan, peningkatan pengetahuan mengenai teknologi bagi melahirkan *knowledge players*, dengan izin dalam industri pembinaan serta mempromosikan amalan terbaik dengan izin, *the best practice*.

Salah satu aspek pembangunan teknologi dalam bidang industri pembinaan yang sedang giat diperkenalkan adalah penggunaan sistem pembinaan perindustrian (IBS). Tujuan CIDB menggalakkan penggunaan IBS adalah untuk mempertingkatkan produktiviti kualiti serta mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja tidak mahir. Pendekatan tersebut sedang giat dilaksanakan menerusi dengan izin, IBS Road Map 2003 hingga 2010 yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2003.

Menerusi Road Map tersebut tindakan bersepadu yang melibatkan semua pihak yang terlibat dalam industri pembinaan akan diselaraskan dalam pelaksanaan program-program berteraskan 5M iaitu dengan izin, *Manpower* (Sumber Manusia), *Material* (Bahan), *Monitory* (Kewangan), *Marketing* (Pemasaran) dan *Method* (Kaedah).

Bagi mencapai matlamat penggunaan teknologi IBS dalam industri pembinaan berbagai-bagai arahan dan insentif telah diumumkan oleh kerajaan seperti penggunaan IBS dalam projek-projek kerajaan, pematuhan piawaian MS 1064 bagi komponen IBS, pengecualian

levi bagi projek-projek yang menggunakan lebih 50% komponen IBS serta memberi insentif elaun model untuk pengeluaran IBS dalam bentuk pengecualian cukai bagi pembelian acuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan IBS ini sentiasa dipantau oleh satu jawatankuasa peringkat kementerian untuk memastikan keberkesannya. Di samping itu menyedari perlunya satu hala tuju yang meliputi seluruh aspek berkaitan dengan industri pembinaan CIDB dengan sokongan dan kerjasama semua pihak yang terlibat telah menyediakan satu pelan induk industri pembinaan. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *construction industry master plan* untuk tempoh 10 tahun akan datang. Pelan induk ini menggariskan beberapa teras strategi ke arah mengujudkan satu industri yang dinamik, produktif serta mampu memberikan sumbangan positif kepada ekonomi negara kita. Adalah dijangkakan kertas cadangan mengenai pelan induk tersebut akan dibentangkan untuk pertimbangan kerajaan sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batu Kawan telah membangkitkan mengenai pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kajian kemungkinan bagi pembinaan jambatan kedua ini telah pun disiapkan dan kerajaan sedang mempertimbangkan pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang tersebut. Walau bagaimanapun, bagi menampung pertambahan trafik di jambatan Pulau Pinang yang sedia ada, kerja-kerja pelebaran jambatan sedia ada daripada 2 lorong kepada 3 lorong telah dimulakan pembinaannya pada 23hb September 2005 yang bermula dengan kerja-kerja pelebaran Plaza Tol, kemajuan kerja pembinaan Plaza Tol di tapak ialah 30.76% di mana kerja-kerja *pile embankment* dengan izin yang terdiri dari kerja pemotongan '*pile head*', kerja tanah, *piling* dan *concrete slab* serta *earth piling* sedang giat dilaksanakan. Kerja-kerja pemasangan '*toll boot*' sementara untuk motosikal dan pelebaran jalan Arau-Prai juga sedang giat dilaksanakan oleh pihak kontraktor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja awalan pembinaan lorong ketiga bagi struktur utama jambatan Pulau Pinang telah pun bermula 27 Disember 2005 yang lalu dan dijangka siap pada 22 September 2008. Apabila siap kelak ia dijangka dapat mempertingkatkan lagi perhubungan antara Tanah Besar dan Pulau Pinang serta mengurangkan kadar kesesakan yang berlaku pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, khasnya kepada Kepong dan ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih. *[Disampuk]* Yang telah mengambil bahagian dan menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah di-Raja. Jika ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tetapi tidak dijawab sila maklumkan kepada saya supaya penjelasan secara bertulis dapat diberikan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi dijemput beri ucapan.

**6.21 ptg****Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:**

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, Mambong, Kelana Jaya, Ipoh Timor, Tangga Batu, Sandakan, Kinabatangan, Bera, Kudat, Rasah, Tebrau, Kubang Kerian, Kepong, Serdang, Kuala Selangor dan Sik yang sudi berkongsi pandangan dan cadangan menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi sepanjang sesi Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Di-Raja 2006.

Mengikuti sesi perbahasan yang telah berlangsung dari 14 hingga 27 Mac pelbagai isu penting dan cadangan bernas telah diutarakan yang akan diberi perhatian yang serius oleh kementerian ini. Secara keseluruhannya antara isu-isu berkaitan dengan kementerian yang telah menarik minat Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau boleh saya rumuskan adalah merangkumi isu kecekapan penggunaan tenaga dan air, peningkatan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui, *renewal energy*, penstrukturan tarik elektrik, prestasi perkhidmatan TNB, masalah perkhidmatan bekalan elektrik dan air, cadangan terhadap Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara' sistem pembetulan berpusat, tarif air untuk pangsapuri, fungsi kawal selia industri, penyiaran, perkhidmatan internet broadband dan telefon selular.

Bagi industri tenaga, kecekapan penggunaan tenaga, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah telah meminta supaya ditingkatkan kesedaran pengguna terhadap kecekapan penggunaan sumber tenaga. Kementerian ini dengan kerjasama Suruhanjaya Tenaga, Pusat Tenaga Malaysia (PTM) dan Center of Education And Training of Renewable Energy and Energy Efficiency (C3) telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk meningkatkan kesedaran terhadap penggunaan tenaga secara cekap. Pendekatan yang digunakan merangkumi aspek-aspek promosi, perundangan dan pelaksanaan projek-projek kerjasama antarabangsa.

Setiap tahun pelbagai seminar, bengkel dan persidangan dianjurkan untuk memberi kesedaran terhadap kepentingan penggunaan tenaga dengan cekap. Tumpuan turut diberikan kepada sektor industri yang merupakan sektor kedua terbesar dari segi penggunaan tenaga selepas sektor pengangkutan. Tenaga boleh diperbaharui, *renewable energy*. Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pembangunan sumber tenaga boleh diperbaharui yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, Mambong dan Sik, sukacita dimaklumkan bahawa kementerian ini telah memperkenalkan beberapa program utama dalam usaha memperkembangkan pembangunan *renewable energy*.

Antaranya ialah program jana kuasa kecil tenaga yang boleh diperbaharui, *Small Renewable Energy Program* atau SREP, dengan izin. *Program Malaysian Building Integrated Photovoltaic Project* (MBIPV), dan program *Bio-mass based Power Generation and cogeneration in the Malaysian Palm Oil Industry* atau *bio-gen*. *Program Malaysian Building Integrated*

*Photovoltaic Project (MBIPV)* yang telah dilancarkan pada 26 Julai 2005 bertujuan untuk mempromosikan kegunaan *Photovoltaic TV* sebagai tenaga alternatif bagi menjana elektrik di bangunan. Program *bio-gen* pula diperkenalkan untuk menggalakkan usaha penjanaan tenaga elektrik melalui penggunaan *bio-mess* dan *bio-gas*.

Antara projek perintis yang sedang dilaksanakan di bawah program ini adalah penjanaan tenaga menggunakan sisa sawit iaitu salah satu bentuk *bio-mess*. Tenaga elektrik yang dijana ini bukan sahaja digunakan untuk menampung keperluan tenaga penjana itu sendiri tetapi ia juga dijual kepada TNB melalui program SREP. Adalah menjadi hasrat kerajaan bahawa projek ini akan menjadi contoh dan demonstrasi untuk lebih projek-projek yang serupa.

**Program SREP** - Program SREP telah mendapat perhatian khusus Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Sehubungan ini izinkan saya memberi penerangan lanjut mengenai program tersebut. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, program jana kuasa kecil tenaga yang boleh diperbaharui atau secara ringkasnya dikenali sebagai SREP telah dilancarkan kepada 11 Mei 2001 sebagai salah satu daripada usaha kerajaan untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga, boleh diperbaharui dalam penjanaan tenaga elektrik.

Semenjak dilancarkan sehingga sekarang, sebanyak 150 permohonan telah diterima bagi melaksanakan projek-projek di bawah SREP dan jumlahnya semakin bertambah setiap tahun. Ini menunjukkan kesedaran industri semakin meningkat terhadap penggunaan *Municipal Solid Waste (MSW)*, *Wood Waste*, *Landfills gas*, *Bio-Mess*, *Mini-Hidro* dan campuran bahan api sebagai tenaga alternatif untuk mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil yang terhad dan tertakluk kepada harga pasaran yang sentiasa berubah-ubah.

Dengan terlaksananya projek SREP para pemaju sektor ini secara tidak langsung berperanan untuk mengurangkan secara keseluruhan kesan pencemaran terhadap alam sekitar yang terhasil daripada pembakaran bahan api fosil. Sumbangan projek SREP juga mampu mengurangkan kebergantungan negara terhadap bahan api fosil sebagai bahan bakar, penjanaan tenaga elektrik seperti arang batu, minyak dan gas.

Pemaju-pemaju projek juga digalakkan untuk mengemukakan cadangan projek mereka untuk pertimbangan dan kelulusan di bawah program mekanisme pembangunan bersih, *Clean Development Mechanism (CDM)* di bawah *Kyoto Protocol* yang bertujuan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, *Green House Gasses (GHG)* seperti karbon dioksida dan gas metana yang menyebabkan kesan negatif kepada udara dan alam sekitar. Penglibatan dalam program CDM akan memberi peluang kepada pemaju tempatan untuk mendapat tambahan sumber kewangan untuk membiayai projek serta mendapat manfaat daripada hasil pemindahan teknologi daripada negara-negara yang membangun.

**Nuklear sebagai tenaga alternatif** - Tuan Yang di-Pertua, menyentuh cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat Tangga Batu dan Sik agar teknologi nuklear dibangunkan sebagai sumber tenaga alternatif. Suka saya maklumkan bahawa akan memberi perhatian dan pertimbangan terhadap aspek ini dalam kajian jangka masa panjang, pembangunan industri tenaga negara.

**Penstrukturan Tarif Elektrik** - Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga telah membangkitkan isu mengenai penstrukturan semula tarif elektrik. Saya ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan bahawa struktur tarif yang sedia ada sekarang tidak menggambarkan struktur kos pembekalan yang sebenar. Struktur tarif yang diguna pakai ketika ini telah digubal dalam tahun 1985, dan kali terakhir dikaji semula pada tahun 1997. Ini bermakna kadar tarif telah tidak berubah untuk tempoh selama 9 tahun. Kos pembekalan pada ketika itu adalah jauh berbeza dengan kos pembekalan yang ditanggung oleh TNB ketika ini.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, antara faktor-faktor yang diberi perhatian dalam kemungkinan cadangan penstrukturan semula tarif elektrik ialah seperti berikut:

- (i) peningkatan kos pembekalan yang meningkat sejajar dengan kenaikan kos bahan api;
- (ii) peningkatan kos bahan-bahan asas binaan dan kelengkapan;
- (iii) peningkatan kos operasi dan penyelenggaraan sistem;
- (iv) keperluan pelaburan yang tinggi untuk pembangunan infrastruktur dalam memastikan keboleharapan ataupun *reliability* sistem bekalan elektrik tidak terjejas;
- (v) Jumlah pendapatan hasil jualan elektrik tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan kos pelaburan modal.

Walau bagaimanapun, apa jua struktur tarif yang bakal dicadangkan kelak akan memberi perhatian dan tidak akan menjejaskan golongan berpendapatan rendah dan juga akan mengambil kira dengan kepentingan syarikat-syarikat yang menggunakan tenaga secara kuantiti yang besar. Mengenai cadangan oleh Ahli Yang Berhormat Tangga Batu dan dari Kubang Kerian agar kajian semula dibuat terhadap perjanjian jual beli tenaga PPA. Perkara ini sedang dalam penelitian pihak Suruhanjaya Tenaga yang akan menjalankan kajian menyeluruh mengenai penjana-penjana bebas IPP dan PPA. Ini mungkin salah satu cara untuk kita mungkin tidak memberi kalau boleh dapat mengekalkan tarikh pada hari ini. Sekiranya dapat dicari jalan bagaimanakah boleh diringkaskan tanggungan TNB kepada IPP ini.

Prestasi perkhidmatan TNB. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tangga Batu, turut membangkitkan isu prestasi TNB. Saya difahamkan bahawa TNB sentiasa berusaha untuk memperkembangkan kewangan dalaman dan pengurusan organisasinya termasuk menggunakan kaedah petunjuk prestasi utama atau *Key Performance Indicator* (KPI) supaya kekal menjadi sebuah utiliti yang berdaya saing. TNB juga prihatin untuk meningkatkan liputan, kecekapan dan

kualiti perkhidmatan pembekalan kepada pelanggan-pelanggannya. Antara langkah peningkatan kecekapan TNB yang telah diambil adalah di antaranya:

- (i) menyediakan 142 kedai Tenaga di seluruh Semenanjung Malaysia merangkumi perkhidmatan pembayaran bil, pertanyaan bil, akaun, permohonan bekalan baru, membuat aduan kecurian elektrik, masalah meter dan sebarang pertanyaan mengenai pembekalan elektrik;
- (ii) mewujudkan pusat khidmat panggilan *customer management centre* yang beroperasi 24 jam sepanjang tahun untuk melayan dan menguruskan panggilan mengenai aduan gangguan bekalan elektrik di seluruh Semenanjung;
- (iii) melantik seorang pegawai di setiap negeri dan kawasan sebagai pegawai perhubungan pelanggan untuk menjaga pengguna-pengguna di kawasan dan negeri berkenaan. Jabatan perkhidmatan pengguna dan pemasaran di peringkat ibu pejabat bahagian pembahagian ditugaskan untuk merangka strategi dan memantau pelaksanaan program peningkatan perhubungan pelanggan;
- (iv) menggiatkan usaha untuk mempertingkatkan pengetahuan pengguna-pengguna terutamanya dari segi kualiti kuasa keselamatan dan juga kecurian elektrik;
- (v) melaksanakan kaji selidik tahap kepuasan pelanggan *Customer Satisfaction Survey* (CSI) pada setiap tahun. Ia telah dilaksanakan oleh pihak ketiga iaitu syarikat perunding '*Taylor Nesson Softrace*' (TNS). Indeks ini digunakan oleh penanda aras tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan dan juga pembekalan tenaga elektrik; dan
- (vi) memberikan latihan berterusan kepada warga kerja bagi tujuan meningkatkan kepakaran kompetensi dan mutu perkhidmatan kepada pelanggan.

Secara purata TNB membelanjakan lebih daripada 60 juta ringgit setahun untuk program latihan ini.

Dana TNB dalam urusan melobi pertemuan Dr. Mahathir dengan Presiden USA. Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor, sukacita saya mengambil kesempatan menjelaskan bahawa tiada sebarang dana dari TNB telah digunakan dalam urusan melobi pertemuan bekas Perdana Menteri Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Presiden Amerika Syarikat.

Bekalan elektrik Sandakan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sandakan dan penerangan-penerangan yang telah diberikan dalam Dewan yang mulia ini kerajaan komited dalam merancang dalam melaksanakan pelbagai langkah bagi mengatasi masalah bekalan elektrik di negeri Sabah. Langkah-langkah yang



meliputi pelan jangka masa pendek dan panjang akan memberikan tumpuan kepada aspek-aspek peningkatan daya harap sistem dan memperkukuhkan kapasiti penjanaan sistem penghantaran dan pembahagian.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kecurian bekalan elektrik di kawasan Sandakan, adalah merupakan masalah yang sememangnya telah diberi perhatian oleh banyak pihak termasuklah aspek SESB, Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Bekalan Air, Majlis Perbandaran Sandakan dan Polis Diraja Malaysia. Ia adalah merupakan masalah sosial yang sukar diatasi dan memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak. Berdasarkan lokasi kecurian elektrik yang tertumpu kepada penempatan-penempatan pendatang asing tanpa izin PATI di sekitar kawasan Sandakan. Adalah dipercayai kebanyakan masalah kecurian adalah akibat tindakan PATI yang membuat sambungan haram bagi mendapatkan kemudahan asas tersebut. Pihak SESB telah berulang kali menjalankan operasi, memotong sambungan-sambungan haram yang dibuat oleh PATI namun penyambungan semula sering dibuat oleh penduduk yang terlibat sebaik sahaja pihak SESB beredar daripada kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian kecurian elektrik ini memberi implikasi negatif kepada pengguna-pengguna di mana gangguan bekalan elektrik sering berlaku akibat beban lampau dan kejadian litar pintas hasil daripada penyambungan-penyambungan haram tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa masalah-masalah penyambungan haram atau kecurian elektrik memang sukar diatasi. Selagi terdapat penempatan-penempatan haram di sekitar Sandakan. Dalam usaha mengurangkan masalah penyambungan haram, pihak SESB secara percubaan telah membekalkan tenaga elektrik secara sah kepada beberapa kawasan kecil seperti di Kampung Bangau-Bangau, Semporna, sungguh pun demikian usaha-usaha lebih bersepadu seperti menguatkuasakan undang-undang sedia ada bagi menangani masalah ini memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak bagi memastikan kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rasah pula membangkitkan isu bekalan elektrik di Negeri Sembilan. Kementerian ini sentiasa peka terhadap keperluan pengguna termasuk pihak industri yang memerlukan bekalan elektrik terjamin dan berdaya harap. Sehubungan ini TNB telah diarah untuk meningkatkan dan memperkukuhkan sistem bekalan elektrik di seluruh negara agar matlamat keselamatan bekalan elektrik *security of supply* dapat dicapai.

Bekalan elektrik ke perkampungan orang asli. Tuan Yang di-Pertua mengenai isu bekalan elektrik kepada penduduk-penduduk luar bandar dan masyarakat orang asli yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau, kerajaan prihatin terhadap keperluan penduduk-penduduk luar bandar dan masyarakat orang asli khususnya dalam penyediaan kemudahan asas termasuk bekalan elektrik bagi Semenanjung Malaysia Kementerian Kemajuan Luar Bandar Wilayah (KKLW) dengan pembayaran Tabung Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) yang diselaraskan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi mengenal pasti rumah-rumah di kawasan luar bandar yang sesuai untuk dibekalkan dengan elektrik secara sambungan ke grid.

Bagi kawasan yang jauh di pedalaman atau di pulau-pulau terpencil di mana penyambungan ke grid tidak dapat dilakukan disebabkan jarak yang terlalu jauh berserta dengan kos yang terlalu tinggi Sistem Solar High Grid telah pun digunakan sebagai *alternative* sungguhpun kos per kapita adalah tinggi. Bagi Sabah dan Sarawak pula peruntukan pembangunan dari KKLW digunakan untuk tujuan tersebut. Pada tahun 2005 Tabung AAIBE telah menyediakan peruntukan sebanyak RM110 juta bagi membekalkan elektrik kepada 5576 buah rumah di kawasan luar bandar. Bagi suku tahun pertama 2006 AAIBE telah menyediakan peruntukan RM14.7 juta bagi membekalkan elektrik ke perkampungan orang-orang asli di Semenanjung dan kawasan-kawasan pedalaman di Sabah melalui sumber tenaga alternatif dengan menggunakan sistem solar high grid sebanyak 243 buah rumah menerima faedah daripada peruntukan ini.

Kes bil elektrik yang tinggi - Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kepong mengenai kes-kes di mana pengguna telah menerima bil-bil elektrik yang tinggi, saya ingin memaklumkan bahawa Suruhanjaya Tenaga (ST) sentiasa memantau dan bekerjasama dengan pihak TNB dalam menyelesaikan aduan-aduan yang diterima mengenai masalah tersebut.

Terdapat dua keadaan di mana pengguna-pengguna menerima bil elektrik yang tinggi. Satu, pembacaan meter pengguna telah di caj terkurang disebabkan oleh:

- (i) ketidaktepatan meter;
- (ii) meter ataupun pemasangan yang berkaitan dengannya atau sebahagiannya gagal berfungsi;
- (iii) kesalahan pembaca meter;
- (iv) kesalahan pemakaian pendaraban tetap meter;
- (v) penyambungan bersilang pasangan kepada akaun yang berlainan; atau
- (vi) pemasangan yang salah.

Dalam keadaan ini, peraturan 11(2) dalam Peraturan-peraturan Bekalan Pemegang Lesen (Pindaan) 2002 membenarkan pemegang lesen membuat pelarasan secara terkebelakang ke atas akaun pengguna dengan syarat tempoh pelarasan ke belakang hendaklah tidak melebihi tiga bulan dari tarikh pengguna diberitahu tentang caj terkurang tersebut.

Kedua, pengguna disyaki mengambil atau mengguna tenaga dengan kurang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tidak bersetuju dengan sesiapa sahaja yang mencuri elektrik. Kalau kita dapati orang itu mencuri bekalan elektrik mesti tangkap dia dan hadapkan ke mahkamah.

Yang pentingnya Yang Berhormat, pihak TNB sudah mengutip kalau tidak silap saya lebih RM200 juta melalui kaedah ini.

Yang pertama, pihak TNB mempunyai *engineer* - jurutera, pakar, juruteknik dan sebagainya sudah berapa tahun sudah, kalau kawasan itu terdapat meter yang betul, kita memperbaiki dengan serta-merta. Apa masalahnya, adakah itu memang ada komplot ataupun pihak ahli-ahli di dalam TNB bersubahat dengan orang luar untuk mencuri bekalan elektrik. Kemudian orang yang tidak berdosa dikenakan tindakan.

Saya tidak mahu memihak kepada sesiapa yang mencuri. Tetapi macam mana kalau orang itu tidak mencuri tetapi 10 tahun atau 20 tahun kemudian, kita tukar meter itu kemudian kita caj kepadanya kerana biasanya dia tulis macam ini, kerana mengusik meter. Walhal orang itu tidak mengusik. Ini bermakna sistem yang ada dalam TNB itu tidak sempurna. Memang tidak sempurna. Kita mesti belajar dari orang lain seperti di US, United Kingdom, Singapura dan macam mana mengeluarkan bil dan sebagainya.

Saya tidak puas hati dengan cara-cara yang dibuat. Kali yang ketiga saya mengatakan saya tidak setuju dengan sesiapa yang mencuri elektrik. Tetapi bila kita adakan cara untuk mengutip dan mengeluarkan bil dan sebagainya untuk memperbaiki meter mesti kita kaji semula macam mana di Malaysia kita dapat mengatasi masalah istimewa Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Shahziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Terutamanya saya ingin mengatakan kepada Yang Berhormat bahawa saya bersetuju dengan Yang Berhormat pertamanya kita tidak menyokong mana-mana pihak yang mencuri tenaga elektrik.

Keduanya, kita juga tidak sokong sekiranya pihak Tenaga mengambil tindakan kepada mereka yang tidak berdosa dan tidak melakukan kesilapan sekiranya bil mereka tinggi. Pertamanya saya bersetuju dengan Yang Berhormat.

Berhubung perkara ini, suka saya nyatakan kepada Yang Berhormat kadang-kadang berlaku apabila penyewa bangunan atau premis baru, mereka tidak menukarkan namanya tetapi mereka tidak sedar bahawa meter telah diubahsuai dan perkara-perkara ini boleh dimajukan kepada Suruhanjaya Tenaga supaya Suruhanjaya Tenaga boleh mengenal pasti pihak mana yang bertanggungjawab dan terdapat juga kes-kes yang mana di bawa ke mahkamah dan akhirnya pengguna tidak bersalah. Sekali lagi saya ingin menegaskan ataupun bersetuju dengan Yang Berhormat, Tenaga Nasional Berhad tidak sepatutnya mengambil kesempatan sekiranya ada bil-bil tinggi tetapi mereka yang tidak bersalah dikenakan tindakan.

Dua pengguna disyaki mengambil atau menggunakan tenaga dengan curang. Bagi kategori pengguna yang disyaki mengambil atau menggunakan elektrik dengan curang terdapat dua pilihan tindakan yang boleh diambil di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 sebut berikut:

- (a) Tindakan penguatkuasaan oleh Suruhanjaya Tenaga menurut peruntukan Subseksyen 37(3) dalam Akta Bekalan Elektrik 1990; atau
- (b) tindakan oleh TNB menurut 38 dalam Akta Bekalan Elektrik 1990.

Di bawah pilihan (a) Suruhanjaya Tenaga telah dan sedang melaksanakan operasi untuk membanteras aktiviti-aktiviti pengguna elektrik secara curang ini. Sehingga akhir tahun 2005 sebanyak 60 premis yang disyaki menjalankan aktiviti penggunaan elektrik dengan curang telah diperiksa. Hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Tenaga, tindakan penguatkuasaan termasuk merampas meter pengguna telah dibuat dan seterusnya Kertas Siasatan telah dibuka bagi tujuan menjalankan siasatan lanjut.

Setakat ini terdapat 22 kes yang sedang disiasat oleh Suruhanjaya Tenaga dan satu kes difailkan di mahkamah oleh Suruhanjaya Tenaga. Kes-kes lain sedang dijalankan siasatan lanjut bagi mendapatkan bukti untuk tujuan tindakan undang-undang selanjutnya. Yang Berhormat bagi Kepong telah keluar.

Bagi pilihan (b) Seksyen 38, memberi kuasa kepada TNB memotong bekalan dan seterusnya menuntut apa-apa kerugian hasil yang disebabkan oleh kesalahan yang dilakukan oleh pengguna di bawah Subseksyen 37(1), 37(3) dan 37(14) dalam Akta Bekalan Elektrik 1990. Oleh itu sebarang tuntutan TNB kepada pengguna yang dibuat di bawah Seksyen 38 dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 tidak memerlukan tindakan penyelesaian yang diputuskan oleh Suruhanjaya Tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, jelaslah di sini bahawa Akta Bekalan Elektrik 1990 telah memperuntukkan kuasa-kuasa tertentu kepada Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Berhad. Kedua-dua organisasi ini saling bekerjasama melaksanakan tugas dan peranan mereka berdasarkan kuasa-kuasa yang diperuntukkan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pengguna.

Menyentuh dari segi industri air. Perbincangan mengenai Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih atas cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya mengenai Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air (RPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kedua-dua rang undang-undang ini dijadualkan pembentangannya di Dewan yang mulia ini untuk dibahaskan dengan lebih mendalam pada sesi persidangan yang sedang berlangsung pada hari ini, insya-Allah.

Penggunaan air secara berhemah. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyambut baik pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah agar setiap lapisan masyarakat diberi kesedaran bahawa sumber air di negara kita adalah terhad dan perlu digunakan secara berhemah. Ini adalah peranan kolektif semua pihak agar air yang dibekalkan tidak dibazirkan begitu sahaja.

Sehubungan ini, kementerian dengan kerjasama Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Malaysian Water Association (MWA) juga sedang merangka

kempen kesedaran terhadap penggunaan air secara berhemah dan akan dilancar sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedia maklum dan akan meneliti cadangan Yang Berhormat bagi Mambong agar kaedah *ecological sanitation* yang menggunakan bio *filter* dijadikan sebagai salah satu alternatif kepada rawatan kumbahan sekarang. Kementerian akan sentiasa berusaha untuk memajukan kaedah rawatan kumbahan dan akan memilih kaedah-kaedah yang bersesuaian dengan keadaan dan alam sekitar negara ini.

Masalah bekalan air di Negeri Sembilan. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai isu pembekalan air di Negeri Sembilan yang dibangkitkan Yang Berhormat bagi Rasah, kerajaan sedang berusaha untuk mengatasi masalah bekalan air di kawasan perindustrian dan penempatan Negeri Sembilan khususnya di daerah Seremban, Rembau dan Port Dickson.

Kementerian telah mencadangkan dua projek bekalan air untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan kos dianggarkan sebanyak RM1.01 bilion. Cadangan tersebut akan merangkumi Projek Empangan Batu Hampar, Satelit Loji Air untuk kawasan Port Dickson dan Projek Empangan Teriang serta Loji Air untuk kawasan Seremban dan Rembau.

Dengan siapnya kedua-dua projek tersebut, adalah diharapkan air bersih akan dapat dibekalkan secara berterusan ke kawasan-kawasan perindustrian dan penempatan di Negeri Sembilan sehingga tahun 2020. Berhubung dengan sektor komunikasi. Pertindihan bidang kuasa KTAK dan Kementerian Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bera, sukacita dimaklumkan bahawa tiada pertindihan bidang kuasa di antara Kementerian Penerangan dan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dalam melaksanakan penyelarasan dalam mengawal selia industri penyiaran. Ini jelas kerana fungsi penyelarasan kawal selia industri penyiaran swasta dilaksanakan melalui Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998). AKM 1998 ini diletakkan di bawah tanggungjawab KTAK, di mana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia SKMM bertindak sebagai badan kawal selia untuk membangunkan industri komunikasi dan penyiaran swasta. Manakala Kementerian Penerangan pula bertanggungjawab kepada stesen-stesen penyiaran milik kerajaan termasuk RTM 1 dan RTM 2 dan stesen-stesen radio kerajaan. Teknologi Y5 dan *broadband*.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata begitu, apabila Yang Berhormat Menteri sendiri dengan jelas ada kata, bahawa ada pertindihan tanggungjawab antara tiga kementerian sebenarnya dan cadangan beliau ialah sepatutnya tiga kementerian ini digabung sebagai satu kementerian. Bukankah ini nampaknya pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri bercanggah dengan Yang Berhormat Menteri dan bagaimana perkara ini sebenarnya boleh memberi satu penjelasan yang lebih rasional yang lebih wajar?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Sebenarnya dari segi pelaksanaan tidak ada pertindihan. Cuma yang nampak ada pertindihan kerana dari segi penerangan ada RTM 1 ada RTM 2 dan bagi Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang menjaga siaran TV dan radio swasta, mereka juga menggunakan spektrum. Maka, spektrum ini *common, common user* untuk kementerian ini dan juga penerangan dan sama-sama kena diagihkan secara adil berapa boleh bagi pada radio swasta, TV swasta dan berapa boleh bagi spektrum untuk penggunaan radio-radio kerajaan. Ini nampak seolah-olah pertindihan kerana satu benda yang terpaksa dikongsi secara bersama bukanlah dari segi pelaksanaan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, terima kasih. Kalau begitu kenapa Yang Berhormat Menteri tidak boleh nampak yang dinampak oleh Timbalan Menteri ini?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor** Dia nampak lebih jelas, dia nampak yang lebih besar. [Ketawa] Dia nampak daripada puncanya, saya nampak penjelasan ini dari segi bawah, dari segi pelaksanaan. Sebab itu Yang Berhormat cuba-cuba nakal sedikit Yang Berhormat, terima kasih. Teknologi Y5 dan *broadband*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat pula telah membangkitkan isu rangkaian jalur lebar. Perkhidmatan jalur lebar di Malaysia disediakan menggunakan pelbagai teknologi seperti ADSL, SDSL, ISDN dan juga teknologi *satellite*. Malaysia juga mempunyai rangkaian tulang belakang, *back bone network, network* yang baik sepanjang 70,000 kilometer terdiri daripada *cable fibre optic* daratan dan *cable fibre optic* dasar laut yang menjadi nadi utama komunikasi di Semenanjung Malaysia dan turut menghubungkan Sabah dan Sarawak.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia juga merupakan antara negara yang terawal mengorak langkah untuk meneroka potensi teknologi *wayMAX* yang dipercayai mampu menyediakan perkhidmatan jalur lebar tanpa *wire* meliputi jarak sehingga 30 kilometer. Beberapa projek perintis *wayMAX* akan dijalankan pada tahun 2006 di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti berpotensi seperti di Taman Teknologi Tinggi di Kulim. Dari segi kos perkhidmatan jalur lebar di Malaysia adalah merupakan yang termurah di rantau ini dengan kadar terendah RM44 sebulan bagi pakej 512 kbps. Bagi perkhidmatan internet biasa, khusus untuk penggunaan yang tidak memerlukan sambungan sentiasa ada atau *always on.....*

**Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Pensiangan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Sekejap ya..... pakej rendah RM20 sebulan bagi penggunaan terhad turut ditawarkan di pasaran terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Pensiangan.

**Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri kerana memberi ruang bagi saya. Satu saya hendak tanya mengenai dengan penjelasan daripada Timbalan Menteri. Saya difahamkan pemasangan

*fiber optic* di Sabah pada seketika dahulu adalah satu projek yang tercicir ataupun *abundant* projek, *the fiber optics* dengan izin projek di Sabah.

Saya ingin kepastian daripada Timbalan Menteri sama ada rangkaian-rangkaian *fiber optics* ini masih lagi dijalankan di seluruh Negeri Sabah, itu soalan pertama. Soalan kedua permintaan *fiber optics* ini ataupun *broadbands*, saya rasa adalah permintaan-permintaan yang saya rasa yang perlu dikendalikan. Sebab kenapa, kalau kita lihat di bahagian pedalaman, permintaan sekolah-sekolah dan sebagainya yang memerlukan prasarana seumpama ini, saya pasti kementerian ini telah pun mengorak langkah dan telah mengatur dari segi strategi untuk membina ataupun membangun 'infra-infra' seperti ini. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pensiangan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Pensiangan, rangkaian *fiber optics* di negeri Sabah memang telah sedia ada, pada hari ini telah sedia ada. Cuma mungkin kegunaannya masih belum mencukupi tahap yang diharapkan oleh Yang Berhormat, dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang mana kawasan-kawasan luar bandar juga perlu mendapat perkhidmatan seperti *broadband* ini dan oleh sebab itu, maka kementerian ini menggunakan dana daripada USP fund iaitu *Universal Service Provision Fund* telah membantu untuk membekalkan sekolah-sekolah di luar bandar dengan *internet* supaya secara tidak langsungnya dapat membantu merapatkan lagi jurang digital yang ada antara masyarakat bandar dan luar bandar. Mana kawasan-kawasan pedalaman yang telah jauh, kementerian ini telah meminta supaya kontraktor-kontraktor yang melaksanakan projek ini membekalkan VSET supaya pelajar-pelajar di kawasan luar bandar ini tidak terjejas. Tetapi kadang-kadang masalahnya cuma sekolah-sekolah yang mungkin tidak mempunyai bekalan elektrik ini yang perlu diaddress dan saya yakin dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kementerian ini akan dapat mengatasi masalah ini dengan lebih baik di masa akan datang terima kasih.

**Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]:** Saya baru juga balik daripada pedalaman dalam seminggu dua ini dan telah mendapati VSET yang telah dipasang di beberapa buah sekolah di pedalaman ini yang tidak berfungsi sebagaimana yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri mengenai dengan ketiadaan generator ataupun ketiadaan bekalan diesel. Itu satu perkara,

Perkara yang kedua, yang saya lihat sebenarnya adalah dari segi penyelenggaraan prasarana ataupun infra-infra yang telah disediakan di pedalaman. Saya minta daripada kementerian ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa penyelenggaraan daripada Telekom dan daripada *service-service provider* ini, saya rasa amat lembap sekali. Inilah yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada *delivery system* kita ini yang lembap dan lemah dan yang lesu ini yang telah memberi satu akibat yang tidak baik kepada penuntut-penuntut ataupun murid-murid sekolah di bahagian pedalaman. Penjelasan terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pensiangan, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengutarakan pandangan yang mana terdapat kekurangan dari segi ketiadaan generator ataupun diesel di kawasan-kawasan pedalaman, yang mana mengakibatkan tidak dapat dibekalkan kuasa tenaga dan akhirnya VSET yang dibekalkan tidak dapat digunakan sebaik yang mungkin.

Sehubungan dengan perkara itu saya akan mengemukakan perkara ini kepada pihak pegawai dalam kementerian supaya pihak yang bertanggungjawab menjaga USP *fund* ini dapat mengambil tindakan secepat yang mungkin, dan berhubung dengan penyelenggaraan juga akan dimaklumkan kepada pegawai yang bertugas supaya perkara ini dapat diatasi sebaik mungkin dan segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan bahawa negara ini jauh ketinggalan berbanding negara jiran dari segi teknologi dan kos perkhidmatan jalur lebar merupakan satu andaian yang kurang tepat. Penyediaan infrastruktur komunikasi bagi sesebuah negara seperti Malaysia mempunyai banyak halangan fizikal dan geografi memerlukan modal yang tinggi berbanding negara jiran yang merupakan sebuah negara yang kecil, yang hanya mempunyai keluasan seluas Lembah Klang. Melainkan Singapura, kadar penembusan jalur lebar di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding negara ASEAN yang lain. Kadar ini meningkat dengan pelaksanaan pelan jalur lebar negara mulai tahun 2004, dengan jumlah pengguna yang semakin bertambah dan jumlah permintaan semakin meningkat adalah dijangkakan kos perkhidmatan jalur lebar akan dapat dikurangkan lagi dari masa ke semasa. Liputan telefon selular di Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu perkhidmatan selular di Sandakan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sukacita dimaklumkan bahawa program time 2 atau T2 yang bertujuan memperluaskan liputan selular bagi seluruh negara telah dilaksanakan mulai tahun 2005 hingga 2006 meliputi bandar-bandar utama, bandar pelancongan dan kawasan-kawasan pertumbuhan baru termasuk bandar Sandakan dan kawasan sekitarnya.

Usaha-usaha perluasan liputan adalah dijalankan dalam jangkauan 10 kilometer radius dari bandar-bandar dan laluan jalan utama di seluruh negara. Secara amnya hasil pemantauan di kawasan Sandakan mendapati bahawa liputan perkhidmatan telefon selular 7 kilometer radius dari Sandakan adalah agak memuaskan. Namun begitu, bagi lokasi spesifik yang ditetapkan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta pembekal-pembekal perkhidmatan telekomunikasi selular sedang menjalankan siasatan dan pemantauan menyentuh berhubung isu-isu dan tindakan sewajarnya akan diambil di bawah Program T2. Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat inilah sahaja penerangan yang dapat saya berikan untuk sesi kali ini mana-mana soalan yang tidak sempat saya jawab saya mohon maaf.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada dua lagi, boleh?



**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat menyentuh tentang stesen televisyen swasta dan saya tidak hendak ganggu sebab saya takut *jump the gun* tetapi rupanya sudah habis, ya. Satu, selepas Astro sekarang ada MITV di bawah bidang kuasa kementerian Yang Berhormat. Saya difahamkan bahawa MITV menjual sahamnya pada Ran Communications sebanyak 15% dan saya telah semak bahawa Ran Communications ini sebuah syarikat yang berasal dari Israel.

Kita ada *problem* dengan Astro dan juga mana-mana stesen televisyen swasta yang dari segi tanggungjawab sosial mereka dalam memberikan mutu ataupun berikan persembahan filem-filem ataupun drama-drama yang melibatkan tentang masalah sosial dalam negara kita. Kita juga amat prihatin tentang Syarikat Ran Communication ini kalau betul ianya berasal daripada negara Israel maka sudah tentu satu syarikat yang diizinkan untuk hadir dalam negara kita yang berurusan dengan masalah komunikasi yang merupakan sangat strategik terhadap keselamatan negara maka ini saya harapkan diambil perhatian serius. Adakah Yang Berhormat sedar tentang kehadiran syarikat ini dan apakah tindakan, kalau sedar apakah tindakan yang telah dibuat oleh kementerian Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini saya tidak ada jawapan yang tepat berhubung dari segi pecahan saham yang ada dalam MITV dan saya akan pulang ke pejabat esok dan dapat *all the details* dan akan beri satu jawapan bertulis kepada Yang Berhormat berhubung dengan isu ini.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya baik, Kuala Selangor.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sampai ke hujung tidak ada jawapan kepada soalan saya bangkitkan semalam. Apakah pendirian kementerian atau tindakan yang akan diambil kepada Syabas kerana membekalkan air minum yang berbau kepada para pengguna? Terima kasih, Timbalan Menteri.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Yang terhormat bagi Kuala Selangor. Suka saya nyatakan terlebih dahulu bahawa masalah yang dibangkitkan berkenaan peristiwa air berbau pada 26, 28 Februari 2006 di Lembah Klang. Kejadian ini adalah berpunca daripada air mentah di Sungai Selangor, dan di dalam hal ini adalah perlu dijelaskan bahawa sebenarnya Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) adalah merupakan pihak yang bertanggungjawab mengagihkan dan bukan dari segi merawat air.

Dalam hal ini, apa yang perlu kita lakukan sebenarnya adalah mengelakkan pencemaran air sungai ataupun mengadakan teknologi merawat punca-punca pencemaran tersebut. Disebabkan oleh pencemaran tersebut dan untuk memastikan bekalan air lebih kepada 60%

pengguna Lembah Klang tidak terganggu, pengusaha Loji Splash dan PNSB telah meningkatkan dos klorin bagi memastikan air dirawat itu adalah selamat untuk digunakan.

Dan, sebagaimana Yang Berhormat maklum bahawa hari ini kuasa dalam segi bekalan air di Selangor ataupun negeri-negeri lain masih lagi belum dipindahkan pada Kerajaan Pusat sebab itu kita akan bantangkan dua rang undang-undang ada persidangan kali ini iaitu Rang Undang-undang Industri Pembekalan Air dan juga Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Maka, hanya itu sahaja maklumat yang saya boleh utarakan kepada Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terakhir mungkin, Tuan Yang di-Pertua mengenai air yang ada disebut ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan satu laporan dalam *New Strait Times* semalam bahawa air yang begitu, sungguhpun berbau, *drinkable*, boleh diminum selepas satu ujian yang dibuat oleh satu *lab* yang menggunakan peraturan-peraturan untuk *effluence*, dan bukan untuk *drinking water*. Dan oleh kerana ini satu perkara demi kepentingan orang ramai, adakah kementerian bersetuju dengan satu laporan semacam itu.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya hanya boleh bersetuju dengan air yang memenuhi spesifikasi-spesifikasi yang telah ditetapkan oleh WHO dan juga standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kalau air yang dinyatakan ini mematuhi standard WHO ini dan juga mematuhi standard Kementerian Kesihatan, maka saya setuju air itu boleh diminum. Kalau saya tidak tengok, saya tidak lihat, hanya setakat saya tidak boleh setuju sama ada air itu sesuai atau tidak. Itu sahaja saya boleh bagi komen.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, ini spesifik! Oleh kerana ini spesifik mengenai air di Lembah Klang yang dilaporkan oleh *New Strait Times*, tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri ada membaca.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** *I know.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Itu isu adakah setuju.....

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** *I need to get clearance from Ministry of Health and juga that the water meet all the specification.....*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cakap bahasa Melayu, Yang Berhormat.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berhubung perkara ini sebagaimana saya nyatakan tadi sebelum saya bersetuju saya perlu mendapat kenyataan daripada pihak Kementerian Kesihatan bahawa air yang telah dikeluarkan ini memenuhi spesifikasi-spesifikasi yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan *than only I can*, boleh saya bersetuju. Tanpa mengetahui spesifikasi-spesifikasi ini macam mana saya hendak setuju kalau mereka tidak memenuhi spesifikasi-spesifikasi yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan yang menjadi aturan bekalan air yang ada di negara kita, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Adakah ini bererti bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bersetuju mengenai laporan itu, oleh kerana sebenarnya kalau mahu mengikut peraturan WHO ialah *clear, colorless and the odorless*. Ini satu kriteria yang berlainan daripada apa yang digunakan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Saya faham, saya faham Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya bersetuju dengan Yang Berhormat hanya jika air yang dinyatakan dalam kenyataan itu memenuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh WHO dan Kementerian Kesihatan *then* saya setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Kalau tidak penuh spesifikasi ini I *cannot agreed with that*, dengan izin. Mana-mana soalan yang saya tidak sempat jawab saya mohon maaf. Kementerian mengambil maklum segala isu dan cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan tindakan susulan akan diambil dengan segera. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang giliran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk beri jawapan.

#### 7.08 mlm.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina mengenai perkara-perkara yang ada hubung kait dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja. Izinkan saya memberi jawapan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Puchong ingin mengetahui dalam konteks dasar ekonomi terbuka yang diamalkan. Bagaimana kerajaan dapat melindungi industri yang mempunyai kepentingan negara secara lebih efektif agar tidak memberikan kesan negatif kepada negara dalam jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua kerajaan sentiasa peka tentang kepentingan pembangunan industri tempatan terutamanya terhadap industri yang strategik. Pembukaan pasaran akan dibuat sekiranya ia memberi manfaat kepada negara serta apabila industri telah bersedia. Bagi sektor perkhidmatan pembukaan pasaran dilakukan berdasarkan prinsip liberalisasi berperingkat atau *progressive liberalization*, dengan izin. Pendekatan ini diambil bagi semua peringkat rundingan perdagangan sama ada peringkat berbagai hala, serantau ataupun dua hala.

Dalam konteks industri perkhidmatan pada peringkat ini, negara kita telah pun bersetuju untuk mengikat 6 sektor, sub sektor dalam *initial offer* iaitu pada 3 Disember 2004;

- (i) *Architectural Services,*
- (ii) *Health Related and Associates Services,*
- (iii) *Competent and Related Services,*
- (iv) *Telecommunications,*
- (v) *Constructions and Related Engineering dan Educational Business.*

Dengan izin.

Walau bagaimanapun kita menghadkan pihak luar untuk mengambil ekuiti dalam sektor-sektor tersebut. Umpamanya dalam *Health Related* dan *Associates Services* kita hanya membenarkan sebanyak 40% ekuiti dipegang oleh orang luar.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini sebagaimana disarankan oleh Yang Berhormat dari Kuala Pilah, Malaysia akan terus terlibat secara aktif dalam rundingan serantau dan pelbagai hala seperti ASEAN, APEC dan pertubuhan perdagangan dunia atau *World Trade Organization* yang menuju ke arah meningkatkan perdagangan antarabangsa dan pelaburan. Adalah didapati bahawa pandangan-pandangan Malaysia sentiasa diambil perhatian dalam forum-forum berkenaan seperti mesyuarat-mesyuarat menteri WTO di Hong Kong pada bulan Disember 2005 dan mesyuarat informal Menteri-menteri WTO di Davos pada Januari 2006.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Kudat dan Yang Berhormat daripada Bintulu telah membangkitkan isu mengenai ....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Minta penjelasan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya, sila.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mengenai WTO dan *Multilateral Talks*, oleh kerana sekarang Malaysia sudah dalam proses mengadakan FTA dengan US dan pun sudah menandatangani FTA dengan Jepun. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kenapa satu masa dahulu Malaysia menentang dengan keras proses FTA khususnya Singapura dengan US masa itu bahawa melanggar proses multi literal dan WTO. Nampak sekarang Malaysia sudah *embrace* proses FTA dan pun bersetuju dengan WTO *plus* kempen. Apa sebab Malaysia sudah tukar pendirian yang begitu serius?

Dan kedua, kenapa proses FTA dijalankan tanpa *transparency* khususnya dengan satu *Parliamentary oversight* dan penglibatan *civil society* dan adakah proses FTA Jepun – US satu *agreement* yang sebenarnya memudaratkan kepentingan negara Malaysia?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, semasa Singapura dan Amerika menandatangani perjanjian FTA, saya tak ingat tahun berapa tapi beberapa tahun yang lalu. Pada ketika itu dasar sebahagian besar negara mempercayai kepada sistem multi literal iaitu sistem WTO. Tapi setelah kita melalui proses sama ada di Duha kemudian di Cancun, kita dapati bahawa sistem itu tidak bergerak sangat termasuk selepas mesyuarat di Hong Kong baru-baru ini. Dan sebahagian besar negara di dunia mula

mengamalkan sistem mengadakan FTA sebagai langkah untuk menuju kepada pembukaan pasaran, baik bagi produk-produk barangan mahu pun perkhidmatan.

Justeru, kita mengambil langkah yang sama, pertama melalui *regional* FTA dengan *Free Trade Area* ASEAN dan ASEAN dengan China. Dan selepas itu kita mempunyai perjanjian dengan Jepun. Mengenai dengan tanpa *transparency*, sebenarnya proses bagaimana kita berunding dengan FTA ini, bagi satu negara dengan sistemnya tersendiri. Bagi Amerika Syarikat, kongres akan memberi mandat kepada *negotiators* pada satu-satu tempoh diletakkan beberapa *term of reference* sehingga pada bulan Julai tahun 2006, kuasa itu akan luput. Dalam konteks negara kita, apabila kita merundingkan satu FTA, kita akan melibatkan mereka daripada industri.

Kementerian-Kementerian yang terlibat ini akan berbincang antara satu sama lain. Kemudian, kita akan pergi kepada industri semua sektor-sektor industri yang terlibat sebagai contoh saya ambil dari sudut dalam FTA ASEAN ataupun perbincangan WTO termasuk ASEAN dengan China. Dalam bidang perkhidmatan umpamanya, kita akan berbincang dengan mereka yang terlibat dalam sektor tersebut dan mendapat pandangan. Berdasarkan pandangan tersebut, kita akan mengambil kira bahawa kapasiti kita belum sampai kepada tahap bahawa kita boleh buka sepenuhnya berdasarkan kepada maklumat tersebutlah kita bawa dalam mesyuarat-mesyuarat WTO, *Regional* FTA, ASEAN-China dan *by lateral*.

Mengenai dengan FTA dan Jepun, sebenarnya kita selalu melihat seolah-olah negara kita berada pada tahap yang '*crisising end*' dengan izin, di belakang dan kita *disadvantage*. Sebenarnya kalau kita lihat dari segi keseluruhan konteks FTA dengan Jepun, sebenarnya ia memberi banyak *advantage* kepada kita. Pertama dari segi *market access*, kita mendapat kelebihan *market access* lebih kurang beberapa produk, lebih kurang 8,414 produk yang diberikan import duti yang rendah membolehkan kita *access* kepada pasaran tersebut.

Kedua dari segi pelaburan yang mengalir ke negara kita kerana kita mesti ingat, negara kita sebuah negara macam mana negara dunia lain termasuklah ekonomi besar sekali pun, bergantung kepada FDI, Amerika bergantung kepada FDI, Jepun dan semua negara, kita juga begitu. Maka melalui FTA dengan Jepun ini, ia membolehkan memudahkan pelaburan Jepun datang ke negara kita. Kemudian balik kepada aspek *access* tadi kepada pasaran, kadang-kala kita menghadapi masalah *none treat various* seperti *recognition* kepada standard produk kita itu. Melalui proses itu kita ada *mutual recognition* yang kita akan bekerjasama untuk meningkatkan mutu produk kita kepada *standard* yang kita kehendaki di Jepun, kita tahu di Jepun peraturan begitu ketat, '*..... sanitary requirement*' sangat tinggi.

Jadi kita perlu orang Jepun untuk datang, untuk bekerjasama dengan kita bagaimana untuk meningkatkan itu. Dan yang tidak kurang penting adalah dari segi kerjasama kita dengan Jepun. Kita kena terima hakikat bahawa ekonomi kita masih pada satu tahap tertentu, belum lagi pada puncaknya, *not yet a matured economic* dengan izin. Jadi kita perlukan kepada kapasiti

*building*, kalau dalam bahasa ekonomi dia kata, *productivity frontier* yang lebih, *Productivity Possibility Frontier* (PPF) yang lebih tinggi lagi. Di sini kita ambil dalam sektor automotif umpamanya, kita tahu kita ada industri automotif kita terdiri daripada *manufacturers, assemblers* dan juga *components suppliers*.

Kita nak jadikan negara kita *hub* untuk *regional* dan juga untuk dunia tapi kapasitinya belum sampai ke situ. Jadi kita perlukan kepada kerjasama dan di bawah apa yang kita panggil, kita telah pun membentuk apa yang kita panggil sebagai *joint task forces* selepas ditandatangani pada 13 Disember lalu. Kita telah mengadakan mesyuarat untuk mewujudkan *joint task forces* dalam bidang automotif termasuk berbagai bidang, automotif *technical expert* dengan izin, 'mould and die' centre in Malaysia termasuklah 'waited type approval', automotif *skill training*. Termasuk kepada peringkat kita mempunyai satu program untuk di pameran automotif Jepun, kita mempunyai *booth* untuk *promote* kan untuk produk-produk kita.

Jadi perkara ini telah pun dilakukan, dan kita juga ada kerjasama dalam bidang-bidang lain, bidang-bidang pertanian, perikanan, perhutanan, perladangan, ICT dan sumber manusia sains dan teknologi (SMB), dan pelancongan. Kita mesti lihat dari segi pakej yang menyeluruh. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai US, US ini Tuan Yang di-Pertua, kita telah menandatangani *Trade Investment Framework Agreement* (TIFA), saya ingat lebih kurang setahun yang lalu. Ini bertujuan untuk kita mengenali antara satu sama lain, kita mesti sedar bahawa Amerika merupakan rakan ekonomi kita yang terbesar. Dari segi eksport kita ke Amerika, adalah merupakan eksport dan import merupakan yang terbesar sekali di dunia. Malah dari segi *surplus* perdagangan kita dengan Amerika, memihak kepada kita yang terbesar sekali dibandingkan dengan negara-negara lain.

Di samping itu FDI, sumber yang terbesar datang daripada Amerika Syarikat. Kita hendak mengukuhkan lagi perkara ini jadi melalui TIFA dalam rundingan, sebenarnya pelabur dan pedagang Amerika mempunyai pelbagai persepsi tentang negara kita. Umpamanya dari segi intelektual *properties rights*, mereka mendapat berbagai-bagai laporan.

Akhirnya sebenarnya tindakan-tindakan telah kita ambil. Tapi oleh kerana kita tidak mempunyai *channel* untuk kita berbincang dengan mereka, mereka mengambil tanggapan bahawa laporan akhbar yang dibuat tersebut adalah *final* maka kita tidak ambil tindakan.

Jadi melalui proses itu kita telah kenal-mengenal antara satu sama lain dan sekarang kita dapati bahawa sudah tiba waktu untuk kita melihat kemungkinan untuk mengadakan FDA. Sekarang baru dalam proses rundingan. Saya tahu ada beberapa isu kompleks di mana saya nyatakan di Parlimen minggu lalu yang kita akan hadapi dengan Amerika Syarikat. Yang penting sekali adalah prinsip kita dalam menghadapi satu FDA ini adalah prinsip yang memberi *advantage* kepada kita.

Maknanya akhirnya rundingan ini akan menentukan. Saya percaya jika tidak memberi *advantage* kepada kita, kita tidak akan bersetuju untuk menandatangani kerana dua belah pihak ini perlu untuk bersetuju barulah satu perjanjian itu boleh terjadi. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, minta laluan sedikit. Hendak tahu sedikit boleh?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya hendak tahu Yang Berhormat tentang perdagangan kita dengan China kerana China sekarang ini adalah sebuah negara dasar terbuka dan banyak pelabur-pelabur telah memasuki ke negara China untuk melabur dan apakah program ataupun apakah hala tuju kita hubungan dagangan kita antara China dan mungkin juga dengan India? Sekarang ini India pula akan menjadi sebuah negara yang nampaknya pelaburan terbuka begitu luas. Apakah kita telah bersedia untuk bersama berurus dagang di antara kedua-dua buah negara ini dengan Malaysia? Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Satu-satu hubungan ekonomi, saya tidak panggil perdagangan kerana hubungan ini ada perdagangan, ada pelaburan, ada kerjasama. Jadi saya gunakan perkataan hubungan ekonomi. Satu hubungan ekonomi itu mempunyai beberapa prinsip. Pertama dari segi perdagangan. Perdagangan kita dengan China merupakan yang kelima kalau tidak silap yang terbesar dan pertumbuhan yang begitu pesat. Kita mesti ingat bahawa dari segi GDP, China jumlahnya USD1.8 trilion satu ekonomi yang cukup besar dan satu perkembangan yang begitu besar. Ia menjadi satu pasaran besar kepada kita. Yang selalu kita pertikaikan ataupun kita rasa satu cabaran kepada kita, bagaimana kita hendak bersaing dengan China kerana China menghasilkan produk lebih murah daripada kita.

Sebenarnya dari segi pasaran di mana pernah saya nyatakan bahawa tiap-tiap negara mempunyai segmen pasaran masing-masing. Kekuatan di tempat masing-masing dan kekuatan dalam bidang masing-masing. Ada bidang yang kita tidak boleh lawan dengan China dan ada bidang yang China tidak boleh lawan dengan kita. Dalam bidang ENE kita masih lagi kuat. Bidang yang berteraskan kepada kayu, kepada getah, petroleum dan sebagainya kita masih kuat malah dari segi bidang melibatkan bahan-bahan binaan kita masih kuat.

Jadi dari segi perdagangan kita dengan China bertambah kuat dari masa ke semasa. Dari segi pelaburan pula China merupakan negara yang turut melabur di negara kita dan kita juga turut melabur di negara China. Ramai usahawan kita sekarang berada di China. Dari segi statistiknya dari bulan Januari hingga September 2005, pelaburan kita di China berjumlah lebih kurang RM400 bilion. Maknanya kita juga dapat keuntungan dari segi pelaburan di sana dan kalau kita lihat dari segi struktur ekonomi dunia jadi agak pelik. Kadangkala produk yang kita import itu sebenarnya datang daripada pelabur kita sendiri. Ini berlaku dalam dunia perdagangan.

Begitu juga kita dengan India. Ada bidang-bidang yang kita kuat terutama termasuklah bidang-bidang binaan. Kita banyak membuat kerja-kerja binaan di India. Kita tidak boleh duduk dan mengatakan bahawa kita akan sentiasa dapat menghadapi persaingan daripada China dan India. Kita akan berterusan untuk meningkatkan daya saing kita dari segi produk yang kita hasilkan melalui dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan ke arah untuk meningkatkan kalau dari segi SME kepada peringkat yang lebih tinggi produk kita kepada peringkat yang lebih tinggi.

Yang Berhormat bagi Kudat dan Yang Berhormat bagi Bintulu telah membangkitkan isu mengenai daya saing negara berdasarkan laporan-laporan yang diterbitkan oleh *International Institute for Management*, laporan *Doing Business in 2006*, *Creating Jobs* oleh Bank Dunia dan laporan *World Economic Forum*. Kebimbangan telah diutarakan mengikut lesen negara yang telah merosot. Mengenai perkara ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya telah berapa kali saya bincang dan setengah daripada laporan berkenaan memberi gambaran yang kurang tepat sebenarnya dalam tahap daya saing negara memandangkan penilaian mereka adalah berasaskan persepsi ataupun tanggapan yang tidak berasaskan fakta dan penilaian objektif.

Oleh itu, analisa mereka tidak memberikan gambaran keadaan sebenar. Sebagai contoh, walaupun laporan-laporan berkenaan menyebut daya saing negara menurun tapi pada hakikatnya jumlah pelaburan dan eksport negara terus meningkat. Pada tahun 2005 Malaysia merupakan pengeksport ke 18 terbesar di dunia dengan jumlah eksport bernilai RM533.8 bilion berbanding RM480.7 bilion pada tahun 2004. selain itu Malaysia telah berjaya menarik pelaburan bernilai RM34.2 bilion iaitu kenaikan sebanyak 10% berbanding RM31.1 bilion pada tahun 2004. Ini mencerminkan tahap keyakinan pelabur asing dan tempatan yang terus tinggi.

Sungguhpun demikian, kerajaan akan terus mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan lagi tahap daya saing negara termasuk peningkatan keupayaan sistem penyelenggaraan kerajaan, menaik taraf infrastruktur, meningkatkan produktiviti dan persekitaran pelaburan yang lebih *conducive* juga kerana akan terus memperbaiki aspek-aspek yang sememangnya jelas masih belum memuaskan dan memerlukan usaha-usaha tertentu untuk ditingkatkan prestasi dan kualiti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya telah mencadangkan agar usaha diambil untuk membantu *small medium enterprise* (EKS) menerokai pasaran di luar negara. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk membantu EKS menceburi bidang eksport. Ini termasuk peningkatan keupayaan mengeksport melalui latihan dan pendedahan terhadap peluang-peluang pasaran antarabangsa, pematuhan piawaian antarabangsa, memahami prosedur eksport import, meningkatkan kemahiran pemasaran yang memahami kehendak pengguna.

Galakan EKS mengambil bahagian dalam program promosi eksport seperti penyertaan dalam pameran-pameran perdagangan antarabangsa, visi perdagangan dan pelaburan, *install promotion* dengan izin dan mempamerkan produk syarikat iaitu sub-sub perdagangan NPC di



Dubai dan Johannesburg. Menganjurkan misi-misi pembelian ke Malaysia dan mengaturkan pertemuan-pertemuan perdagangan di antara pengimport asing dan syarikat tempatan khususnya EKS bagi mempromosi produk-produk mereka dan melaksanakan program pembangunan *enterprise* kecil dan sederhana EKS secara bersepadu di program dengan izin *hits start* RM500 dan global *supplier* program oleh SMIDEC bagi tujuan mewujudkan pembekal dan pengeluar bertaraf global.

EKS yang layak boleh juga ditawarkan insentif-insentif seperti geran pembangunan pasaran sehingga RM100,000 bagi setiap syarikat, untuk pembangunan pasaran eksport dan insentif cukai seperti potongan cukai dua kali, perbelanjaan promosi eksport dan jenama Malaysia bertujuan mengurangkan kos promosi eksport bagi syarikat-syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat juga ingin mengetahui setakat mana Malaysia telah berjaya meningkatkan *indigenous capacity* dengan izin dan sama ada pengilang Malaysia telah berjaya melepasi tahap sebagai OEM atau *original equipment manufacturer* kepada ODM atau *original design manufacturer*. Tuan Yang di-Pertua, beberapa pengilang Malaysia telah melepasi tahap dari pengilang kelengkapan asal *original equipment manufacturer* (OEM) kepada pengilang reka bentuk asal *original design manufacturer* (ODM).

Sebagai contoh, syarikat-syarikat yang melepasi tahap OEM ke ODM adalah dalam sektor automotif dan elektrik dan elektronik (ENE). Dalam sektor ENE terdapat syarikat *indigenous* dengan izin yang mulanya berperanan sebagai OEM. Tetapi kini telah berkembang sebagai ODM dan menjadi pembekal bukan sahaja kepada operasi syarikat multinasional di Malaysia tapi juga kepada rangkaian global mereka.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Bangun]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Petrajaya dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, boleh tanya sedikit lagi?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat kata syarikat-syarikat kita dari segi automobil sudah berjaya. Tapi apakah masalah yang kita masih belum dapat *penetrate world market* kereta-kereta keluaran kita ini walaupun dengan dasar baru ini, saya nampak Proton dan Perodua begitu juga dengan Naza dia akan cuba mencari pasaran antarabangsa dan kalau tidak mereka akan menghadapi masalah persaingan dengan kereta-kereta yang ada pada hari ini.

Jadi adakah Yang Berhormat boleh *endorse* bahawa Proton, Perodua telah bersiap-sedia dengan segala kepakaran-kepakaran dia, dengan model-model dia untuk kita hantar kereta-kereta ini di pasaran terbuka? Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyatakan kita telah berkembang di ODM. Ini melibatkan syarikat-syarikat termasuk dalam bidang automotif. Sebenarnya dari segi eksport kita dalam bidang automotif, besar terutama bagi *component supplier*. Maknanya dari segi *component supplier* daripada IKS telah membesar menjadi *global supplier*. Pembekal kepada multi-nasional. Yang Berhormat menyentuh mengenai dengan Proton dan Perodua. Saya lihat dalam dasar automotif baru ini, penekanan diberi kepada usaha untuk menaikkan daya saing Proton dan Perodua. Sekurang-kurangnya dia menjadi syarikat yang dapat mengeksport *product* mereka di peringkat rantau ini.

Saya telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak Proton. Mereka sedang membuat beberapa strategi. Antara strateginya, mereka merasionalisekan dari segi pasaran. Kalau dulu ditumpukan kepada banyak penjuror pasaran. Sekarang ini dikurangkan kepada pasaran tertentu. Asia Timur, ASEAN, England, Afrika Utara dan Selatan, Australia. Maknanya, ditumpukan secara fokus kepada pasaran-pasaran tersebut. Dan mereka percaya pada tahun 2009, sekurang-kurangnya 100 ribu unit akan dapat dijual di luar negara.

Apa yang mereka hadapi, antara lain, adalah masalah dari segi *product*. Menghasilkan *product* mengikut *delivery time* yang betul, kerana pada peringkat lalu mereka berhadapan dengan masalah *component suppliers* yang tidak membekalkan komponen tersebut tepat pada waktunya. Dan didapati bahawa mereka telah pun mengatasi masalah tersebut. Dan kita tahu di bawah dasar automotif nasional yang baru ini, kerajaan telah memperuntukkan, antara lain, *Industrial Adjustment Fund* yang boleh digunakan oleh kedua-dua syarikat, termasuklah pengilang dan *assembler*, pengeluar, *manufacturer*, *assembler* dan juga *component supplier*. Mereka boleh gunakan *Industry Adjustment Fund* dari segi jumlahnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, sila, sila.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Boleh sambung lagi, ada sikit lagi. Jadi, di samping itu, kerajaan juga menyediakan peruntukan untuk R&D dan juga *training*. Ini semua bertujuan untuk kita semua dapat meningkatkan dari segi kemahiran dan juga dari segi kapasiti pengeluar kereta kita. Dan saya yakin bahawa dengan pendekatan tersebut dan pengubahsuaian syarikat-syarikat kita kepada perubahan struktur dunia yang berlaku, kita boleh melaksanakannya. Umpamanya, Proton sekarang ini sedang berbincang dengan pihak Mitsubishi untuk mengeluarkan model yang sama dengan Volkswagen dan beberapa *alliance* sedang dijalankan oleh pihak Proton supaya dapat mencapai daya saing di peringkat antarabangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Bukit Bintang.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana di negara kita ada empat kereta nasional sekarang, Proton, Perodua, Naza dan Inocom. Saya ingin tahu, apa kedudukan hanya dua kereta nasional yang

diberi insentif kepada Proton atau Perodua. Apa kedudukan Naza dan Inocom tentang ini dan insentif yang diberikan oleh R&D atau apa-apa insentif yang diberi oleh kementerian? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan di Dewan ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Dari segi kerajaan, kerajaan melihat kepada keseluruhan industri automotif yang terdiri daripada *manufacturer, assembler, component suppliers*. Dan ingin menjadikan negara ini sebagai hub untuk industri automotif. Dan bukannya pengeluar, *manufacturer* semata-mata, tapi ketiga-tiga sektor termasuklah *component suppliers*. Saya difahamkan dari segi dasar automotif nasional, *Industry Adjustment Fund* ini diberi kepada semua pihak yang memerlukan mengikut kriteria yang mereka telah penuhi. Beza Naza dengan Perodua, Proton, dari segi nasional status Naza, diberi kepada model, bukan diberi kepada syarikat. Manakala dari segi Proton diberi kepada syarikat. Maksudnya mana-mana model yang dikeluarkan oleh syarikat itu adalah kereta nasional. Manakala dari segi Naza, hanyalah model-model yang diluluskan oleh pihak kerajaan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh tanya sikit?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Sikit.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Syabaslah kerana kita telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa untuk menjual, memasarkan kereta Proton. Dan yang lain berjumlah 100 ribu unit. Cuma saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, setakat pemasaran, belum tentu kita dah berjaya. Cuma kita nak tahu apakah kereta-kereta ini boleh dijual? Dan berapakah peratus gambaran kereta kita ini boleh dijual di pasaran antarabangsa? Apakah Yang Berhormat boleh melihat tentang kenderaan-kenderaan, kereta buatan Malaysia ini, di peringkat antarabangsa dalam negara-negara Yang Berhormat sebut tadi, termasuk di Eropah dan sebagainya, bahawa kereta ini boleh dibeli oleh penduduk-penduduk di sana. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya kata 100 ribu pada tahun 2009, bukan sekarang. Pada tahun ini sehingga, .....kerana pihak Proton, *year end*, kewangannya adalah pada bulan Mac. Sehingga untuk *year end*, Mac 2006 mereka telah jual lebih kurang 10 ribu unit di luar negara. Mana jual itu, juallah bukannya kita letak di luar negara. Jadi target mereka, pada tahun 2009 mereka akan dapat jual 100 ribu unit di pasaran-pasaran yang saya sebutkan tadi. Itu dia punya *planning*. Saya boleh terus ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk ya. Boleh sambung besok ya.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Baik.

**Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 7.37 malam.**

**13 Mac 2006****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ **Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator**
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ **Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO**
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO

14. “ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO**
15. “ Menteri Pelajaran, Dato’ Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ **Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO**
22. “ **Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO**
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ **Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO**
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M.,D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ **Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO**
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

1. Yang Berhormat **Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN**
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ **Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA**
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ **Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO**
16. “ **Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA**
17. “ **Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN**
18. “ **Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA**
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ **Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO**
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA

24. “ **Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO**
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ **Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA**
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ **Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN**
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ **Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO**
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ **Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO**
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ **Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO**
39. “ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator**

#### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC

4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. " **Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO**
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **Datin Paduka** Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. " **Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator**
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

#### AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. " **Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO**



7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. " **Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB**
12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. " Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA

43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ **Datuk** Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ **Datuk** Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
- 60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN**
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ **Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P.** (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
- 69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO**
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ **Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad** (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO

79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ **Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO**
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ **Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO**

- 114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO**
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk **Dr.** Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS
- 

### **Fakta**

Speaker	=	3	
Menteri	=	30	(Menteri daripada Senator 2)
T/Menteri	=	38	(T/M daripada Senator 1)
SuPar	=	19	(SuPar daripada Senator 1)
Ahli Biasa	=	129	
<b>JUMLAH Ahli Parlimen</b>	<b>=</b>	<b>219</b>	

### **DEWAN RAKYAT**

#### **Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato’ Abdullah bin Abdul Wahab

#### **Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)**

Roosme binti Hamzah

#### **PETUGAS-PETUGAS**

#### **PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Kamisah binti Sayuti  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiah binti Jamaludin  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Hairan bin Mohtar  
**Nurziana binti Ismail**  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Nurul Asma binti Zulkepli